Bil. 13

Isnin
30 Mac 2015

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT (Halaman 18)

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2014) 2015 (Halaman 26)

USUL-USUL:
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 19)

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan (Bil.1) 2014 (Halaman 27)

Diterbitkan Oleh:
CAWANGAN PENYATA RASMI
PARLIMEN MALAYSIA
2015

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.

2. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO

3. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N. [Kuala Krau] - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan I, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan) – UMNO

2. " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan I, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO

3. Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. [Cameron Highlands) - MIC

4. " Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. [Padang Rengas] - UMNO

5. " Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M [Sembrong] - UMNO

6. " Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P. [Bentong] - MCA

7. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K, D.S.A.P, D.M.S.M., J.P. [Semporna] - UMNO

8. " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa Mohamed [Jeli] - UMNO

9. " Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kota Marudu] - PBS

10. " Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato Sri Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S. [Betong] - PBB

11. " Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K. [Bagan Datok] - UMNO

12. " Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek [Kemaman] - UMNO

13. " Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K. [Segamat] - MIC

14. " Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] - UMNO

15. " Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] - UMNO

16. " Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kimanis] - UMNO

17. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. [Jerai] – UMNO

18. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Idris Jala - *Senator*

19. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.G.D.K., S.P.D.K., P.S.M., J.P. [Pensiangan] - PBRS

20. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S. [Selangau] – PRS

21. " Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B. [Batang Lupar] - PBB

22. " Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S. [Petrajaya] - PBB

23. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P. [Kuala Pilah] - UMNO

24. " Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. [Serian] - SUPP

25. " Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] - UMNO

26. " Menteri Pendidikan II, Dato' Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO

27. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau] - UMNO

28. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Abdul Wahid Omar - *Senator*

29. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kwan - *Senator*

30. " Menteri Belia dan Sukan, Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] - UMNO

31. " Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. [Kota Belud] - UMNO

32. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N. [Batang Sadong] - PBB

33. " Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K. [Ranau] – UPKO

34. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. [Ayer Hitam] - MCA

35. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mah Siew Keong, A.M.P., D.P.M.P. [Telok Intan] – GERAKAN

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato' Noriah binti Kasnon, D.P.S.M., D.S.A.P., S.M.S., P.J.K. [Sungai Besar] - UMNO

2. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Saravanan a/l Murugan [Tapah] - MIC

3. " Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] - UMNO

4. " Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - UMNO

5. " Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] - UMNO

6. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] - UMNO

7. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO

8. " Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] - MCA

9. " Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. [Mambong] - PBB

10. " Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M. [Santubong] - PBB

11. " Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap] - UMNO

12. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort] – UMNO

13. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun - *Senator*

14. " Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau] - UMNO

15. " Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] - UMNO

16. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] - UMNO

17. " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah - *Senator*

18. " Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan - *Senator*

19. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] - UMNO

20. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N. [Ledang] – UMNO

21. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Lee Chee Leong - *Senator*

22. " Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K. [Hulu Selangor] - MIC

23. " Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] - UMNO

24. " Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] - PBS

25. " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, , S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P. [Maran] - UMNO

26. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] - PBB

27. " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M. [Tangga Batu] - UMNO

28. " Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, *[kosong]*

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS

2. Yang Berhormat Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. " Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] - UMNO
4. " Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K. [Baling] - UMNO
5. " Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P. [Kalabakan] - UMNO
6. " Dato' Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. [Paya Besar] - UMNO
7. " Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] - UMNO
8. " Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [Igan] - PBB
9. " Dato' Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
10. " Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. [Jasin] - UMNO
11. " Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N. [Machang] - UMNO
12. " Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
13. " Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] - UMNO
14. " Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] - UMNO
15. " Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] - UMNO
16. " Tuan Anyi Ngau [Baram] - SPDP
17. " Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, D.P.M.K. [Pengerang] - UMNO
18. " Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K. [Kinabatangan] - UMNO
19. " Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] - UMNO
20. " Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] - UMNO
21. " Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] - PBB
22. " Dato' Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] - UMNO
23. " Dato' Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] - PBB
24. " Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P [Tanah Merah] - UMNO
25. " Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] - UMNO
26. " Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] - UMNO
27. " Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.S.A.P., D.I.M.P., S.A.P., S.I.M.P., S.P.M.P. [Rompin] - UMNO
28. " Datuk Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S. [Titiwangsa] - UMNO
29. " Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] - PBS
30. " Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N. [Julau] - PRS
31. " Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] - UMNO
32. " Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
33. " Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] - MCA
34. " Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
35. " Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] - GERAKAN

36. Yang Berhormat Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] - PBS
37. " Datuk Madius bin Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K. [Tuaran] – UPKO
38. " Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]
39. " Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] - UPKO
40. " Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M [Masjid Tanah] - UMNO
41. " Tuan Masir Kujat, P.P.B. [Sri Aman] - PRS
42. " Tuan Haji Mohd Fasiah bin Mohd. Fakeh, P.J.K. [Sabak Bernam] - UMNO
43. " Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] - UMNO
44. " Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K. [Kubang Pasu] - UMNO
45. " Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] - UMNO
46. " Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. [Mukah] - PBB
47. " Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] - UMNO
48. " Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] - SPDP
49. " Datuk Seri Haji Noh bin Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] - UMNO
50. " Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] - UMNO
51. " Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
52. " Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis] - PBB
53. " Dato' Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] - UMNO
54. " Puan Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N. [Pasir Gudang] - UMNO
55. " Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] - UMNO
56. " Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] - MCA
57. " Dato' Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K,. A.M.K. [Pendang] - UMNO
58. " Dato' Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K. [Jerlun] - UMNO
59. " Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
60. " Datuk Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] - UMNO
61. " Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
62. " Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
63. " Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] - UMNO
64. " Datuk Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] - UMNO
65. " Ir. Shaharuddin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
66. " Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
67. " Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
68. " Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S. [Tampin] - UMNO

69. Yang Berhormat Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] - UMNO
70. " Dato' Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. [Bintulu] - SPDP
71. " Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang] - PRS
72. " Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, D.P.M.P., A.M.P. [Kuala Kangsar] - UMNO
73. " Datuk Wee Jeck Seng, D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
74. " Datuk William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. [Lubok Antu] - PRS
75. " Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S [Saratok] - SPDP
76. " Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
77. " Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] - UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]
2. " Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]
3. " Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
4. " Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
5. " Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
6. " Dato' Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
7. " Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
8. " Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]
9. " Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]
10. " Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
11. " Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]
12. " Dato' Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
13. " Dato' Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
14. " Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
15. " Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]
16. " Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]
17. " Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
18. " Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
19. " Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]
20. " Datuk Mohd Idris bin Jusi, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
21. " Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
22. " Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]
23. " Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
24. " Tuan R. Sivarasa [Subang]
25. " Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
26. " Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
27. " Dato' Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]

28. Yang Berhormat Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
29. " Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
30. " Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. " Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
3. " Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
4. " Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
5. " Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
6. " Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
7. " Tuan Ko Chung Sen [Kampar]
8. " Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
9. " Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
10. " Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
11. " Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
12. " Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
13. " Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
14. " Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]
15. " Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
16. " Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
17. " Dato' Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
18. " Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
19. " Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
20. " Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
21. " Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
22. " Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
23. " Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]
24. " Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
25. " Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]
26. " Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
27. " Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
28. " Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
29. " Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
30. " Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
31. " Puan Teo Nie Ching [Kulai]
32. " Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
33. " Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]
34. " Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
35. " Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
36. " Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]
2. " Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. " Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. " Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. " Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. " Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. " Dato' Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
8. " Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
9. " Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
10. " Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
11. " Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
12. " Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P. [Kuala Nerus]
13. " Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
14. " Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
15. " Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
16. " Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
17. " Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
18. " Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]
19. " Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
20. " Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
21. " Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]

BEBAS

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P. [Bandar Tun Razak]

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Encik Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Encik Che Seman bin Pachik

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)
Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Noraidah binti Manaf
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Siti Norlina binti Ahmad
Hazwani Zarifah binti Anas
Siti Aishah binti Md. Nasir
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KETIGA BELAS

PENGGAL KETIGA

MESYUARAT PERTAMA

Isnin, 30 Mac 2015

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat*]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan] minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kerajaan sudah mempunyai pelan tindakan yang komprehensif untuk menangani kejatuhan nilai ringgit sekiranya ekonomi negara dan dunia terus merudum.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Kalabakan pada hari ini bersama-sama dengan sembilan lagi soalan kerana kesemua soalan tersebut menyentuh perkara dan isu yang sama iaitu mengenai prestasi, punca dan kesan kejatuhan nilai ringgit serta langkah-langkah kerajaan dalam menangani isu tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Berapa orang Yang Berhormat?

Datuk Chua Tee Yong: Sembilan orang Ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Serahkan nota kepada Setiausaha nanti. Minta disebutkan nama Ahli-ahli Yang Berhormat.

Datuk Chua Tee Yong: Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang telah membangkitkan soalan tersebut adalah Yang Berhormat Pulai pada 31 Mac, Yang Berhormat Pasir Mas pada 1 April, Yang Berhormat Langkawi pada 2 April, Yang Berhormat Alor Gajah pada 6 April serta Yang Berhormat Kuala Kedah, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Parit Buntar, Yang Berhormat Pendang dan Yang Berhormat Indera Mahkota pada 9 April 2015.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Datuk Chua Tee Yong: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penyusutan kadar pertukaran nilai ringgit yang berlaku baru-baru ini bukanlah satu kes yang terpencil dan ia didorong terutamanya oleh faktor luaran. Mata wang serantau yang lain turut mengalami penyusutan nilai antara 1.1% hingga 9.8% berbanding Dolar Amerika Syarikat sejak bulan September 2014 hingga 24 Mac 2015. Pengukuhan Dolar Amerika Syarikat adalah disebabkan oleh prospek ekonomi Amerika Syarikat yang semakin baik dan kemungkinan kenaikan kadar faedah di Amerika Syarikat yang menarik minat pelabur terhadap aset dalam nilai Dolar Amerika Syarikat. Selain itu, negara-negara pengeksport komoditi termasuk Malaysia turut mengalami kesan, ekoran kejatuhan harga minyak mentah dunia.

Tuan Yang di-Pertua, seperti sistem kadar pertukaran yang lain, apabila nilai ringgit menyusut sebahagian sektor ekonomi akan menerima manfaat manakala terdapat juga sebahagian sektor ekonomi yang akan terjejas. Pengeksport akan menerima manfaat daripada segi hasil eksport yang lebih tinggi daripada nilai ringgit atau peningkatan dalam permintaan bagi barangan buatan Malaysia.

Secara khususnya, penyusutan nilai ringgit akan memberi manfaat kepada eksport perkilangan Malaysia yang menyumbang sebanyak 2/3 daripada jumlah eksport kasar.

Kejatuhan nilai ringgit juga akan memberi manfaat kepada industri pelancongan di mana ia memberi impak positif kepada akaun semasa dalam imbangan pembayaran negara. Namun begitu, penyusutan nilai ringgit akan menyebabkan kenaikan kos import. Ini akan menyebabkan kesan langsung terhadap Indeks Harga Pengguna (IHP) yang mengukur inflasi kerana harga barangan yang diimport secara terus dari luar negara akan menjadi lebih mahal. Walau bagaimanapun, kesan terhadap kadar inflasi adalah kecil memandangkan barangan import tidak termasuk petrol dan diesel, mencakupi 7.2% daripada bakul IHP.

Penyusutan nilai ringgit juga akan menyebabkan peningkatan kos pengeluaran berikutan kenaikan harga bahan mentah yang diimport. Walau bagaimanapun, kesan ini akan diserap oleh harga bahan mentah yang lebih rendah susulan kejatuhan harga minyak global dan harga komoditi. Harga minyak mentah global telah turun sebanyak 47% sementara harga makanan dunia telah turun sebanyak 12% sejak September 2014.

Oleh yang demikian, kesan terhadap kos bagi pengeluar adalah terkawal. Ini ditunjukkan oleh Indeks Harga Pengeluar (IHPR) dengan izin, *Producer Price Index* telah menurun sebanyak 3.5% antara September 2015 dan bulan Januari 2015. Ekonomi negara masih berada pada tahap yang kukuh dengan mencatat pertumbuhan yang mampan sebanyak 6% pada tahun 2014 berbanding dengan 4.7% pada tahun 2013. Pertumbuhan ekonomi yang baik ini adalah hasil daripada pelbagai inisiatif yang diambil untuk mempelbagaikan ekonomi negara serta meningkatkan daya tahan dan daya saing negara. Pertumbuhan ekonomi ini dipacu oleh permintaan domestik dan asas-asas ekonomi kekal kukuh seperti kadar pengangguran yang rendah, sistem kewangan yang teguh dan *reserve* antarabangsa yang tinggi iaitu sebanyak USD109.2 bilion pada 13 Mac 2015. Terima kasih.

■1010

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, kita dapat jawapan yang begitu penuh sekali tetapi kita tidak nampak tanda-tanda yang kita boleh menstabilkan wang ringgit kita daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi dalam keadaan tidak menentu daripada jawapan itu, dalam keadaan *worst scenario* dengan izin, adakah kerajaan bersedia untuk mengambil langkah-langkah *critical control* atau *hedging* dan menambat nilai ringgit seperti yang pernah dibuat pada zaman-zaman yang lalu. Terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan. Sebenarnya kerajaan berterusan untuk mengukuhkan boleh dikatakan ekonomi negara kita. Maka semenjak 2009, kita melihat nombor satu daripada segi komposisi pendapatan negara kita dari minyak dulu adalah sebanyak 40%. Sekarang telah menurun hingga 30%. Kita juga telah melihat defisit negara kita telah menurun semenjak 2009 sebanyak 6.7% telah menurun hingga 3.2% dan memang terdapat pelbagai pertanyaan terutamanya sama ada kerajaan bercadang untuk menambat mata wang ringgit seperti yang pernah dilakukan pada tahun 1997.

Sebenarnya pada tahun 1997 untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, rizab antarabangsa kita adalah hanya RM60 bilion tetapi rizab kita telah meningkat sehingga RM386 bilion. Berhubung dengan ini, kerajaan tidak bercadang untuk kembalikan, melaksanakan dasar yang sama seperti krisis kewangan Asia pada tahun 1997, 1998 memandangkan keadaan Malaysia pada ketika ini adalah amat berbeza jika berbanding dengan sekarang. Keadaan semasa adalah didorong oleh perkembangan global seperti mana yang juga dialami oleh negara-negara serantau. Yang penting aktiviti ekonomi dan kewangan negara masih tidak terjejas. Langkah-langkah yang ekstrem seperti tambatan nilai ringgit hanya untuk situasi yang ekstrem. Yang pasti kita tidak berada dalam situasi sebegitu, seperti mana-mana sistem kadar pertukaran yang fleksibel, turun naik jangka masa pendek adalah sesuatu yang mungkin berlaku terutamanya dalam persekitaran global yang tidak menentu.

Objektif dasar kerajaan menerusi Bank Negara Malaysia adalah untuk memastikan keadaan yang teratur dan tidak *volatile* dalam pasaran pertukaran asing ringgit dan mengelak turun naik yang ketara dalam kadar pertukaran. Untuk memastikan ringgit tidak terdedah kepada serangan spekulasi, Bank Negara Malaysia melakukan pemantauan harian terhadap pasaran mata wang bagi memastikan pergerakan pasaran mata wang adalah teratur. Antara lain Bank Negara juga mempunyai peruntukan undang-undang yang berkaitan untuk menghalang aktiviti spekulasi terhadap ringgit di Malaysia dan di luar pesisir. Terima kasih.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai sebuah negara ataupun ekonomi yang terbuka, sebenarnya pergerakan perdagangan dan juga pelaburan cukup tinggi di Malaysia. Jadi walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut tadi hanya penurunan sebanyak 1% ke 10% tetapi kalau kita dapat lihat penurunan atau penyusutan ringgit kita sebanyak 20% pada ketika ini daripada RM3.10 pada hari ini didagangkan sebanyak RM3.72 sen. Jadi apa soalan saya, adakah Bank Negara mempunyai satu mekanisme *safety net* dan juga senjata yang cukup untuk melakukan *market intervention* secara berkesan.

Sekiranya kita lihat ada apa juga pergerakan-pergerakan yang cukup ketara. Adakah cadangan untuk kita *buy back*. Seterusnya, adakah Bank Negara juga mempunyai *market intervention apparatus* dengan izin, yang *reliable* bagi kita memberikan maklumat secara cepat ataupun awal bagi membantu Bank Negara dalam mengekang apa juga usaha-usaha spekulasi mata wang yang pada ketika ini telah diumumkan. Terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan. Sebenarnya kalau kita melihat terutamanya dari segi penyusutan nilai, sebenarnya dari 1 September hingga 27 Mac 2015, ringgit telah menyusut nilai sebanyak 13.9% tetapi kalau kita melihat untuk *Australian Dollar*, dia adalah sebanyak 16.5%, untuk *Euro* adalah sebanyak 17.4% dan dari segi Yen adalah sebanyak 13%, dari segi Indonesian Rupiah adalah sebanyak 10.3%. Ini menunjukkan bahawa keadaan atau fenomena ini bukan sahaja dialami oleh negara Malaysia. Kalau dia khusus untuk negara Malaysia maka tentu akan menjadi isu. Mungkin nilai mata wang ringgit diserang dan kalau kita lihat dari segi *rating* agensi yang memberi rating kepada negara kita, mereka masih pada tahap untuk S&P, stabil untuk Moody's positif dan *Fitch* negatif.

Akan tetapi ini adalah jelas menunjukkan bahawa langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan masih mencukupi dan Bank Negara sentiasa akan mengawal dan memantau supaya tidak ada penyusutan atau kenaikan nilai ringgit mata wang secara ketara. Maka kalau kita melihat dari segi rizab, rizab kita antarabangsa juga digunakan untuk menstabilkan, boleh dikatakan pertukaran kadar mata wang dan ini jelas dilihat oleh penurunan sebenarnya rizab kita kerana digunakan untuk memastikan daripada segi nilai mata wang ringgit tidak menurun secara mendadak atau tidak naik secara mendadak. Sekian, terima kasih.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai sebuah negara yang ekonomi yang relatifnya kecil, terbuka berbanding dengan Amerika, China, Jepun, keterbukaan ekonomi ini membawa peluang untuk peningkatan pendapatan negara melalui eksport tetapi juga ia mendedahkan kita pada risiko kejutan luar negara seperti krisis kewangan Eropah dan juga krisis *geopolitics* di Timur Tengah. Ibarat memandu di lebuh raya yang sibuk, ada peluang untuk sampai cepat tetapi risikonya kemalangan. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah kerajaan melihat peluang dan risiko ini wajar diimbangi? Bagaimana dia mengimbangi keduanya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan. Kalau kita melihat kebanyakan rating agensi juga mengatakan bahawa pelaksanaan GST merupakan salah satu usaha untuk mempelbagaikan boleh dikatakan pendapatan negara kita dan untuk memberi lebih banyak kesan positif terhadap akaun semasa. Kerajaan telah melakukan inisiatif-inisiatif sebagai contoh untuk menyegerakan pelaksanaan cadangan daripada *National Export Council* iaitu membantu pengeksport terutamanya perusahaan kecil dan sederhana atau PKS untuk mendapat prospek pelanggan baru di pasaran yang baru di bawah program jaringan antarabangsa.

Menggunakan penghubung pasaran dan pakar industri, mempromosi secara aktif, perkhidmatan gantian import atau import *substitution* seperti perkhidmatan perkapalan, pelabuhan, pendidikan dan profesional. Ia bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber luar bagi perolehan barangan dan perkhidmatan, menggalakkan GLC dan GLIC juga untuk melabur dalam negara dan juga mempergiatkan penggunaan bahan barangan dan perkhidmatan tempatan dalam perolehan kerajaan. Sekian, terima kasih.

2. Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan usaha-usaha yang dilakukan bagi memastikan 577 pasar tani di seluruh negara menjual kesemua 73 jenis barangan yang telah diturunkan harganya 5% hingga 20% menjual barangan tersebut pada kadar harga yang ditentukan itu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani] [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Dengan ada syak dan waham,

Bersihkan hati sesuci murni.

Apa diharap di pasar awam,

Berbelanjalah di pasar tani.

[Ketawa]

Dia berpantun, kita pun pantun juga. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Nerus. Jumlah terkini pasar tani di seluruh negara ialah sebanyak 580 buah yang melibatkan 25,000 orang usahawan.

■1020

Bagi memastikan semua pasar tani melaksanakan penjualan kesemua 73 jenis barangan terpilih di bawah Program Jualan Turun Harga, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui FAMA telah mengambil tindakan ataupun langkah-langkah berikut:

(i) pemantauan oleh pihak urus setia di semua pasar tani dengan menyediakan harga panduan yang perlu diikuti oleh semua usahawan yang terlibat menjual 73 jenis produk;

(ii) memastikan semua usahawan meletakkan tanda harga bagi produk yang dijual oleh mereka;

(iii) memastikan harga yang dijual oleh usahawan adalah lebih rendah atau sama dengan harga panduan yang ditetapkan; dan

(iv) pengurusan FAMA dan naziran pasar tani akan membuat penilaian dan pengauditan ke atas pelaksanaan program ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan, saya hendak tunjuk kempen kita turun harga. Ini dia.. *[Menunjukkan poster kempen]* Program Jualan Turun Harga. Kita tidak tunjuk poster yang bukan-bukan ya. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Pertamanya saya hendak ucapkan terima kasih kepada Kementerian Pertanian kerana baru sahaja buka satu lagi pasar tani di kawasan saya di DUN Tepoh bermula pada akhir Mac ini, *insya-Allah*.

Cuma persoalan timbul daripada jawapan Menteri tadi ialah apabila Menteri Pertanian pada bulan Februari yang lalu mengumumkan Kempen Turun Harga 73 Barang, antara yang disebut ialah untuk diselaraskan dengan harga minyak yang turun RON95 ketika itu dan juga diesel yang berharga RM1.75 dan RON97 berharga RM2. Akan tetapi yang berlaku sekarang ialah RON95 dan juga diesel dengan harga RM1.95 dan RON97 dengan harga RM2.25. Dengan harga minyak yang naik dan tidak stabil, ditambah dengan GST yang akan dimulakan esok, tahniah kepada kerajaan kerana akan dapat kutip duit dan takziah kepada rakyat yang bakal kehilangan duit, apakah kaedah... *[Dewan riuh]* Sabarlah pagi-pagi hari ini. Apakah kaedah yang kerajaan jangka yang boleh membantu para peniaga supaya...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Faham kah apa yang dicakap itu?

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: ...Mereka tidak terbeban dengan kempen penurunan harga ini dan mereka boleh kekalkan dengan harga yang murah untuk rakyat yang datang ke pasar tani? Apakah kaedah yang kementerian akan laksanakan? Terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kena faham konsep kempen yang dibawa oleh kementerian. Kita memperkenalkan iaitu harga yang dijual di pasar tani lima peratus ke 20 peratus lebih murah daripada pasar awam. Jadi indikator kita atau *benchmark* yang kita gunakan ialah harga barangan di pasar awam yang sekitar lima kilometer jauhnya dari pasar tani kita.

So whatever is the price dekat pasar awam, *we will base on that price. If it is RM10*, kalau RM10, harga kita lima peratus ke 20 peratus lebih murah daripada itu. Harga di pasar awam itu di luar bidang FAMA, di luar bidang Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Itu bukan program kita, itu kementerian lain. Yang Berhormat boleh tanyalah kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Akan tetapi saya hendak ingatkan kepada Yang Berhormat berkenaan dengan GST tadi. Jangan terlalu gopoh. Mana Yang Berhormat tahu harga naik atau tidak. *You are jumping the gun,* kata orang putih. Mungkin Yang Berhormat tidak faham apa itu *jumping the gun*. *[Ketawa]* Bukan *jumping the horse, jumping the gun, jump the gun*. *[Disampuk]* Lompat senjata. Jangan terjemah secara *literally* macam itu, lain pergi maknanya. Jangan mendahului, itu terjemahannya. Jangan mendahului. Tunggu apabila ia dilaksanakan. Kalau harga itu naik, Yang Berhormat boleh kompelin. *We are open*, kerajaan kita terbuka dan kita sudah beri jaminan bahawa barangan-barangan yang disenaraikan – berapa itu, Yang Berhormat? Beratus-ratus barang untuk kepentingan rakyat biasa tidak terjejas. *Why is there complaint? Why?*

Itu yang saya kata tadi pantun saya. Pantun saya ini – Yang Berhormat Kuala Langat kah yang menjerit di belakang itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang bising itu Yang Berhormat Kuala Langat.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Ya, Yang Berhormat Kuala Langat. Saya sudah mulakan dengan pantun. Jangan ada syak dan *waham,* bersihkan hati sesuci murni, bukan? Apakah maksudnya? Jangan mendahului, kena tunggu dan *you can talk about it. We are open.* Terima kasih.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya hendak mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani atas usaha-usaha yang berterusan yang dilakukan terutamanya dalam mempromosi pasar tani sebagai pasar pilihan dan terima kasih juga kerana telah mewujudkan pasar tani wanita di kawasan Parlimen Parit Sulong.

Jadi soalan tambahan saya kepada pihak Yang Berhormat adalah adakah kementerian ada juga bercadang untuk menyediakan lagi banyak saluran pemasaran terutamanya dalam usaha untuk membantu petani-petani memasarkan hasil pertanian mereka terus kepada orang ramai? Terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Tuan Yang di-Pertua, pasaran terbuka luas. *Accessibility to market is wide open, domestically and internationally,* dengan izin. Kita buka pasar tani, pasar tani wanita, pasar peladang dan sebagainya. Selain daripada itu, kita juga buka di luar negara. Di Singapura kita ada Agrobazaar. Baru-baru ini Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pergi tengok bazar kita sangat berjaya dan produk-produk yang dijual di Agrobazaar di Singapura mendapat sambutan yang hebat.

Jadi masalah *market access* ataupun peluang pemasaran tidak jadi masalah tetapi yang menjadi masalah satu sahaja, usahawan kita*. I would like to see more* usahawan. Saya hendak tengok ramai lagi petani kita terutamanya petani orang Melayu. Ini Yang Berhormat, kawasan Yang Berhormat belah sana itu, jangan banyak politik sangat, kempen petani. Betul tak?

Beberapa Ahli: Betul.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: *Too much politicking*. Ini Yang Berhormat Kuala Langat ini, dahulu saya pergi Kuala Langat, gambar bukan main besar lagi terentang itu.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Menteri, kita sudah cukup produk. Kita dah banyak dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Gambar dia bukan main besar lagi macam gaya Ketua Menteri Tamil Nadu.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Ini di luar tajuk, Tuan Yang di-Pertua. Dia menghina saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat pun salah peraturan. Duduk Yang Berhormat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Akan tetapi gambar artis dia lagi besar lagi. Besar macam artis lah.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Ketua Menteri Tamil Nadu menghina apa pula? Kan itu satu penghormatan kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

3. Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta Menteri Pendidikan menyatakan masa depan pelajar Kolej Vokasional dalam mengarusperdanakan pendidikan teknikal dan vokasional bagi melahirkan modal insan berkeupayaan, berkemahiran tinggi dan keusahawanan yang berdaya saing menjelang tahun 2020.

■1030

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan, izinkan saya mengalu-alukan kehadiran Puteri UMNO dari Tawau. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kawasan Yang Berhormat, ya.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan transformasi pendidikan vokasional dengan merekayasa sistem pendidikan vokasional dan memartabatkan pendidikan vokasional untuk melahirkan tenaga pekerja berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah mempunyai 80 buah kolej vokasional yang menawarkan 52 kursus dalam 12 bidang utama. Bilangan kursus ini telah ditambah dengan penawaran 12 bidang kursus program kolej vokasional di 14 Institut Latihan Perindustrian (ILP). Di samping itu, 17 kursus yang berimpak tinggi telah ditawarkan di 10 buah kolej swasta yang menjalankan program KV Kementerian Pendidikan Malaysia. Tujuan penubuhan kolej vokasional (KV) adalah untuk melahirkan lepasan KV yang memiliki tahap kemahiran yang tinggi atau *hands on,* dengan izin, kebolehkerjaan, kebolehpasaran dengan diploma atau sijil kelayakan lain yang diiktiraf oleh kerajaan dan badan-badan persijilan kebangsaan atau antarabangsa.

Kurikulum kolej vokasional digubal dengan memfokuskan kepada menyediakan bakal pekerja yang dapat diterima oleh industri sebagai tenaga mahir profesional yang mempunyai lulusan yang diiktiraf, bukan sahaja di Malaysia tetapi juga oleh badan pengiktirafan kemahiran profesional luar negara. Dengan melaksanakan transformasi pendidikan vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia berhasrat melahirkan 70% hasil lepasan kolej vokasional yang dapat memenuhi keperluan pasaran kerja berkemahiran tinggi. 20% melanjutkan pengajian di peringkat tinggi dan sebanyak 10% lagi berupaya menjadi usahawan yang berdaya saing. Pada masa sekarang, sambutan daripada pihak industri juga menunjukkan perkembangan yang menggalakkan apabila 224 pihak industri telah menjalinkan hubungan persefahaman dengan semua kolej vokasional di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lepasan Diploma Vokasional Malaysia yang dihasilkan melalui kolej vokasional juga berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti di bawah *Malaysian Technical University Network* (MTUN) iaitu Universiti Malaysia Perlis, Universiti Malaysia Pahang, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Sekian, terima kasih.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau kita lihat sekarang, teknologi masa kini pesat membangun dan ini amat memerlukan negara melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir terutama dalam bidang teknikal bagi pembangunan ekonomi Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Menurut statistik semasa, peraturan guna tenaga pekerja mahir tempatan di Malaysia masih rendah iaitu kira-kira 28% daripada jumlah tenaga kerja berbanding negara luar seperti Jerman, yang dianggarkan memiliki 80%, Finland 58% mahupun negara Singapura yang dianggarkan mempunyai 52% tenaga kerja mahir.

Soalan tambahan saya, enrolmen permohonan yang diterima untuk memasuki kolej vokasional ialah sebanyak 120,000 permohonan sedangkan tempat yang disediakan

hanyalah sekadar 26,000 sahaja. Jadi saya ingin tahu, apakah kerajaan bersedia untuk menukar sebahagian aliran sekolah biasa peringkat menengah yang berjumlah 2,367 buah kepada aliran kolej vokasional sebagai mengarusperdanakan pendidikan teknikal dan vokasional? Bolehkah kerajaan memulakan pendidikan teknikal dan vokasional dari Tingkatan 1 lagi dan seandainya benar-benar ingin mengarusperdanakan pendidikan sedemikian seperti mana negara Jerman yang sudah memulakan pelajaran ini sejak umur 10 tahun, sejak 70 tahun yang lepas? Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang berkaitan dengan penukaran aliran akademik ke aliran vokasional untuk sekolah menengah. Yang Berhormat, selaras dengan keperluan melalui transformasi pendidikan vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil langkah untuk memperkenalkan Program Pendidikan Asas Vokasional (PAV) pada peringkat sekolah menengah rendah iaitu Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 di sekolah menengah harian. Pada tahun 2012, 15 buah sekolah menengah memainkan peranan sebagai sekolah menengah kebangsaan sebagai sekolah perintis dalam program ini.

Di peringkat menengah atas pula, kolej vokasional diperkenalkan dan kolej vokasional sebenarnya ialah SMK dan sudah tukar untuk menjadi kolej vokasional. Ini menyediakan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional untuk murid lepasan menengah rendah bagi melaksanakan Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) yang menepati prinsip Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk membentuk modal insan berkemahiran tinggi, berilmu dan bersahsiah melalui aliran vokasional. Penukaran aliran biasa ke aliran vokasional dilaksanakan di peringkat demi peringkat berdasarkan keperluan dan permintaan masyarakat setempat. Sekian terima kasih.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak timbulkan persoalan kepada Yang Berhormat Menteri iaitu sejauh manakah keupayaan peralatan dan mesin yang telah disediakan oleh pihak Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional kepada kolej-kolej vokasional ini. Ini kerana saya dimaklumkan terdapatnya mesin-mesin yang tidak cukup ataupun mesin yang tidak di*upgrade*kan sesuai dengan perkembangan bagi mencapai cita-cita ini. Adakah dakwaan ini ataupun tidak? Kalau benar, kita harap agar pihak kementerian dapat turun ke peringkat ini untuk menyelesaikan persoalan ini bagi mencapai cita-cita ini. Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang berkaitan dengan peningkatan peralatan atau kemudahan yang diwujudkan di kolej vokasional. Saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat bahawa transformasi aliran pendidikan teknikal vokasional ialah satu proses dinamik. Apabila KPM melaksanakan transformasi, ini juga melibatkan mempertingkatkan kemudahan alat, infrastruktur dan lain-lain. Kementerian Pendidikan Malaysia memang ambil perhatian tentang perkara yang berkaitan dengan keperluan dan sekiranya kita rujuk kepada bajet yang telah diumumkan pada tahun yang lalu, memang aliran teknik dan vokasional dapat satu peruntukan yang begitu besar yang mana untuk tujuan mempertingkatkan kemudahan dan peralatan bengkel. Terima kasih, Yang Berhormat atas prihatin ini kerana usaha tersebut adalah dalam proses. Sekian terima kasih.

■1040

4. Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah menyekat dan mengawal kemasukan buruh-buruh asing ke Malaysia, melihat kepada berleluasanya masalah sosial, keselamatan dan ekonomi yang timbul kesan daripada kemasukan mereka.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhasrat untuk membeli pantun Yang Berhormat Batu Pahat. Tuan Yang di-Pertua, kawalan dan pemantauan ke atas pekerja asing dilakukan di setiap peringkat. Daripada proses pengambilan kemasukan dan sepanjang tempoh keberadaan pekerja asing dalam negara. Antara langkah-langkah yang diambil untuk mengawal kemasukan pekerja asing di negara ini adalah seperti berikut:

(i) pekerja asing hanya dibenarkan untuk mengisi jawatan yang tidak mahir atau gagal diisi oleh warga tempatan. Jawatan-jawatan ini telah dihadkan kepada lima sektor iaitu sektor pembinaan, perkilangan, perkhidmatan, perladangan, pertanian dan satu sektor informal iaitu pembantu rumah asing;

(ii) kelulusan pengambilan pekerja asing juga adalah berdasarkan keperluan sebenar industri di sektor-sektor yang dibenarkan;

(iii) saringan kesihatan bagi setiap pekerja asing akan dilaksanakan setiap tahun di sepanjang tempoh penggajian pekerja asing di negara ini. Saringan ini adalah bertujuan untuk memastikan bawaan penyakit-penyakit berjangkit dapat kita kawal;

(iv) semua pekerja asing hanya dibenarkan untuk memasuki Malaysia melalui visa dengan rujukan atau VDR. Kemasukan pekerja asing di pintu masuk negara ini akan direkodkan ke dalam sistem *National Enforcement Registration System (NERS)* melalui pengambilan biometrik. Sistem ini merupakan pangkalan data biometrik warga asing yang bertujuan untuk mengumpul, merekod dan membuat saringan kemasukan warga asing ke dalam negara;

(v) pekerja asing yang bekerja di Malaysia akan dikeluarkan pas lawatan kerja sementara atau dikenali sebagai PLKS yang perlu diperbaharui setiap tahun. Melalui kaedah ini kerajaan dapat mengetahui keberadaan pekerja asing di sepanjang tempoh bekerja di Malaysia. Malahan sebelum sebarang pembaharuan PLKS, dapat dibuat semakan rekod senarai syak dan senarai hitam Jabatan Imigresen Malaysia akan dilaksanakan terlebih dahulu bagi memastikan pekerja asing tersebut tidak melakukan kesalahan imigresen dan juga jenayah. Pekerja asing yang gagal saringan ini tidak akan diperbaharui PLKS mereka sebaliknya akan diambil tindakan undang-undang;

(vi) kerajaan turut memperkenalkan pelbagai insentif fiskal dan kewangan untuk menggalakkan penggunaan automasi di sektor perkilangan, pertanian, perladangan dan perkhidmatan. Manakala di sektor pertanian pula *Industrialised Building System (IBS)* digunakan untuk menggalakkan penggunaan jentera dan peralatan;

(vii) kerajaan melalui Agensi Kawal Selia Sektor Ekonomi kini sedang mempergiatkan program-program memperkasakan kemahiran di kalangan belia-belia tempatan dalam usaha untuk menarik minat warga tempatan untuk mengisi kekosongan jawatan di sektor-sektor yang kini diisi oleh pekerja asing; dan

(viii) tindakan penguatkuasaan juga sentiasa dipergiatkan dan dilaksanakan secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa, mengusir PATI-PATI yang masih berada dalam negara. Tindakan tegas juga telah dikenakan ke atas majikan yang didapati melanggar Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-peraturan Imigresen 1963 seperti menggaji dan melindungi PATI. Untuk itu kerajaan sentiasa memastikan kemasukan dan keberadaan pekerja asing di negara ini dapat dikawal dan dipantau.

Justeru KDN turut bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia dan semua agensi kawal selia dalam memastikan pengambilan pekerja asing bukan sahaja membantu pertumbuhan ekonomi negara tetapi dalam masa yang sama tidak memberi implikasi terhadap keselamatan ketenteraman negara dan soal kesihatan.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya mengambil kesempatan menyimpang sedikit Tuan Yang di-Pertua untuk mengucapkan terima kasih saya dan penghargaan saya kepada Ketua Pengarah FAMA dan juga Pengarah FAMA daerah yang respons serta-merta persoalan pemasaran nanas yang kita bangkitkan, yang saya bangkitkan pada minggu lepas. Kalau semua agensi kerajaan macam ini, saya fikir masalah rakyat akan dapat diurus walaupun tidak selesai tetapi akan dapat menenangkan pemikiran rakyat.

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, saya mengikuti penjelasan teliti daripada Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi *concern* prihatin rakyat Tuan Yang di-Pertua ialah masalah pekerja asing termasuk masalah PATI ini bukan berkurangan, dia makin meningkat. Banyak kajian yang dibuat dan saya fikir Yang Berhormat Menteri mengetahui hal ini yang saya tidak payah aturkan dia punya kesan-kesannya. Akan tetapi yang saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua ialah apakah langkah-langkah keras yang boleh dikenakan kepada PATI. Misalnya sekeras yang dilayan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada PR misalnya seperti kepada Yang Berhormat Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli, yang belum salah baru hendak soal siasat, sudah dilayan macam penjenayah besar. *[Tepuk]* Digari, tak berkasut, pakai baju penjara...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Soalan tambahan Yang Berhormat.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Jadi, apakah layanan keras...

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Kalau tidak setuju, boleh bangun tidak ada masalah. Jadi, kita hendak tanyakan Tuan Yang di-Pertua, apakah layanan keras...

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Memang salah, banduan.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: ...Yang diberikan kepada pendatang-pendatang haram atau pekerja-pekerja asing yang ditangkap sekeras itu supaya mereka serik hendak datang ke Malaysia. Itu yang pertama. Kedua, saya ingin oleh kerana Yang Berhormat Menteri ini rakan kenalan lama dan mempunyai asas yang baik dari segi pendidikan agama, saya ingin mengingatkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat panjang sangat Yang Berhormat.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Ayat Al-Quran. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Keras terhadap musuh dan kasih sayang terhadap sesama sendiri".* Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri dapat mendekati persoalan ini dengan semangat yang demikian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya daripada Yang Berhormat Batu Pahat ini daripada dahulu bukan sahaja menyimpang tetapi sering menyeleweng. Soalnya mengenai pekerja asing tanpa izin tetapi dibangkitkan soal nanas. Persoalannya mengenai pekerja asing tetapi dibangkitkan mengenai orang yang kena tahan di lokap polis. Kalau hendak merasa, boleh. Saya ingin menyebutkan bagi...

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Menteri pun sudah rasa.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Bagi membalas ayat Al-Quran tadi saya harus berlaku adil pada semua. Sebagaimana Allah menghendaki kita berbaik kepada semua orang. *[Membaca sepotong ayat al-Quran] "Berbuat baik pada orang lain sebagaimana Allah berbuat baik pada kita".* Itu pegangan saya. Jangan selewengkan tafsirkan ayat al-Quran itu lihat *azbabulnuzul* dia apa dalam perkara itu. Saya ingin menyebutkan bahawa di Dewan yang mulia ini bahawa sekarang terdapat kira-kira 2.05 juta pekerja asing dengan izin. Di mana 1.9 juta terdiri daripada mereka yang tidak berketerampilan dengan izin, *unskilled workers*. Manakala 150,000 adalah merupakan mereka yang berketerampilan atau *skilled workers,* jadi jumlahnya 2.05 juta.

■1050

Apa yang telah kita lakukan sebagaimana yang mahu diketahui oleh sahabat saya yang baik daripada Batu Pahat bahawa langkah-langkah telah dilakukan di mana kita dapati bahawa terdapat beberapa operasi yang telah dilakukan terhadap PATI atau mereka yang bekerja tanpa izin di mana operasi-operasi yang kita telah jalankan bermotokan tidak ada hari tanpa operasi. Ertinya apa yang kita lakukan ialah operasi-operasi tanpa musim. Tentu soalan itu mahu menjurus ke arah berapa ramai di kalangan pekerja-pekerja asing ini yang telah terlibat dalam kes-kes jenayah.

Saya ingin menyebutkan bahawa pada tahun lepas, terdapat penangkapan kepada 13,997 kes yang melibatkan pekerja asing. Dari sejumlah 94,371 kes, ertinya peratus kes yang melibatkan penangkapan warga asing kira-kira 14.8%. Ertinya kalau ada tuduhan mengatakan pekerja asing melakukan jenayah-jenayah dalam peratusan yang besar adalah tidak benar. Dalam hal ini, kita ingin menyebutkan di Dewan yang mulia ini bahawa Kabinet

telah memutuskan supaya sebuah badan khas pengurusan pekerja asing akan diwujudkan bagi mengkoordinasi semua proses pengambilan, pendaftaran, pemantauan dan penguatkuasaan pekerja-pekerja asing di mana ketika ini, 11 kementerian dan agensi terlibat di dalam membawa masuk dan meluluskan pekerja asing.

Oleh sebab itu, dengan keputusan Kabinet ini, badan khas pengurusan pekerja asing ini, kita harap langkah-langkah penyelarasan dapat dilakukan termasuklah daripada segi penguatkuasaan di mana PDRM, Jabatan Imigresen dan juga RELA serta badan-badan penguat kuasa lain akan bekerjasama untuk menentukan kekhuatiran yang disebut oleh Yang Berhormat Batu Pahat itu supaya tidak berlaku. *Insya-Allah* tidak berlaku kebanjiran PATI ini di Batu Pahat.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada soalan kerana ini berhubung kait dengan kawasan saya kerana kawasan saya ini di utara dan juga merupakan pintu masuk ke negara kita melalui Thailand. Saya lihat salah satu punca kemasukan PATI yang begitu banyak, yang tidak terkawal kadang-kadang melalui pintu-pintu masuk ini kerana kawalan di pintu masuk adalah begitu longgar. Kalau kita tengok umpamanya macam di Wang Kelian. Di Wang Kelian, Perlis pada hari Ahad kita tidak mengenakan apa-apa dokumen. Maknanya orang dari Thailand boleh masuk ke Malaysia dan orang di Malaysia boleh keluar ke Thailand.

Inilah antara perkara-perkara yang menyebabkan kelonggaran yang menyebabkan kemasukan PATI begitu banyak. Begitu juga di tempat saya di Bukit Kayu Hitam. Kalau hendak ke Thailand tidak perlu dokumen. Kita angkat tangan sahaja, kita boleh masuk ke Thailand. Begitu juga dari Thailand boleh masuk ke Malaysia. Jadi inilah antara punca-punca yang menyebabkan kemasukan PATI yang tidak terkawal itu. Walaupun kita mempunyai banyak penguatkuasaan, begitu banyak agensi yang terlibat tetapi oleh sebab penguatkuasaan tidak tegas dalam soal ini. Jadi sebab itu di sini yang menyarankan dan memohon kepada Yang Berhormat Menteri supaya kita kuatkuasakan dan supaya tiap mereka yang ingin masuk ke Malaysia dan kita keluarkan dari Malaysia ini mempunyai dokumen yang sah. Sekarang ini tidak perlu dokumen keluar masuk.

Itulah yang menyebabkan kawalan di pintu masuk begitu longgar. Saya rasa ini tidak ada alasan kerana di sempadan di Perlis, Kedah, Perak dan juga Kelantan, diberi kemudahan iaitu kita hanya memerlukan *border pass* untuk keluar masuk iaitu RM10 yang boleh dibuat dalam masa satu jam dan tahan enam bulan. Jadi saya rasa tidak ada sebab benda ini tidak boleh dibuat. Jadi sebab itu saya memohon supaya Yang Berhormat Menteri bertindak tegas dalam soal ini. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, tindakan tegas *insya-Allah* saya jamin tindakan tegas. Akan tetapi pada waktu yang sama, beberapa langkah profesional perlu dilakukan. Pertamanya, kawasan sempadan antara Malaysia dan Thailand. Dari Kelantan hingga ke Perlis, terdapat lorong-lorong tikus yang telah menjadi lorong gajah. Tidak kurang daripada 530 lorong-lorong ini yang telah menyebabkan bukan sahaja mereka yang tinggal di sempadan untuk pergi ke negara jiran atau penduduk negara jiran yang di sempadan untuk datang ke Malaysia tetapi ini telah diambil kesempatan. Bukan sahaja membawa masuk pendatang-pendatang asing tetapi turut membawa masuk senjata, dadah dan dari Malaysia, membawa keluar barangan bersubsidi ke negara berkenaan.

Oleh yang demikian, beberapa langkah yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kubang Pasu termasuklah cadangan untuk membina tembok sempadan agar tembok sempadan berelektronik, bersepadu ini akan dapat mengurangkan ataupun dapat menyekat sepenuhnya ketiga-tiga permasalahan yang telah saya sebutkan. Namun, kosnya terlalu tinggi. Mengikut anggaran, kira-kira RM5.1 bilion diperlukan untuk membina tembok berkenaan. Namun demikian, atas kekangan yang berlaku terutamanya di sempadan Kelantan, penduduk tempatan di sempadan boleh datang atau keluar hanya dengan menyeberang sungai sahaja. Kebetulan sungai itu merupakan sungai yang tohor. Ada juga di kalangan rakyat Malaysia yang menyeberang sungai dan berjumpa dengan kadi di sana untuk membawa hajat mereka dan ini tentunya salah satu masalah yang akan berlaku. Ini tidak termasuk Yang Berhormat Kinabatangan saya kira tetapi pada hemat saya, beberapa langkah jangka panjang harus dilakukan bagi memastikan bahawa soal kebolosan sempadan harus di sekat. Saya mahu sokongan daripada semua pihak. Pihak sini dan sana agar soal keselamatan ini dapat kita dukung bersama-sama.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya hendak ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah pada Jabatan Imigresen yang kita lihat hari ini sahaja saya baca dalam akbar,

Ketua Pengarahnya telah maklumkan lebih 200,000 PATI telah dihantar pulang dan pada masa yang sama, saya juga baca berkaitan dengan ramai wanita Malaysia yang mengadu berkahwin dengan PATI ini. Jadi mereka beritahu dalam surat khabar itu jangan percaya 100% dengan mereka ini.

Soalan saya, memandangkan saya datang dari kawasan luar bandar, kepada Yang Berhormat Menteri, soalan saya, apakah operasi bersepadu yang telah dilancarkan ini dapat dikembangkan jangka masa panjang di kawasan luar bandar khususnya? Saya juga ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah menubuhkan jawatankuasa pengurusan khas ini tadi. Saya percaya ia dapat membantu PATI-PATI di kawasan luar bandar. Saya melihat hari ini pihak Imigresen melaksanakan tanggungjawab mereka di kawasan-kawasan bandar. Saya lihat kesannya begitu baik. Apakah di kawasan luar bandar dapat dikembangkan untuk membantu khususnya masyarakat kita di luar bandar daripada segi PATI? Dan juga mengawal selia bersama-sama dengan kementerian agar jabatan agama dan sebagainya berkaitan dengan ramai wanita kita yang mereka tengok cerita Hindustan hari-hari.

Kalau saya ini putih, Yang Berhormat Menteri, dia ingat saya Shah Rukh Khan juga tetapi disebabkan mereka yang datang itu putih-putih, Pakistan, Myanmar dan sebagainya sampai umur 20 tahun beza pun mereka hendak kahwin. Jadi ini juga antara faktor utama yang harus kita lihat kerana kesannya amat menakutkan khususnya di kawasan luar bandar seperti di Kelantan, Baling dan semua kawasan luar bandar ini harus kita teliti. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, keprihatinan Yang Berhormat Baling ada asasnya. Memang dengan izin, *these are the practical problems happening.* Satu permasalahan yang berlaku di luar bandar dan tidak terlepas juga di kawasan bandar.

■1100

Langkah-langkah untuk melakukan pemantauan, penangkapan dan pengusiran sentiasa dilakukan. Pada tahun ini sahaja, daripada 1 Januari hingga 25 Mac umpamanya, pihak Jabatan Imigresen Malaysia telah melakukan sebanyak 1,855 operasi. Seramai 51,019 orang telah diperiksa. Kita telah melakukan 12,171 tangkapan pada PATI dan tidak terlepas juga para majikan. Seramai 134 majikan telah ditangkap dan saya ingin menyebutkan juga bahawa selain daripada itu, 18,250 orang PATI telah diusir melalui depoh-depoh tahanan.

Langkah-langkah ini adalah merupakan langkah proaktif yang dijalankan oleh Jabatan Imigresen. Saya sering mengucapkan tahniah kepada Ketua Pengarah Jabatan Imigresen yang baru, yang dulunya sebagai Ketua Pengarah Rela. Beliau turun ke bawah dan mengambil beberapa langkah proaktif dengan sokongan oleh Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, terutamanya orang kuat beliau, Pengarah Penguat kuasa yang sentiasa berada di bawah. Untuk itu, saya ingin memberitahu di Dewan yang mulia ini bahawa langkah-langkah proaktif telah dibuat, di mana kita telah melakukan Program Serah Diri secara sukarela. Di mana mereka telah dibawa balik untuk ke negara asal dengan kerjasama kedutaan masing-masing. Seramai 112,278 orang PATI telah mengikuti program ini pada tahun lalu. Oleh kerana selama ini mereka bekerja tanpa izin dan apabila kita melakukan proses penghantaran pulang ini, kita telah mengenakan kompaun kepada mereka.

Tahun lalu sahaja kita telah dapat mengutip RM44.8 juta. Pada tahun ini hingga 25 Mac, kita telah menghantar 19,482 PATI yang disebutkan oleh Yang Berhormat Baling ini. Kita telah dapat mengutip kompaun sebanyak RM7.7 juta.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bahawa langkah-langkah yang dilakukan adalah langkah apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Batu Pahat tadi. Bahawa ini adalah langkah-langkah keras tetapi *bil ihsan* dan cara *bil hikmah* agar kita nampak keras tetapi kita mesti berlaku adil kepada mereka itu. Jadi, itulah dasar Kerajaan Barisan Nasional.

5. Dato' Othman bin Aziz [Jerlun] minta Perdana Menteri menyatakan langkah yang diambil bagi menangani masalah hubungan antara kaum yang dilihat semakin mengancam perpaduan malahan keselamatan dan keharmonian negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Dewan yang mulia ini dan

Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya bimbang, prihatin dan sentiasa memberi perhatian ke atas tindakan-tindakan yang provokasi yang membangkitkan kebencian terhadap agama dan kaum. Oleh yang demikian, kerajaan sentiasa peka menjaga perpaduan dalam usaha memastikan kepentingan dan kesejahteraan rakyat.

Banyak program Tuan Yang di-Pertua, yang kita jalankan untuk memantapkan lagi solidariti dan perpaduan nasional kita. Akan tetapi dalam pada masa yang sama saya hanya akan menyenaraikan beberapa program utama yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Antara langkah yang diambil bagi menangani masalah hubungan antara kaum adalah seperti berikut:

(i) menggalakkan rakyat pelbagai kaum terlibat di dalam kegiatan kejiranan melalui 7,203 kawasan Rukun Tetangga di seluruh negara yang boleh menyumbang kepada peningkatan interaksi di kalangan rakyat kita.

(ii) mewujudkan penghayatan kepada pelajar-pelajar sekolah dan pelajar-pelajar universiti mengenal prinsip-prinsip rukun negara melalui 6,068 kelab Rukun Negara di peringkat sekolah rendah dan menengah dan melalui 143 sekretariat Rukun Negara di IPTS dan IPTA.

(iii) menjalinkan perkongsian strategik bersama institusi-institusi pengajian tinggi untuk menjalankan kajian dan penyelidikan mengenai usaha-usaha meningkatkan hubungan etnik dan perpaduan nasional.

(iv) menganjurkan lebih banyak sesi perbincangan, bengkel atau, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *contestation of ideas* dan perdebatan bagi mengupas isu berbangkit dalam hubungan antara kaum.

(v) menggalakkan penglibatan mahasiswa IPTA, IPTS di dalam program *My Internship*. Di mana pelajar bumiputera berpeluang menjalani latihan industri di syarikat-syarikat bukan bumiputera. Program latihan industri *My Internship* ini ataupun Industri Perpaduan dijalankan sebagai kaedah menggalakkan silang kerjaya untuk pengukuhan perpaduan dan penggalakan silang budaya atau *cross-cultural* serta penerimaan antara kaum atau, dengan izin, lagi *inter-race*. Malahan, prog

(vi) ram ini telah diangkat sebagai sebahagian daripada agenda pemerkasaan ekonomi bumiputera oleh EPU.

(vii) usaha menggalakkan keharmonian agama dan persefahaman di kalangan penganut-penganut agama, dilakukan di bawah naungan jawatankuasa mempromosikan persefahaman dan keharmonian di antara penganut agama ataupun JKNPA untuk memupuk persefahaman. Kerajaan secara berterusan meningkatkan persefahaman di kalangan penganut agama melalui JKNPA dengan mengadakan dialog-dialog. Tuan Yang di-Pertua, kelmarin saya juga telah menghadiri satu dialog yang ada berhubung kait dengan *interfaith*. Dialog-dialog keagamaan di kalangan penganut-penganut agama, terutamanya dengan bantuan dan kajian-kajian NGO-NGO yang ada hubungan kait berkaitan dengan keagamaan.

Selain dari Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional, usaha-usaha kementerian lain seperti penganjuran seperti mana diketahui oleh orang umum, majlis rumah terbuka oleh Kementerian Pelancongan, kem UNITI di bawah Kementerian Belia dan Sukan dan rancangan integrasi murid untuk perpaduan di bawah Kementerian Pelajaran adalah usaha-usaha untuk memastikan perpaduan rakyat Malaysia sentiasa berada di dalam keadaan yang baik, yang sentiasa dipelihara, Tuan Yang di-Pertua.

Oleh yang demikian, saya percaya bahawa melalui langkah-langkah yang saya sebutkan tadi, keharmonian dan perpaduan akan dapat terus dipupuk, keamanan dan kebahagiaan di kekal untuk manfaat rakyat dan generasi yang akan datang selaras dengan hasrat wawasan negara dan Gagasan 1Malaysia. Sekian.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Kita sedar bahawa lembaran sejarah negara telah pun membuktikan kebebasan bersuara yang tidak rasional, melulu dan emosional telah mencetuskan perselisihan antara kaum dan juga telah mendatangkan ketidakstabilan pada negara. Akhir-akhir ini, kita melihat pelbagai insiden yang telah tidak silu-silu, tidak segan-segan menghina agama dan raja-raja, menghina antara kaum. Kita juga melihat, mendengar isu-isu berkaitan penghinaan terhadap Nabi Muhammad SAW, bulan puasa, sambutan Aidilfitri, Thaipusam. Malahan ada isu-isu berkaitan dengan kepala babi di masjid, ada isu yang mencabar untuk membakar gereja.

■1110

Ada juga berkaitan dengan provokasi untuk mengeluarkan Sabah dan Sarawak dari Semenanjung dan dari Malaysia. Jadi soalannya ialah macam mana kita hendak tangani? Adakah kita hendak tunggu sampai ia berlaku semula kejadian tersebut? Jadi dalam pantun, pantun berbahasa Inggeris sikit Tuan Yang di-Pertua.

Newton's Laws kata*;*

"When there is action,

there will be equal and opposite reaction"

Human psychology kata*;*

"When there is provocation,

there will be reaction,

when there is reaction,

it leads to friction.

When there is friction,

it can leads to commotion".

Jadi soalannya ialah, apakah kerajaan telah pun menjalankan kajian kesan terhadap penghapusan akta-akta yang telah menjaga keharmonian negara selama ini, antaranya ISA dan juga EO terhadap apa yang sedang berlaku pada hari ini? Dan apakah kerajaan berpuas hati dengan langkah-langkah yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi, contohnya mengadakan kursus, menjalankan aktiviti rumah terbuka dan sebagainya. Adakah kerajaan melihat bahawa ini sudah cukup untuk menjamin keharmonian negara di masa depan? Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung kait dengan soalan yang sama ada kajian akan dijalankan berkaitan dengan penghapusan ISA dan sebagainya, ini bukan di bawah bidang kuasa saya. Akan tetapi, yang kami boleh buat di bawah JPNIN ini ialah untuk meneruskan beberapa program yang kami percaya memberi kesedaran kepada rakyat kita yang begitu matang sekali, agar tidak membuat sesuatu yang kita fikir boleh mencetuskan sesuatu yang tidak sihat.

Dalam pada masa yang sama, saya ingin menyentuh satu dua program lagi yang sepatutnya kita sama-sama hayati. Kita bukan bermula dengan anak-anak kita sahaja untuk menanam semangat, untuk memahami di antara satu dengan yang lain dan memahami apa ertinya perpaduan. Akan tetapi di kalangan masyarakat kita sendiri, kita juga mempunyai beberapa program tertentu seperti Program Bersama Rakyat. Program ini seperti saya katakan tadi itu ialah terlibat dengan dialog meja bulat *(round table conference),* perjumpaan tertutup dan pendampingan awam.

Salah satu program yang kita sentiasa menjalankan ialah program sayangi komuniti. Inilah semua antara program-program yang kita adakan supaya kita sedari betapa pentingnya bagi kita untuk bersatu padu, oleh sebab dalam Dewan yang mulia ini saya ada pernah bercakap, *unity* itu begitu penting sekali oleh sebab ia merupakan satu situasi bagi kita untuk mengemudikan negara kita ini ke negara yang maju.

Saya bercakap sebentar tadi berkaitan dengan Program Sayangi Komuniti. Ini sememangnya kita tumpu ke dalam 22 kawasan *hotspot* yang kerap kali mungkin berlaku jenayah seperti mana yang disentuh oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Pecah rumahlah, gengsterisme dan mungkin mengeluarkan kata-kata yang tidak baik. Kawasan tumpuan *hotspot* ini yang kita boleh kita sangka yang boleh berlaku beberapa yang tidak sihat ialah kawasan perumahan kos rendah, projek perumahan rakyat dan perumahan awam.

Jadi, saya ingin menyatakan sekali lagi di sini bahawa tugas JPNIN ini ialah untuk membuat perdamaian, membuat kesedaran kepada rakyat supaya kita boleh bersama-sama untuk memajukan negara ini. Sekian.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, saya ucapkan tahniah di atas usaha yang dibuat oleh kementerian untuk memastikan keamanan, kesepaduan di antara kaum dan agama dalam negara kita. Cuma saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian, apa usaha untuk kita menangani isu rasa curiga ataupun rasa sangka yang tidak baik sehingga menyebabkan ada kes yang terakhir yang terbaru, beberapa guru terutamanya di kalangan guru agama, di kalangan ustaz, ustazah yang mengajar di Sarawak khususnya difitnahkan seolah-olah mereka ini menyebabkan ada pelajar yang masuk Islam. Sedangkan apa yang berlaku kita dapati yang sebenarnya ialah kes yang berlaku ini kerelaan pelajar itu sendiri. Dia telah memberitahu kawan-kawannya, dia berhasrat hendak masuk Islam dan dia berjumpa dengan gurunya.

Akhirnya, apa yang saya dapat maklum ialah ugutan kepada guru-guru agama. Mereka sekarang ini dalam keadaan takut dan tidak selesa kerana mereka difitnah dengan *viral-viral* yang palsu, mengatakan bahawa mereka memaksa, sedangkan itu tidak berlaku. Jadi sejauh mana perbezaan agama, perbezaan kaum yang kita semua telah selama ini sejak merdeka lagi kita telah hayati bersama yang sepatutnya tidak berlaku sebegini yang boleh kita melihat jauh ke depan untuk melihat bahawa sebenarnya tidak ada paksaan dalam mana-mana agama. Ini supaya tidak timbul lagi resah gelisah di kalangan ustaz atau ustazah yang mengajar terutama di Sabah dan Sarawak, takut menjalankan tugas mereka sebagai guru dalam isu-isu yang berkaitan dengan agama. Minta penjelasan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih ke atas soalan itu. Sememangnya soalan itu memang relevan sekali oleh sebab banyak cerita ini di mana banyak guru agama yang dituduh dari Semenanjung datang ke Sabah dan Sarawak untuk memaksa orang mahu tukar agama.

Pertamanya, saya ingin menyentuh di sini ialah termaktub di dalam Perlembagaan dikatakan kebebasan agama. Akan tetapi lain-lain agama itu juga dibebaskan untuk dipraktikkan oleh orang yang sukarela, yang betul-betul ingin mengikuti sesuatu agama itu. Dalam pada masa kita untuk menjalankan tugas ini, maka saya percaya dan saya juga percaya semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, bersetuju bahawa pemilihan agama ini ialah dengan pilihan sendiri, dengan kesukarelaan, tidak ada paksaan dan sebagainya. Selagi ada paksaan, saya percaya memang ia menimbulkan cerita yang tidak baik.

Jadi, saya sebenarnya tidak berapa pasti, tetapi di Sabah pun ada juga berlaku seperti ini. Akan tetapi sememangnya yang saya tekankan di sini ialah kalau kita menjalankan tugas kita sebagai *preachers of* agama adalah diharap sangat bahawa ia diberi kefahaman dan kalau dengan sukarela, dia ingin mengikut sesuatu agama itu bagi saya tidak ada apa-apa, oleh sebab itu tidak menimbulkan sebarang apa masalah yang telah kita, Terima kasih.

6. Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan butiran terperinci daripada segi kategori, kaum dan jumlah penerima bayaran kebajikan di negeri Selangor bagi setiap tahun dari 2008 hingga 2014.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Kelana Jaya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita sedia maklum Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memang melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan perkhidmatan bantuan kebajikan bagi golongan sasarnya iaitu kanak-kanak, warga emas, ibu tunggal dan juga orang kurang upaya (OKU). Skim bantuan kewangan yang disediakan adalah seperti berikut:-

(i) bantuan kanak-kanak;

(ii) bantuan anak pelihara;

(iii) bantuan orang tua;

(iv) elaun pekerja cacat;

(v) bantuan penjagaan pesakit kronik ataupun OKU terlantar;

(vi) bantuan OKU tidak berupaya bekerja,

(vii) bantuan am; dan

(viii) bantuan latihan *apprentice*.

Bagi tempoh tahun 2008 hingga tahun 2014, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyalurkan bantuan kebajikan berjumlah RM589,230,947 bagi penerima bantuan di Selangor.

■1120

Penyaluran bantuan kebajikan bagi tahun 2008 adalah berjumlah RM27 juta; 2009 berjumlah RM44 juta; 2010 – RM85 juta; 2011 – RM72 juta; 2012 – RM122 juta; 2013 – RM126 juta dan bagi tahun 2014 hingga September berjumlah RM110 juta.

Jumlah penerima bantuan bagi tahun 2008 – 13,559 kes; 2009 – 22,203 kes; 2010 – 37,174 kes; 2011 – 38,173 kes; 2012 – 48,209 kes; 2013 – 41,297 kes dan 2014 sehingga September adalah 40,752 kes. Jumlah keseluruhan bagi tahun 2008 hingga 2014 sehingga September adalah 241,467 kes.

Penerima bantuan mengikut pecahan kaum pula dari tahun 2008 hingga 2014 bagi kaum Melayu adalah seramai 110,924 orang, kaum India adalah 84,865 orang, kaum Cina adalah 48,391 orang, peribumi Semenanjung 952 orang, peribumi Sarawak 112 orang, peribumi Sabah 99 orang dan lain-lain adalah 124 orang. Terima kasih.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kawasan saya mempunyai lebih kurang 4,000 unit flat kos rendah iaitu ialah kawasan Desa Mentari dan terdapat lebih kurang 30,000 orang miskin di kawasan itu. Sejak tahun lalu, bulan 6 sampai yang terbaru ini kawasan saya telah mendapat 17 aduan daripada *public* bahawa potongan kebajikan mereka daripada RM300 jatuh ke RM130 dan kebanyakan 17 aduan ini adalah daripada kaum India, ibu tunggal dan warga emas.

Soalan saya ialah apakah kriteria terperinci yang digunakan untuk kementerian untuk menetap kadar bayaran kebajikan? Berapakah orang tua akan dapat, warga emas dapat berapa, ibu tunggal berapa, ada sistem atau tidak tentang ini ataupun adakah bayaran ini semua ada *discretionary* iaitu ikut suka pegawai. Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Kalau ada masalah-masalah yang sedemikian itu boleh kalau tidak ada penyelesaian di peringkat PKMD, boleh juga dibawa kepada kami untuk kita tengok masalah tersebut. Memang kita ada kadar yang telah ditetapkan. Seperti mana yang kita semua maklum, bahawa bantuan orang tua adalah RM300 sebulan. Tidak ada potongan, tidak boleh dikurangkan, dia tetap RM300 sebulan bagi bantuan orang tua. Bagi ibu tunggal ini adalah untuk anak-anak mereka. Anak-anak itu seorang untuk bantuan kanak-kanak ialah RM100. Kalau sampai 5 orang, kita ada *limit*lah RM450 daripada Kerajaan Persekutuan.

Jadi itu sudah ditetapkan warga emas dengan orang tua itu adalah sama sahaja. Jadi sudah ditetapkan bantuan ini. Kalau ada masalah-masalah tertentu, maklumkan kepada kita. Kita semua maklum kalau untuk orang kurang upaya, elaun pekerja cacat yang sekarang ini sudah dinaikkan kepada RM350 sebulan. Itu tetap, tidak boleh diubah-ubah dan untuk yang tidak boleh bekerja, sekarang ini sudah dinaikkan RM250. Itu juga sudah ditetapkan, tidak boleh diubah-ubah, tidak boleh dikurangkan ya, Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tanya soalan tambahan di mana ada segelintir apabila mendapati kebajikan ini tiba-tiba mereka diberhentikan selepas itu alasan yang diberikan untuk semakan nama bahawa mereka masih lagi wujud, perlukan bantuan dan sebagainya.

Selepas beberapa bulan mereka akan dapat balik kebajikan. Persoalan saya ialah katakan 6 bulan itu dalam semakan dan sebagainya, 6 bulan itu mereka tidak dapat apa-apa ganjaran. Selepas nama mereka dibawa masuk balik dan dikatakan boleh mendapat kebajikan apa akan berlaku kepada 6 bulan itu. Ada sesetengah itu tidak dapat sampai setahun, sampai 2 tahun. Macam mana dana itu diauditkan, adakah mereka akan dapat balik duit tersebut selepas nama mereka dicatatkan lagi sekali. Terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya maklumat ini Yang Berhormat semua boleh dapat daripada pegawai kebajikan kita di Pejabat Kebajikan Daerah-daerah. Memang kita mesti dan terpaksa mengadakan kajian semula ini kerana kita hendak pastikan sekiranya dia orang tua, dia masih ada lagi kalau tidak nanti kita terbayar kemudian berlakulah pengauditan dan kita kena bertanggungjawab pula.

Oleh kerana dia memang memakan masa sedikit untuk mereka memastikan kewujudan masih ada lagi orang tua itu, kalau dia ibu tunggal, dia masih lagi ibu tunggal dan sebagainya. Jadi ini dilakukan tetapi kita harus maklum bahawa kuasa untuk membayar itu tempohnya hanya untuk 1 tahun sahaja. *That means* peruntukan disediakan untuk 1 tahun sahaja. Bila sudah habis itu, memang sudah tidak ada lagi sehingga dia kajian dibuat dan diluluskan semula, maka tarikh kuat kuasanya daripada tarikh dia diluluskan itu, Yang Berhormat. Jadi masa yang *in between* itu, dengan izin memang tidak adalah. Hanya bermula setelah kelulusan itu diberikan. Terima kasih.

7. Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis] minta Perdana Menteri menyatakan tindakan tegas kerajaan untuk menyekat kawasan Cameron Highlands daripada terus diceroboh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang baik, ini jawapannya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan amat memandang serius pencerobohan tanah di Cameron Highlands. Sebagai langkah proaktif, Jemaah Menteri telah memutuskan pada 14 November 2014 agar suatu tindakan pemulihan secara komprehensif dilakukan segera bagi mengekalkan legasi Cameron Highlands sebagai pusat pelancongan yang terkenal di negara ini. Tindakan tegas ini diterjemahkan melalui Ops Gading yang dimulakan sejak 4 Disember 2014. Operasi ini adalah secara berterusan sehingga semua tanah kerajaan seluas 5,580 ekar yang diterokai secara haram dibersihkan melalui operasi ini.

Selain operasi pembersihan ladang, tanaman dan premis haram yang didirikan di tanah milik kerajaan, operasi bersepadu untuk menangkap pendatang tanpa izin (PATI) melibatkan Jabatan Imigresen Malaysia, PDRM dan ATM juga turut berjalan serentak. Kerajaan yakin faktor PATI yang menyumbang kepada tragedi kejadian tanah runtuh dan banjir lumpur tersebut berikutan penerokaan tanah-tanah haram oleh PATI. Sekiranya PATI diambil bekerja secara berterusan maka penerokaan tanah-tanah haram akan sentiasa berterusan tanpa henti.

Pemantauan dan penguat kuasa undang-undang yang tegas akan diteruskan. Pihak ATM dan PDRM telah diminta untuk mengkaji kesesuaian lokasi bagi mendirikan pos-pos kawalan tetap di Cameron Highlands. Anggota-anggota ATM dan PDRM di pos-pos terbabit akan melakukan tugas rondaan di kawasan tanah milik kerajaan bagi memastikan tiada pencerobohan baru dari berlaku.

Di pihak kerajaan negeri pula, tiada permohonan lesen pendudukan sementara LPS dibuka sejak tahun 2000. Bagi pemegang LPS sedia ada, sebahagian besar lesen tersebut akan diperbaharui bagi perancangan pemulihan kawasan Cameron Highlands. Selain itu kajian semula Rancangan Tempatan Daerah Cameron Highlands turut dijalankan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Jabatan ini melakukan tindakan-tindakan pemulihan, pengekalan dan juga penambahbaikan untuk mengembalikan kegemilangan Cameron Highlands yang dahulunya terkenal sebagai destinasi pelancongan tanah tinggi. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita semua tahu bahawa penerokaan haram ini adalah punca berlaku banjir dan tanah runtuh di tanah tinggi. Selain daripada Yang Berhormat Menteri menjawab soalan sebentar tadi iaitu Ops Gading untuk mengekalkan peranginan terkenal di negara ini, adakah pihak kerajaan bersedia untuk menyediakan *satelite* ataupun pesawat tanpa pemandu untuk tujuan monitor pencerobohan tanah haram yang kita dengar cakap-cakap masa ini masih ada berlaku pencerobohan tanah haram.

■1130

Ini bagi tujuan untuk penguatkuasaan lebih berkesan melalui satelit ataupun penggunaan helikopter tanpa pemandu ini.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang baik sudah pasti akan diberi pertimbangan tetapi penggunaan satelit sekarang ini berjalan seperti biasa. Saya juga hendak maklum kepada Yang Berhormat bahawa di samping penggunaan teknologi tinggi ini, manusia di Cameron Highlands itu sendiri kena diberi kesedaran bahawa perbuatan mereka salah. Bila kita hendak lancarkan operasi ini ada beberapa halangan termasuklah di peringkat awalnya ada pihak yang menghalang untuk kita menyewa jentera dan di pihak petani-petani sendiri, mereka yang mengambil pendatang tanpa izin dan pendatang tanpa izin ini meneroka tanah kemudian mereka tumpang sekaki. Jadi, itulah cerita yang tanah itu berleluasa.

Jadi dengan menggunakan teknologi tinggi ini, kita berharap kita dapat mengesannya tetapi perubahan minda penduduk di situ sendiri bahawa lebih baik, lebih untung negara menjaga hutan daripada membuka hutan, konsep itu. Macam di Afrika, lebih untung menjaga binatang buas, zirafah dan sebagainya daripada membunuh mereka dan menjual daging. Jadi, pemikiran ini mesti disampaikan kepada rakyat bahawa mempertahankan hutan lebih untung daripada merosakkannya. Di samping usaha-usaha berteknologi tinggi tadi, kita juga menjalankan usaha-usaha untuk mengubah minda masyarakat.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Saya dimaklumkan tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawasanya sejak tahun 2000 Kerajaan Negeri Pahang dah tak luluskan LPS tetapi 2000 ke 2015, bagaimana pihak berkuasa tempatan, pejabat daerah, pejabat tanah dan sebagainya tidak menyedari sehingga ribuan ekar dibuka oleh pendatang-pendatang tanpa izin. Itu yang saya hairan. Kalau kerajaan kita telah menjalankan siasatan dan melihat di mana punca itu berlaku.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kehairanan itu memang berlaku. Yang Berhormat sebagai orang Pahang, Yang Berhormat maklum tentang perkara ini. Penerokaan ini dibuat dengan begitu rupa, kadang-kadang dibuat di malam hari, tiba-tiba di siang hari mereka nampak benda itu berlaku. Jadi yang pertama sekali, *license* itu tidak dikeluarkan lagi sejak tahun 2000. Kecuali baru-baru ini jawatankuasa telah mendapat permohonan daripada kerajaan negeri untuk mempertimbangkan beberapa tempat untuk dikeluarkan lesen setelah dipohon oleh pihak penduduk tempatan, PATI tempatan di situ supaya kita timbangkan beberapa lesen yang tidak mengganggu alam sekitar. Jadi, mereka ini adalah peneroka yang begitu lama, yang itu kita akan pertimbangkan. Terima kasih sebab MCA bekerja kuat tentang perkara tersebut.

Mengenai tajuk ini, memang kita tahu bahawa benda itu wujud. Pejabat Tanah pun mengetahui bahawa ada terdapat kawasan penerokaan baru tetapi kemampuan penguatkuasaan cukup lemah sama ada di Jabatan Perhutanan ataupun di pejabat tanah kerana kekurangan pegawai dan kerana mereka tidak mampu untuk menghadapi satu gerakan besar-besaran. Malah kita sendiri semasa kita hendak ambil tindakan, kita hanya dapat sewa dua buah jentera dan harganya cukup mahal sebab jentera lain ditahan oleh pihak-pihak tertentu, gengster dan sebagainya supaya jangan menyewa kenderaan kepada kami. Akan tetapi sekarang ini setelah kita bertegas, sekarang ini kita ada sembilan buah jentera berat dan akan menjalankan operasi tanpa henti. Cuma nasihat kita supaya orang yang ada kebun itu supaya larikanlah diri cepat. Kalau tidak kita akan ambil tindakan juga kepada mereka. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Setakat itulah sesi pertanyaan bagi jawab lisan untuk pagi ini.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Urusan kerajaan dulu Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Peraturan apa? Kita ada *standing* peraturan sehingga selesai sesi soal jawab dan usul-usul daripada kerajaan. Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN KEGANASAN 2015

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan mengenai pencegahan perlakuan atau sokongan bagi perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi pengganas tersenarai di sesuatu negara asing atau di mana-mana bahagian sesuatu negara asing serta bagi kawalan terhadap orang yang terlibat dengan perbuatan sedemikian dan bagi perkara yang berkaitan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG LANGKAH-LANGKAH KHAS MENENTANG KEGANASAN DI LUAR NEGARA 2015

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan mengenai langkah-langkah khas bagi menangani orang yang terlibat dengan perbuatan melakukan atau menyokong perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi pengganas tersenarai di sesuatu negara asing atau di mana-mana bahagian sesuatu negara asing dan bagi perkara yang berkaitan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENJARA (PINDAAN)(NO.2) 2015

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penjara 1995; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN) 2015

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Kanun Keseksaan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN JENAYAH (PINDAAN) 2015

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pencegahan Jenayah 1959; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TATACARA JENAYAH (PINDAAN) 2015

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Kanun Tatacara Jenayah dan Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan)(No.2) 2012; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN KESELAMATAN (LANGKAH-LANGKAH KHAS) (PINDAAN) 2015

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

■1140

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1), saya jemput Yang Berhormat Menteri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Terima kasih. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya nak maklum. Dekat luar sana ada *booth* derma organ, selepas mati baru derma. Jadi saya jemput Ahli-ahli Yang Berhormat untuk hadir ke *booth* tersebut dan membuat derma sebab organ Ahli Parlimen ini dengar cerita hebat-hebat.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.40 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> "Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan di peringkat dasar Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2014) 2015, dan selepas itu Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Selasa, 31 Mac 2015."

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Haji Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bagan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Peraturan Mesyuarat 44(8). Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada usul yang telah pun diluluskan oleh Majlis Mesyuarat pada 10 Mac yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri di mana beliau mencadangkan bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara (IGP) untuk memastikan bahawa semua lorong mesti sentiasa terbuka untuk membolehkan seorang Ahli menghadiri Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat.

Apa yang berlaku ialah bila kita lihat Ahli-ahli Parlimen ditahan oleh pihak polis tetapi telah dihina dan diaibkan dengan cara yang begitu, saya rasa tidak munasabah... *[Tepuk]* Dan dengan menyalahgunakan kuasa reman dengan melanjutkan tempoh tahanan supaya mereka tidak dapat menghadiri Mesyuarat Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon bahawa Majlis Dewan Rakyat ini mengarahkan Ketua Polis Negara supaya janganlah menahan lebih lama daripada tempoh yang munasabah. Saya tidak melarang, kami tidak melarang sebarang tangkapan mengikut undang-undang tetapi janganlah apabila mereka didakwa kerana berhimpun tanpa permit, ia dijadikan macam satu jenayah yang amat serius macam membunuh ataupun melakukan rasuah. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Membunuh dan melakukan rasuah, Tuan Yang di-Pertua, tidaklah mendapat tindakan seperti ini. Sampaikan Yang Berhormat dari Shah Alam, 3.20 pagi rumah dia dirempuh begitu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jangan berucap, tak payah berucap Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Yang penting sekali Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku pada Yang Berhormat dari Pandan. Bila beliau digari, berkaki ayam seperti seorang penjenayah... *[Tepuk]* Saya rasa itu bukanlah cara seorang Ahli Parlimen diberikan layanan seperti ini kerana beliau tidak melakukan apa-apa kesalahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, tak perlu berucap Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Saya harap bolehlah memberikan arahan. Ini rayuan saya sahaja. Kita buat secara baik, secara berbudi. Rayuan supaya Ketua Polis Negara boleh hormati institusi Parlimen, institusi seorang wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat dapat menjalankan tugas dengan penuh amanah, bukanlah seorang penjenayah. Tak rompak, tak curi harta dan khazanah rakyat. Saya harap boleh berikan arahan kepada Ketua Polis Negara, janganlah tahan lebih lama daripada tempoh ditetapkan. Tak perlu reman, mereka boleh pergi dengan sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak perlu berucap ya Yang Berhormat. Cukuplah, cukuplah.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Itu saya rayu Tuan Yang di-Pertua untuk membela dan menegakkan hak Ahli Parlimen. Sekian, terima kasih.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, saya nak tambah sikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak perlu. Seorang sahaja Yang Berhormat, seorang sahaja Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Dalam nak soal kami sebagai Ahli Parlimen, telefon sahaja, kami datang. Tak payah nak hantar polis bersenjata macam kita ini penjenayah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, cukup, cukup.

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Janganlah nak ambil kesempatan.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tak perlu nak reman, bila-bila panggil sahaja kita datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat Shah Alam.

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ahli Parlimen, dia nak ambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini. Bila ambil kesempatan, boleh kena tahan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya cuma merujuk kepada peraturan mesyuarat yang dibuat oleh...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebentarlah Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ini perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebentar. Saya respons peraturan mesyuarat Yang Berhormat Bagan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya, saya juga nak menyokong Yang Berhormat Bagan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak perlu Yang Berhormat, tak perlu sokongan Yang Berhormat. Duduk, Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kita semua menghadapi masalah yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Peraturan Mesyuarat 44(8) iaitu yang berbunyi, *"Tidak ada apa-apa jua dalam peraturan ini boleh dianggap sebagai menyebabkan Ahli Mesyuarat..."* Peraturan Mesyuarat 44?

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: P.M. 44(8).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *No*, tak ada. Bukan P.M. 44(8). Tak apa. Usul yang kita luluskan pada permulaan mesyuarat iaitu untuk memastikan tiada halangan jalan menghalang Ahli-ahli Parlimen untuk datang Parlimen, saya rasa masih berkuat kuasa dan tidak ada sebarang halangan yang berlaku. Isu Yang Berhormat buat ini adalah isu di bawah kuasa polis untuk mengambil tindakan di bawah perintah polis yang tidak ada kaitan dengan usul yang kita luluskan pada awal permulaan mesyuarat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya, polis diarahkan untuk membenarkan kita hadir Parlimen. Sekarang Yang Berhormat Pandan tak ada di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, tapi tertakluk kepada kuasa-kuasa polis.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bagan tak faham usul itu. Usul itu lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, itu yang saya katakan usul kita untuk memastikan...

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Batu, duduklah Yang Berhormat Batu.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Usul yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Usul kita untuk memastikan tiada halangan kepada Ahli Parlimen sedang berkuat kuasa dijalankan oleh polis.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Pandan tidak berada di dalam Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ini isu lain Yang Berhormat ya, isu lain. Tak berkaitan dengan isu yang kita luluskan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Bukan isu lain. Yang Berhormat Pandan adalah Ahli Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, polis jalankan tugas.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Polis diarahkan oleh Dewan ini untuk membenarkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Polis jalankan tugas tertakluk kepada undang-undang yang dipegang oleh polis, Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ketua Polis Negara diarahkan oleh Dewan ini supaya tidak menghalang...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Apa kesalahan Yang Berhormat Pandan buat? Mana ada kesalahan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah, itu dikuatkuasakan oleh polis. Jangan campur aduk. *Dewan riuh]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *Lawyer* semua ini *one sided* punya *lawyer.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jangan campur aduk isu yang kita luluskan di dalam Dewan dengan kuasa yang diberi kepada polis. Itu kuasa lain, itu perkara lain.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kita mengatakan siasatan kita tidak ada halangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Isu kita yang di Parlimen ini masih berkuat kuasa dan tiada halangan pun.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: IGP harus faham Ahli Parlimen ada tanggungjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Isu itu lain Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Pandan belum didakwa pun, belum didapati bersalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya dah cakap, itu kuasa polis, bukan kuasa Parlimen.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Beliau masih dianggap tidak bersalah.

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Adakah seorang yang belum didapati bersalah tidak dibenarkan datang ke Parlimen?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ahli Parlimen dibenarkan datang ke Dewan tapi bukan Ahli Parlimen yang bertanggungjawab untuk fitnah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: IGP harus diarahkan oleh Dewan ini... Siasatan kita tiada masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kalau hendak buat usul terhadap IGP, kuasa polis, buat dalam bentuk usul.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Okey, usul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Buat dalam bentuk usul, P.M. 36.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tadi dah dengar usul dah, usul tak semestinya bertulis.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tangkap Yang Berhormat Sepanglah, taruk Yang Berhormat Sepang dua minggu dalam.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Peraturan mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua, saya telah bangkitkan satu peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, usul Yang Berhormat itu telah ditolak dalam kamar.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ya, saya tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kalau nak buat rayuan, buat dalam bentuk usul.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kita tak boleh buat usul. Sekarang ini kita buat usul ditolak.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kalau buat usul, ditolak.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ini adalah apa yang berlaku dalam beberapa hari lalu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Baca peraturan. Usul yang ditolak dalam kamar tidak boleh dirayu, buat dalam bentuk perbahasan begini.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, bagi saya baca sahaja. Saya nak bangkitkan isu banyak Ahli Parlimen yang kena tahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jangan pergi kepada– usul Yang Berhormat telah ditolak.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Pandan, Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, Yang Berhormat Rasah dan sebagainya. Yang Berhormat Seputeh juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tadi Tuan Yang di-Pertua sebut nak buat usul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, buat usul.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Itulah buat usul. Itu sebab kita nak bincangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bukan bentuk begini, buat dalam bentuk usul, notis.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Sudah, sudah. Saya sudah bagi notis.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tapi setiap kali buat usul, usul kita kena tolak. Setiap kali kena tolak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kalau dah tolak dalam kamar, keputusan Speaker itu cuma boleh dirayu dalam bentuk usul bagi notis.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Bila saya bagi notis untuk Yang Berhormat Permatang Pauh, ditolak juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Itu peraturan kata, Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Gunakan peraturan untuk sembunyikan diri buat apa?

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: *[Menghempas buku]*

■1150

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Indera Mahkota, duduk Yang Berhormat. Kenapa tunjuk perasaan macam itu?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Itu sebab...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Apa yang hempas buku di atas meja itu, Yang Berhormat?

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua bercakap dengan siapa? Bercakap dengan saya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya. Kenapa hempas buku?

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Saya hendak hempas, itu hak saya. *[Dewan riuh]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Apa ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Itu menghina, Yang Berhormat. Menghina ini. *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Inilah dia cara pembangkang.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini semua *lawyer*. *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: '*Lawyer* buruk' semua ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Buatlah satu usul.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kami sudah buat semua sudah. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Itu yang peraturan mesyuarat tetapkan Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: ...Untuk kepentingan sendiri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...*[Dewan riuh]*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ada salah faham yang berlaku, ada ketidakadilan yang berlaku. Itu sebab kita hendak bincang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak, itu peraturan mesyuarat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Mereka tidak boleh sembunyikan diri di sebalik peraturan mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat jangan suruh saya buat di luar peraturan.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Setiap kali menyembunyikan diri buat apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya buat mengikut peraturan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya buat rayuan di bawah aturan 43 pun ditolak juga.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Itu peraturan mesyuarat ke atas Yang Berhormat, buat dalam bentuk usul.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Peraturan mesyuarat tidak boleh mengatasi Perlembagaan! Perlembagaan undang-undang tertinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Itu usul lain, Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, dalam negara... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya cukuplah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ketua Polis Negara tidak mematuhi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ini bukan kali pertama usul ditolak dalam kamar, bukan kali pertama.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Akan tetapi ini kali pertama, ramai Ahli Parlimen telah ditahan. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Setiausaha...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Pembesar suara dimatikan]* Ahli Parlimen dimalukan, diaibkan...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ... Dalam kes Yang Berhormat Lembah Pantai, dia berucap dalam Parlimen, usul itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat. Jangan tunjuk perangai macam Yang Berhormat Indera Mahkota tadi. *[Dewan riuh]* cukuplah, cukuplah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: ...*Standing order* bukan untuk menyembunyikan diri, *standing order* untuk bahas.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tuan Yang di-Pertua, ini semua pengamal undang-undang. Akan tetapi usul hendak ikut bahas sendiri.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Usul sudah ada, tapi usul tidak ikut, bahaslah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya sudah buat keputusan Yang Berhormat. *[Dewan riuh]* Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Cukuplah, duduklah. '*Lawyer* buruk' duduklah, *double standard 'lawyer* buruk'. Duduk, duduk, duduk. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah, sudah. Itu isu lain.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ini semua *double standard* punya *lawyer*. Bagi peluang dalam Dewan yang mulia ini, cakap banyak. Sudah lah, mamat tongkang... jual roti canai.. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Setiausaha, setiausaha jalankan terus.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Wahai *lawyer*, 1.7 boleh sampai dua minggu. Ini empat jam... tidak masuk dua minggu. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Pemikiran komunis.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Siapa yang pemikiran komunis?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ahli Parlimen ada kekebalan atau tidak?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Akan tetapi jangan salah guna!

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ada ... atau tidak?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Jangan salah guna ... dalam Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah, duduklah Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Mana boleh memfitnah, memfitnah hakim, memfitnah semua. Ikut suka hati mana boleh. Mentang-mentang ada *immunity power* hendak ambil kesempatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, saya buat. Saya pegang ini... *[Sambil menunjukkan buku peraturan mesyuarat].* Kita pegang ini.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, ... ada kezaliman. Ketua Polis Negara menghina Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, cukuplah Yang Berhormat, cukuplah. Tidak perlulah begini, cukuplah.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2014) 2015

Bacaan Kali Yang Kedua

11.53 pg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan; "bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian dari tahun 2014 bagi peruntukan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang".

Tuan Yang di-Pertua, Peruntukan Tambahan Perbelanjaan Mengurus Kedua Tahun 2014 ini dibentangkan menurut Perkara 100 dan Perkara 101 Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperoleh kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau terkurang diperuntukkan dalam Bajet 2014 yang telah diluluskan terdahulu oleh Dewan yang mulia ini. Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2014 yang dibentangkan adalah berjumlah RM3,972.1 juta iaitu sebanyak RM1,748.6 juta ialah tambahan perbelanjaan tanggungan dan sebanyak RM2,223.5 juta adalah untuk membiayai perbelanjaan bekalan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Anggaran tambahan perbelanjaan bekalan yang dipohon untuk diluluskan di bawah fasal 2 rang undang-undang yang dibentangkan adalah sebanyak RM2,223.5 juta yang boleh diringkaskan seperti berikut:

4.1. sebanyak RM942.6 juta adalah tambahan secara langsung untuk menampung lebihan perbelanjaan kementerian-kementerian yang mana sebahagian besarnya adalah untuk pembayaran emolumen kakitangan awam;

4.2. sebanyak RM1,036.5 juta adalah untuk pindahan lebihan daripada akaun hasil disatukan 2014 ke Kumpulan Wang Pembangunan. Pindahan ini di caj sebahagian daripada perbelanjaan di bawah Maksud B.12 peruntukan kepada Kumpulan Wang Berkanun.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pindahan ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 10(1) Akta Prosedur Kewangan 1957 dan bukan satu perbelanjaan baharu tetapi merupakan sebahagian daripada keperluan kewangan untuk menampung perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2014 yang berjumlah RM39,503.5 juta. Bakinya adalah dibiayai melalui pinjaman; dan,

4.3. sebanyak RM244.4 juta adalah bagi me*recoup* semula jumlah yang telah didahulukan daripada kumpulan wang luar jangka untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan luar jangka tahun 2014 seperti yang terkandung dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1 tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian-kementerian yang terlibat di dalam Anggaran Perbelanjaan Tambahan ini adalah seperti berikut:

5.1. Kementerian Pendidikan sebanyak RM428 juta;

5.2. Jabatan Perkhidmatan Awam sebanyak RM287 juta;

5.3. Kementerian Kesihatan sebanyak RM200.7 juta;

5.4. Kementerian Wilayah Persekutuan sebanyak RM34.4 juta;

5.5. Kementerian Luar Negeri sebanyak RM26.8 juta; dan

5.6. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi sebanyak RM10 juta.

Tuan Yang di-Pertua, butiran dan penjelasan lanjut mengenai Peruntukan Tambahan Bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2014 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1 tahun 2015 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1A Tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan 2014.

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2014 yang dipohon ialah merupakan pendahuluan yang telah dikeluarkan daripada simpanan luar jangka iaitu sebanyak RM1,922 juta. Tuan Yang di-Pertua, anggaran tambahan diperlukan bagi membiayai projek-projek pembangunan bagi maksud-maksud berikut:

9.1. sebanyak RM894.5 juta untuk Maksud P.27 Kementerian Kerja Raya;

9.2. sebanyak RM619.6 juta untuk Maksud P.43 Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan;

9.3. sebanyak RM407.8 juta untuk Maksud P.60 Kementerian Pertahanan.

Selain daripada itu, anggaran tambahan ini juga mengandungi permohonan peruntukan tanda (token) sebanyak RM380 bagi 15 kementerian. Peruntukan tanda ini adalah bagi mewujudkan butiran baru untuk membolehkan pindah peruntukan dilakukan antara butiran.

Penerangan dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama Tahun 2014 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2015 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2A tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya maklumkan di sini bahawa Anggaran Perbelanjaan Tambahan yang dipohonkan ini yang berjumlah RM3,972.1 juta untuk Perbelanjaan Mengurus dan RM1,922 juta untuk Perbelanjaan Pembangunan adalah sebahagian daripada jumlah perbelanjaan sebenar untuk tahun 2014 dan ia tidak menjejaskan defisit fiskal yang ditetapkan pada paras 3.5%.

■1200

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2014 selepas ucapan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN (Bil.1) 2014

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan bahawa usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi;

> "Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak satu bilion, sembilan ratus dua puluh satu juta, sembilan ratus sembilan puluh lima ribu, lapan ratus lapan puluh ringgit (RM1,921,995,880) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang

Pembangunan bagi tahun kewangan 2014 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2014 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2015 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis".

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah "bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2014, dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu" dan masalah "bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang." Kedua-dua masalah tersebut dibuka untuk dibahas. Ya Yang Berhormat Lenggong. Sebelum itu Yang Berhormat perbahasan kita sehingga jam lima petang dan Yang Berhormat Menteri boleh menggulung jam lima petang. Jadi kita hadkan masa setiap Ahli Yang Berhormat selama 15 minit. Sila.

12.04 tgh.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2014) 2015 sebagaimana dimaksudkan. Saya mengambil kesempatan, pertama, menyokong rang undang-undang yang memperuntukkan sejumlah wang RM2,223,520,310.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan ekonomi yang kita hadapi hari ini dengan kejatuhan harga minyak, kejatuhan nilai ringgit dan komoditi, saya percaya kita sedang berhadapan dengan situasi yang amat mencabar. Tidak mudah untuk kita menghadapi situasi ini, hanya dengan kesungguhan, dengan iltizam yang bersungguh-sungguh, dengan kekuatan yang ada pada sebuah kerajaan dan sokongan daripada rakyat sahaja saya fikir mampu untuk kita hadapi situasi ini.

Saya percaya atas keupayaan dan kesungguhan kerajaan walaupun kita menghadapi tekanan daripada pelbagai pihak terutamanya daripada rakan-rakan kita dari sebelah sini, namun kerajaan mampu juga untuk mengatasinya dan kita berharap rakyat secara majoritinya memberikan sokongan apa sahaja yang kita hadapi ini dan berlaku kepada negara kita sebenarnya akan memberi kesan kepada rakyat secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan pada hari ini – saya lihat sebelum ini Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia pernah berkata bahawa kerajaan akan melihat bahawa peraturan internet di tiga buah negara misalnya – dia pernah bercakap untuk melihat apa yang berlaku di Amerika Syarikat, Britain dan Australia. Walaupun kesemua negara ini sebenarnya meletakkan hak dan kebebasan sebagai satu daripada perkara yang diperjuangkan oleh negara berkenaan tetapi mereka tetap juga menetapkan beberapa peraturan.

Misalnya kalau kita lihat di Amerika Syarikat misalnya memang memberikan kebebasan bersuara kepada rakyat di alam maya dan di realiti, namun rakyat mereka masih terikat dengan peraturan yang melindungi mereka di bawah akta-akta tertentu seperti hasutan, akta buli dan pencerobohan privasi.

Maknanya walaupun mereka memperjuangkan soal kebebasan kepada rakyat tetapi kita terikat dengan peraturan-peraturan ini. Sebab itu saya lihat bahawa negara kita juga mesti melakukan perkara yang sama walaupun yang benar kita tahu bahawa kita terikat dengan waktu mula-mula kita menubuhkan dan melaksanakan *Multimedia Super Corridor*, kita terikat dengan Akta Komunikasi Multimedia serta Rang Jaminan MSC Malaysia tetapi apa salahnya Tuan Yang di-Pertua, kita kaji semual perkara ini kerana kita

lihat hari ini negara sudah berada dalam keadaan yang kadang-kadang sesuatu isu diputarbelitkan begitu teruk sekali. Ini membahayakan masa depan negara.

Sebab itu saya meminta supaya dalam Dewan yang mulia ini, waktu saya membahaskan rang undang-undang ini supaya kerajaan mengkaji semula rang undang-undang ini dan mesti melakukan apa juga perkara kerana yang penting bagi kita apa makna kita memberikan kebebasan yang berlebihan kepada rakyat ia mengundang kepada negara yang boleh menyebabkan negara kita terjerumus pada masalah yang tidak kita inginkan. Sebab itu Yang Berhormat, saya lihat bahawa satu perkara penting, kita telah pun sebut dan ramai rakan kita bercakap perlunya kita daftarkan pengguna sosial ini sebagaimana kita mendaftarkan untuk penggunaan telefon dan sebagainya. Kita daftarkan supaya setiap rakyat, dia bebas bercakap, dia bebas memberikan pandangan tetapi terikat dengan peraturan dan mesti ada tanggungjawab. Sebab itu saya berharap supaya kementerian mengkaji semula perkara ini supaya ia dapat membendung dan tidak memberi dan menjejaskan masa depan negara.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia sebuah perbadanan, agensi yang diberikan tanggungjawab untuk mengurus dan mengawal isu ini. Saya lihat bahawa kerajaan juga perlu secara serius melihat aspek-aspek tertentu antaranya mungkin perlu memberikan kuasa yang lebih daripada segi undang-undang kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. Hari ini kita lihat banyak isu yang dibangkitkan dan perkara-perkara yang ditangani oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia ini bukan sebagaimana menangani isu-isu jenayah yang lain.

Kalau satu isu yang dimainkan di media sosial, dia telah menjadi *viral* di kalangan masyarakat, rakyat berbincang perkara-perkara yang tidak benar, tidak betul, ia amat sukar untuk diambil tindakan. Saya hari ini melihat memang setiap kali isu berlaku terutama sekali baru-baru ini isu yang melibatkan institusi antara yang tertinggi dalam negara, apabila *Malaysian Insider* dengan begitu berani mengeluarkan kenyataan yang tidak benar kononnya kenyataan daripada Majlis Raja-raja, ia memang tidak betul dan tidak tepat malah dinafikan oleh Majlis Raja-raja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Seputeh bangun.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sekejap, saya habiskan ayat ini sahaja sekejap lagi saya bagi. Sekejap lagi saya akan bagi. Saya hendak habiskan sedikit ayat ini. Sekejap lagi saya bagi.

Tuan Yang di-Pertua, apabila institusi Majlis Raja-raja telah menafikan kenyataan daripada – SKM hanya kata, okey kita akan siasat. Sampai bilakah hendak siasat? Sampai bilakah? Perkara ini telah menjadi *viral*. Apabila tindakan tidak diambil, orang anggap ia benar. Ini menjadi masalah kepada kita. Sebab itu saya berharap bahawa hendak menangani isu ini ia tidak boleh kita tangani isu sebagaimana kita menangkap penjenayah lain atau kita menangani isu-isu jenayah yang lain. Ini isu lain dan caranya berbeza. Sebab itu saya lihat bahawa kerajaan mesti mengkaji semula dan tingkatkan penguatkuasaan dan berikan kuasa yang lebih kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia ini untuk mengambil tindakan segera kepada mana-mana pihak yang menyalahgunakan media sosial dalam negara kita. Okey Yang Berhormat Seputeh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Seputeh, ya sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Lenggong. Kalau tidak silap saya apa yang disiarkan dalam *The Malaysian Insider* itu adalah menurut sumber. Jadi kita juga lihat selalunya pihak media juga menggunakan sumber untuk melaporkan beberapa isu dan sebagainya. Jadi saya rasa TMI ini mengikut sumber. Kedua ialah Yang Berhormat Lenggong, saya sendiri adalah sasaran daripada sesetengah media sosial yang jahat yang menyasarkan kepada saya. Saya dituduh mencadangkan kerajaan menggunakan wang zakat untuk masyarakat Cina dan ini *go viral* dan saya juga dituduh menghina Islam dan sebagainya.

■1210

Semua ini bila saya buat laporan polis, saya pergi ke *Multimedia Commission,* tidak ada tindakan diambil langsung. Akan tetapi selalunya bila UMNO pergi buat laporan polis,

UMNO pergi buat laporan ke *Multimedia Commission,* tindakan diambil dengan segera. Bukankah ini *bias*? Bukankah ini menunjukkan yang pihak MCMC ini memang tidak ada integriti?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Okey, sudah, sudah. Saya faham, saya faham.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *Biased* dijadikan alat bagi UMNO sahaja.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Oleh sebab itu Yang Berhormat Seputeh, Tuan Yang di-Pertua, saya minta kuasa yang lebih diberikan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia ini. Oleh kerana *Malaysian Insider* memetik daripada sumber yang tidak sah. Masalahnya memang banyak media lain mengambil daripada sumber-sumber tertentu tetapi sumber yang sah. Masalahnya, *Malaysian Insider* ambil daripada sumber yang tidak sah dan mengguna dan mempermainkan institusi tertinggi yang dihormati dalam negara ini. Ini tidak boleh. Kalau sampai ke peringkat sudah berani mempergunakan media, terutama sekali daripada pembangkang ini, mengambil dan mempergunakan institusi negara, ini sudah melampau. Ini tidak boleh.

Saya bimbang kalau tindakan tidak diambil, ia menyebabkan rakyat di bawah rasa tidak selamat, tidak terjamin kerana institusi tertinggi pun tidak dibela, bagaimana lagi rakyat di bawah. Sebab itu saya harap beri kuasa lebih. Kaji semula dan kalau boleh buat sebagaimana negara-negara lain seperti Australia, Britain. Mereka laksanakan undang-undang. Saya bagi contoh, misalnya di Australia. Internet dikawal oleh sebuah agensi namanya ACMA yang mempunyai kuasa untuk menyekat kandungan internet, lebih keras daripada kita tapi tidak adapun rakyat di Australia yang mengamuk sebagaimana rakan-rakan kita macam Yang Berhormat Batu dan sebagainya.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ahli Parlimen Australia kena tahan?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Kita ambil tindakan. Sekejap Yang Berhormat Batu. Sekejap lagi saya bagi. Saya cakap dahulu. Yang menjadi masalah lagi kepada kita ialah rakan-rakan kita ini seperti Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Seputeh, tadi Yang Berhormat Shah Alam, dia tafsir undang-undang ikut kepentingan dia. Mentafsir undang-undang mengikut kepentingan masing-masing. Dalam Dewan Rakyat memang kita ada kekebalan, memang Ahli Parlimen ada kekebalan tetapi ada had tertentu. Kita tidak boleh menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan institusi Raja-raja misalnya, Akta Hasutan misalnya, keharmonian misalnya. Memang kita ada had. Kalau kita menyentuh perkara itu memang tidak boleh. Mana boleh kita menyentuh perkara-perkara yang tidak dibenarkan. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi minta supaya kerajaan serius. Walaupun waktu kita wujudkan...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Laluan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: ...Multimedia Super Corridor, kita terikat untuk menggalakkan pelaburan masuk dalam negara tetapi situasinya sudah berubah. Keadaannya sudah berbeza. Beri kuasa, tingkatkan kuasa untuk segera mengambil apa-apa tindakan. Kita mesti buat tindakan, tidak boleh SKMM buat tindakan lambat. Kalau lambat, ia sudah menjadi *viral* dalam masyarakat, ia boleh mengundang satu yang tidak baik dalam negara ini.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu bangun.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Pendek sahaja Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya hendak tahu siapa di kalangan lapan MP yang pernah ditahan ini menyentuh institusi Diraja, agama dan lain-lain. Kita lihat jelas semasa Ketua Polis Negara kata seseorang itu yang menghina agama, tuhan, hudud ini harus ditangkap dan kita lihat peguam ditangkap. Akan tetapi kita ada Menteri yang kata orang-orang bodoh sahaja yang sebut tentang hudud. Apa bezanya? Dua-dua ini tidak menunjukkan penghormatan kepada satu undang-undang yang suci. Kenapa ada *double standard* dalam perkara ini?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu ambil alih peranan dan tugas pihak berkuasa. Rakan-rakan saya yang telah ditangkap, biar pihak berkuasa jawab dan ambil tindakan. Oleh kerana saya tidak mahu jadi

sebagaimana mereka mengambil alih kuasa lain dan mentafsir ikut kehendak sendiri. Biar pihak berkuasa yang mengambil tindakan. Ini kerana saya percaya pelbagai kesalahan yang mereka lakukan...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tafsir suka hati dia.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: ...dan tentunya mereka akan diambil tindakan yang sesuai dengan undang-undang.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Dekat Australia tidak tangkap Ahli Parlimen pun.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Siapa pun dalam negara kita yang tercinta ini, dia tidak kebal daripada segi undang-undang. Kalau melakukan kesalahan tentu akan diambil tindakan. Baik pihak kerajaan atau pihak pembangkang. Salah dari segi undang-undang, saya percaya tindakan akan diambil. Sebab itu kita serahkan kepada pihak polis. Sebab itu saya harap walau mana kedudukan kita pun, bebas kita pun, kita masih tertakluk kepada undang-undang dan peraturan. Jangan sesekali kita didik rakyat untuk langgar undang-undang. Masalah kepada kita ialah kita ialah pemimpin.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Batu Gajah, apabila kita melakukan kesalahan, kita menjadi contoh kepada rakyat. Kita melakukan perkara-perkara...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Boleh saya cakap?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: ...yang menyebabkan rakyat menjadi contoh kepada kita. Sebab itu saya harap perkara ini mesti ditangani secara serius. Sedikit sahaja Yang Berhormat Batu Gajah.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Tadi Yang Berhormat Lenggong ada menyebut bahawa memang kita ada kekebalan dalam Parlimen dan saya terdengar Yang Berhormat Lenggong menyebut bahawa kita tidak boleh juga sentuh berkaitan dengan Akta Hasutan. Ini saya tidak faham, kenapa kita tidak boleh sentuh tentang Akta Hasutan? Itu satu perkara.

Yang kedua, berkaitan dengan isu penangkapan Yang Berhormat Lembah Pantai itu, adakah ia betul-betul melanggar perkara-perkara yang tidak boleh disentuh dalam Parlimen? Itu saya hendak tahu. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Lembah Pantai itu yang tidak boleh kita cakap dalam Parlimen? Itu saya hendak tahu. Terima kasih.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Siasatan akan dibuat, biarlah pihak berkuasa. Yang saya sebut tadi kita tidak boleh melakukan apa yang menghasut rakyat.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat, ini adalah isu berkaitan dengan Ahli Parlimen. Kita kena bela Ahli Parlimen. Kita tidak boleh biarkan orang lain buat keputusan terhadap Ahli Parlimen.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat, Ahli Parlimen kena bela rakyat.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Kita kena bela. Kalau kekebalan kita ini ada orang lain campur tangan, kita kena bela.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini masalah Yang Berhormat. Bela rakyat bukan diri sendiri.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Kita sama-sama kena bela. Hari ini dia kena, besok Yang Berhormat pula kena.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sekejap, sekejap. Duduk dahulu, duduk dahulu. Jangan rasa hendak marah sangat. Relakslah Yang Berhormat. Yang saya sebut tadi, janganlah kita meluahkan kenyataan yang menghasut, yang boleh menimbulkan perkara-perkara yang menyebabkan rakyat berada dalam keadaan gusar, yang boleh mencetus suasana yang tidak baik dalam negara ini.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lenggong ada dua minit lagi.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: 30 saat boleh?

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Minta laluan sedikit Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Saya ada banyak lagi. Sekejap lagi bab...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: 30 saat, 30 saat. Setujukah Yang Berhormat Lenggong tadi katakan bahawa penyiasatan sedang dijalankan. Jadi, memandangkan ini melibatkan Ahli Parlimen, biar penyiasatan diselesaikan dengan segera. Jika tidak bersalah, apa tindakan terhadap IGP?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Kita serahkan kepada pihak berkuasa. Kita serah sahajalah.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Celah sedikit Yang Berhormat Lenggong.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Ini kes Menteri terlibat Ahli Parlimen.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tak payahlah kita timbulkan spekulasi. Serahkan kepada pihak yang berkuasa. Percayalah, Yang Berhormat kalau berlaku kecurian kawasan Yang Berhormat pun *report* pada polis juga.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Macam mana hendak percaya kita dipukul oleh polis. Kita Ahli Parlimen.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Berapa lama, berapa lama? Masalahnya berapa lama?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Kalau tidak percaya, jangan jadi macam Yang Berhormat Batu, gigit polis.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Macam mana hendak percaya, kita pergi ke perhimpunan aman tapi dipukul oleh polis.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tuan Yang di-Pertua, hari ini...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Yang Berhormat Lenggong, sedikit.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Kalau saya tidak bagi dekat Yang Berhormat Ampang, sekejap lagi dia kata saya penakut.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Betul.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Setengah minit Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: *Alhamdulillah*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta Yang Berhormat Lenggong menjelaskan tentang definisi hasutan. Kalau kami daripada pihak pembangkang, memanglah kerja kami untuk mengkritik kerajaan. Mengkritik kerajaan untuk... *[Dewan riuh]*

Kerja mengkritik kerajaan. Kerja kita untuk mengkritik kerajaan membawa perubahan agar membawa kebaikan dalam negara ini. Kalau kita mengkritik untuk buat perubahan, kita kata hasutan hendak tangkap semua orang, apa jadi? Kalau Barisan Nasional buat kritik kepada kita, kita tidak ada kuasa hendak tangkap. Kalau kita diberi kuasa, kita pun hendak tangkap Barisan Nasional.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Yang Berhormat Ampang kerana telah pun mengakui bahawa kerja pembangkang ini menghasut sahaja. Terima kasih. Boleh bercakap, boleh membela rakyat. Memang kerja kita bercakap membela rakyat tetapi biarlah mengikut saluran cara yang betul. Menghasut ini tidak boleh Yang Berhormat. Tidak boleh.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beralih kepada isu lain. Ini isu mengurangkan bebanan rakyat. Kita sedar bahawa hari ini rakyat berada dalam keadaan sukar menghadapi beberapa isu yang sedang berlaku dalam negara sekarang. Saya hendak

ambil kesempatan di sini, pertamanya untuk kerajaan segera melakukan usaha-usaha, terutama sekali penguatkuasaan. Dua tiga hari lagi kita akan mula melaksanakan GST. Sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, disebut waktu beliau sebentar tadi melawat pusat kastam di Kelana Jaya, bahawa GST merupakan satu sistem percukaian bersejarah dalam negara ini yang sebenarnya memberi kebaikan kepada kita.

Akan tetapi isunya apabila diputar belit oleh rakan-rakan di sebelah sana, ia menyebabkan rakyat panik dan keliru. Sebab itu kita ada macam-macam akta yang diluluskan di Dewan ini. Kita ada Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011, kita ada Akta Perihal Dagangan 2011, kita ada Akta Perlindungan Pengguna 1999, kita ada Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014.

■1220

Semua akta ini hanya akan berfungsi jika kita betul-betul kuatkuasakan dan laksanakan secara betul. Tidak guna ada akta kalau penguat kuasa tidak ada.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Yang Berhormat minta...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Saya tahu bahawa kekangan dihadapi oleh kementerian, pegawai kurang dan sebagainya.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Yang Berhormat minta laluan Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sebab itu saya minta supaya, hari ini, oleh kerana GST hendak dilaksanakan, segerakan penguatkuasaan. Saya pergi ke pasar malam, semalam...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Wah, dia beli-belah semalam.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: ...meninjau, tengok harga. Peniaga pasar malam dia kata, *"Beli encik cepat sebab harga hendak naik GST".* Maknanya itukan, dia pun tidak faham. Kalau peniaga pun tidak faham, pengguna pun tidak faham, maka kesempatan diambil dan dikelirukan lagi oleh rakan-rakan macam Yang Berhormat Bukit Gantang ini, lagi pening rakyat. Sebab itu penguatkuasaan perlu dibuat…

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Minta laluan Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: …Perlu dibuat dan antaranya mempermudah rakyat untuk membuat aduan. Kalau guna SMS boleh buat aduan, *WhatsApp* pun boleh. Permudahkan rakyat membuat aduan. Kalau rakyat mudah membuat aduan, penguatkuasaan segera diambil, saya percaya ia boleh membendung penipuan pengguna dan sebagainya. Saya harap kementerian lakukan perkara ini termasuklah mengaktifkan semua agensi-agensi untuk melaksanakan program di bawah *National Blue Ocean Strategy*. Menggerakkan semua lapisan masyarakat supaya bersama-sama. Jangan kita letakkan tanggungjawab untuk penguatkuasaan ini kepada satu agensi saja.

Saya minta kementerian yang berkaitan untuk menggerakkan semua agensi supaya berganding bahu, baik RELA nya, JKK Kampungnya, NGO lainnya supaya bersama-sama menjadi agensi dan mata telinga kerajaan untuk membuat apa juga laporan. Adukan kepada pihak berkuasa...

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Yang Berhormat Lenggong, minta laluan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: ...Dan ambil segera tindakan supaya rakyat dibela. Ini supaya pengguna di peringkat bawahan ini dilindungi dan saya percaya perkara ini kalau dapat kita lakukan, ia memberi kebaikan kepada kita semua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lenggong, masa sudah habis.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Satu lagi Tuan Yang di-Pertua saya harap, sikit saja boleh. Saya hendak ambil kesempatan ini, hendak bawa juga isu-isu rakyat dalam kawasan saya. Tak dan tadi sebab ramai yang ganggu. Saya minta kementerian supaya memberi dan melaksanakan beberapa perkara yang penting untuk rakyat di kawasan saya. Pertamanya Yang Berhormat Menteri, isu banjir belum lagi selesai,

dua perkara. Satunya ialah jambatan di Kampung Sawa yang putus, perlu diperbaiki segera. Saya minta kementerian yang berkaitan, sama sekali Majlis Keselamatan Negara, lawatan Yang Berhormat Menteri telah dibuat, saya minta disegerakan pembinaan jambatan Kampung Sawa.

Kemudian pembinaan benteng yang bahaya kesan daripada banjir yang jika runtuh ia menyebabkan lebih daripada 30 buah rumah mungkin binasa dan segera perlu dibuat. Saya juga minta supaya kementerian berkaitan untuk menaik taraf Kolej Kemahiran Tinggi Mara yang ada di Lenggong, yang hanya akan mula buat pengambilan pada Julai ini. Kapasiti kolej tersebut boleh menempatkan 1,850 pelajar, tapi hanya akan mula mengambil 60 orang sahaja. Jadi asrama pun besar, 60 orang sahaja masuk, ia memang tidak ekonomik.

Oleh sebab itu saya minta, cadangan sudah ada oleh Universiti Teknologi Malaysia untuk mengadakan program kolaborasi. Jadi saya harap MARA mempertimbangkan cadangan daripada Universiti Teknologi Malaysia untuk menjalinkan program bersama supaya Kolej Pengajian Tinggi MARA ini dimanfaatkan penggunaannya secara maksimum.

Selain daripada itu saya minta supaya oleh kerana beberapa perkembangan akan berlaku di kawasan saya, saya minta supaya… Fasal apa hendak balik Yang Berhormat Seputeh? Pusat Kesihatan dan Wad Bersalin Lenggong ini dinaik taraf. Hari ini hanya ada wad bersalin, saya minta ditingkatkan, ada katil, mudahkan rawatan-rawatan pesakit. Tidak payah hantar ke Gerik, ataupun Kuala Kangsar atau Taiping. Pesakit-pesakit boleh dirawat di Pusat Kesihatan dan Wad Bersalin Lenggong ini.

Begitu juga saya minta Yang Berhormat Menteri untuk segerakan pembinaan Kedai Rakyat 1Malaysia yang telah pun dilawati dan telah pun dibuat perincian oleh kementerian dan agensi dan berkaitan. Terima kasih, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Bukit Bendera.

12.24 tgh.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini. Menurut hebahan Yang Berhormat Menteri Pendidikan II, sistem pendidikan negara kita merupakan sistem pendidikan yang bukan sekadar *world class* ataupun bertaraf dunia, malah setanding negara-negara maju seperti United Kingdom, Jerman, Australia dan sebagainya. Meskipun Yang Berhormat Menteri kita berpendapat bahawa kualiti pendidikan kita sudah mencapai tahap yang begitu tinggi, saya tetap ingin membangkitkan beberapa perkara yang saya rasa harus diberi perhatian yang mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya Malaysia bertaraf dunia dalam beberapa bidang, umpamanya dalam sukan badminton, skuasy di mana dua anak negeri Pulau Pinang kini mendominasi lawan mereka di peringkat antarabangsa. Sesungguhnya tidak ada siapa-siapa yang menafikan kehebatan Datuk Lee Chong Wei dan juga Datuk Nicol David. Namun kita juga jaguh dalam beberapa perkara yang tidak membanggakan seperti *index capitalism crony* yang diterbitkan pada tahun lepas oleh majalah ekonomi terkemuka iaitu *The Economist* di mana dalam senarai negara-negara yang paling menggalakkan bagi ahli-ahli perniagaan yang mempunyai kabel politik, Malaysia berada di tangga ketiga dunia.

Dalam laporan terbaru pula oleh badan pemerhati kewangan *Global Financial Integrity* yang berpangkalan di Washington, Malaysia menduduki tangga kelima di dunia bagi pengaliran keluar wang haram, memang bertaraf dunia. Ada seperkara lagi di mana Malaysia kuat bersaing di peringkat antarabangsa iaitu dalam bidang cetak rompak. Menurut laporan terbaru oleh Badan Anti Cetak Rompak Antarabangsa, Business Software Alliance ataupun BSA, 78% pengguna komputer di Malaysia mengakui bahawa mereka pernah menggunakan perisian cetak rompak.

Laporan yang sama juga menganggarkan nilai komersial perisian cetak rompak yang sedang digunakan di Malaysia adalah sebanyak RM2 bilion setahun. Hakikat ini menunjukkan bahawa penggunaan hasil karya orang lain tanpa kebenaran atau secara haram sudah menjadi kelumrahan dalam kalangan masyarakat kita. Malangnya kecenderungan terhadap cetak rompak ini sudah menyerapi kepada Kementerian

Pendidikan. Terbaru ada aduan yang telah dibuat oleh penulis tempatan, Chua Kok Yee yang mendakwa bahawa tiga buah cerpennya yang bertajuk *Embracing Your Shadow, Thieving Daughter* dan *Sambal Without Anchovies* telah dipilih sebagai bahan pembacaan wajib bagi mata pelajaran Sastera Bahasa Inggeris SPM.

Namun demikian, cerpen-cerpen tersebut telah dicetak, diedar dan dijual tanpa sebarang perjanjian royalti dan tanpa kebenaran daripada penulis atau penerbitnya iaitu *Silverfish Books.* Ekoran daripada pendedahan Chua, dua penulis lain telah membuat tuduhan yang serupa terhadap Kementerian Pendidikan. Kee Thuan Chye, seorang seniman tempatan telah mendakwa bahawa puisi beliau telah digunakan tanpa kebenaran manakala penulis Amerika Syarikat *Robert Raymer* juga menyatakan bahawa cerpennya yang bertajuk *Neighbours* telah digunakan dalam sukatan pelajaran sastera Bahasa Inggeris SPM dari tahun 2008 sehingga tahun 2015 tanpa sebarang bayaran royalti.

Pada masa yang sama, seorang lagi penulis tempatan Uthaya Sankar SB turut mengutarakan dakwaan bahawa cetak rompak karya penulis ini juga berlaku dalam mata pelajaran sastera Bahasa Melayu, bukan sekadar sastera *English*. Oleh itu saya pohon kementerian menjawab tuduhan-tuduhan ini, sekiranya benar ia sangat memalukan. Sementara kempen anti cetak rompak giat dijalankan, nampaknya kerajaan sendiri tidak menghormati hak milik ataupun hak cipta dan hak milik intelektual penulis. Tidak ada bezanya dengan pencetak rompak yang menjual DVD di pasar malam.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih pula kepada isu Pentaksiran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Bahasa Inggeris *Higher Order Thinking Skills.* Tujuan format baru ini, format pembelajaran dan pentaksiran baru ini diperkenalkan adalah untuk memupuk kemahiran, penganalisaan, penilaian dan sintesis ataupun penjana ilmu baru. Cara pembelajaran KBAT ini memerlukan perkaedahan ataupun metodologi, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah yang berbeza daripada konsep sedia ada yang berteraskan lebih kepada penghafalan dan sebagainya.

Saya difahamkan bahawa Pentaksiran KBAT ini sepatutnya diperkenalkan kepada calon-calon SPM mulai tahun 2017. Ini kerana masa diperlukan untuk memastikan guru cukup bersedia, dilatih dan agar murid juga dapat mengikut perkaedahan baru ini. Namun begitu, entah bagaimana 30% hingga 40% daripada soalan SPM tahun lepas telah menggunakan format KBAT.

■1230

Ini menimbulkan masalah kerana murid dan guru belum lagi didedahkan kepada kaedah baru ini malahan pemeriksa juga belum dilatih. Tambahan lagi buku teks yang mengandungi format baru ini KBAT juga belum sempat dikeluarkan susulan pelaksanaan secara tiba-tiba tiga tahun sebelum ia sepatutnya diperkenalkan. Akibatnya murid tidak pasti bagaimana untuk menjawab, guru tidak pasti bagaimana untuk mengajar dan pemeriksa tidak pasti bagaimana untuk mentaksir.

Justeru, adalah tidak menghairankan bahawa prestasi SPM tahun lepas SPM 2014 telah menurun dengan hanya 11,289 calon atau 2.6% yang berjaya mendapat gred A dalam semua mata pelajaran berbanding 13,970 orang pada tahun 2013. Jadi soalannya mengapakah Lembaga Peperiksaan bertindak dengan begitu tidak konsisten walaupun pentaksiran KBAT adalah usaha yang baik. Kita memang menggalakkan usaha untuk berfikir aras tinggi tetapi tidakkah patut ia dilakukan dengan lebih teratur dan bukan secara tiba-tiba tanpa persediaan awal.

Masalah ketidaktentuan ini tidak terhad kepada KBAT. Menurut pekeliling dari Lembaga Peperiksaan, Ujian Amali SPM bagi mata pelajaran Sains seperti Fizik, Kimia, Biologi dan Sains Tambahan sepatutnya dilaksanakan pada tahun ini. Tahun ini sepatutnya SPM mula ujian amali bagi mata pelajaran Sains. Pun begitu dan akibat daripada itu sudah banyak sekolah yang mula mengajar murid untuk menghadapi Ujian Amali Sains sementara ada pula sekolah yang tidak mempunyai peralatan yang mencukupi, perkakasan makmal yang mencukupi dan sebagainya. Ada juga sekolah yang terpaksa mengumpul dana secara sendiri untuk membiayai makmal Sains mereka.

Terbaru, surat siaran Lembaga Peperiksaan bertarikh 20 Mac tahun ini memaklumkan bahawa Peperiksaan Pusat Amali Sains bagi Fizik, Kimia, Biologi dan Sains Tambahan SPM akan ditangguhkan sehingga tahun depan 2016. Sekali lagi berlaku *flip-flop* tidak konsisten. Sepatutnya kementerian harus memastikan sebelum melaksanakan apa-apa format baru, ujian baru dan sebagainya, sekolah harus dilengkapi dengan peralatan yang sewajarnya. Guru seharusnya dilatih bagaimana untuk mengajar dan murid juga harus diajar bagaimana untuk menghadapi format baru ini.

Jelas Tuan Yang di-Pertua, terlalu banyak ketidaktentuan yang berlaku dalam sistem pendidikan sehingga murid, guru dan pemeriksa sendiri menghadapi kekeliruan. Dasar pendidikan seharusnya konsisten dan bertujuan untuk membantu meningkatkan prestasi, produktiviti murid dan guru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Serdang bangun.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Tanya sedikit sahaja.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Ya Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Selepas ini Yang Berhormat Jasin.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Saya hendak tanya Yang Berhormat Bukit Bendera sama ada Yang Berhormat setuju bahawa isu ataupun masalah yang dibangkitkan bukan sahaja sesuatu yang melibatkan SPM sahaja tetapi juga telah menjadi satu masalah untuk PT3 yang menggantikan PMR tahun lepas. Terima kasih.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Ya terima kasih. Saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat Serdang dan saya harap kementerian dapat menjawab juga mengenai PT3 sama yang kita lihat, trend yang sama tidak konsisten secara tiba-tiba tanpa penyediaan awal.

Kita lihat dalam kes KBAT dan juga Ujian Amali Sains ini seperti mana dalam dasar-dasar terdahulu seperti PPSMI, PBS dan sebagainya, dasar lebih menambahkan beban dan kekeliruan kepada murid dan guru dan bukan membantu mereka. Jadi saya merayu kepada kementerian agar murid-murid kita tidak dijadikan tikus makmal. Sudah setengah generasi anak kita digadaikan melalui PPSMI. Jangan biarkan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ekoran pendedahan Ketua Audit Negara 2013 yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini pada tahun lepas, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) sudah memulakan penyiasatan terhadap Projek 1BestariNet yang bernilai RM4.1 bilion yang merangkumi pemasangan jalur lebar berkelajuan tinggi 4G yang merentasi semua 10,000 buah sekolah di seluruh negara serta penyediaan Pelantar Pembelajaran Maya, VLE ataupun *Virtual Learning Environment*.

Walaupun diuar-uarkan sebagai satu kejayaan besar yang mampu merubah sistem pendidikan negara kita, Laporan Ketua Audit Negara jelas menunjukkan bahawa projek ini menghadapi pelbagai masalah, penyelewengan terma kontrak, masalah pelaksanaan, perjanjian kontrak yang berat sebelah dan menguntungkan kontraktor VTL Communication Sendirian Berhad.

Jadi di sini saya ingin membangkitkan beberapa persoalan yang harus dijawab. Pertama sekali mengapakah Projek 1BestariNet dilaksanakan secara sekali gus, secara serentak di semua 10,000 buah sekolah di seluruh negara. Saya kira mana-mana perunding IT akan menasihatkan agar projek yang begitu besar yang berskala besar yang meliputi 10,000 tapak di setiap pelosok negara melibatkan berjuta-juta murid dan guru seharusnya dilaksanakan secara berperingkat. Jelas pelaksanaan projek ini adalah terlalu bercita-cita tinggi dan Laporan Ketua Audit telah pun membuktikan hakikat ini.

Kedua, apabila projek ini dicadangkan empat hingga lima tahun dahulu kementerian telah membuka tender untuk penyediaan internet jalur lebar berkelajuan tinggi untuk semua sekolah. 19 buah syarikat telah mengambil bahagian dalam tender tersebut iaitu termasuk syarikat-syarikat besar, syarikat yang ternama seperti Telekom Malaysia, TIME.com, Maxis, Celcom dan sebagainya.

Walaupun berhadapan dengan syarikat-syarikat yang mempunyai jaringan infrastruktur yang jauh lebih luas, YTL yang merupakan syarikat baru dan kecil pada waktu itu telah memenangi tender tersebut. Menurut laporan berita, YTL telah dianugerahkan projek tersebut berdasarkan penawaran komponen tambahan iaitu Pelantar Pembelajaran Maya atau VLE. Namun demikian, komponen ini sekarang ini mendatangkan kos tambahan berkala sebanyak RM250.5 juta untuk yuran pelesenan dan RM262.8 juta bagi kos pengurusan dan penyelenggaraan setiap dua setengah tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Bukit Bendera boleh gulung.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Ya hendak habis. Persoalannya adakah VLE ini termasuk dalam syarat tender asal dan jika tidak, tidakkah komponen tambahan ini

melanggari syarat tender? Pada masa yang sama Laporan Ketua Audit Negara juga menyatakan bahawa komponen VLE seharusnya dipisahkan daripada pemasangan jalur lebar. Apakah pandangan kementerian mengenai perkara ini.

Ketiga, saya ingin tahu sama ada kelemahan dan ketidakpatuhan terma-terma kontrak yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara sudah pun ditangani? Umpamanya sekolah yang tidak cukup dipasang dan juga kelajuan jalur lebar yang tidak memuaskan juga liputan yang tidak menyeluruh di semua sekolah. Jadi saya ingin tahu status perkara ini.

Keempat menurut Laporan Ketua Audit kadar penggunaan VLE ini adalah sangat rendah kurang daripada 1% murid menggunakan sistem tersebut walaupun beratus-ratus juta ringgit sudah pun dibelanjakan. Apakah perkara ini sudah ditangani? Kini sebenarnya saya menerima rungutan daripada guru bahawa mereka dipaksa untuk menggunakan sistem VLE ini agar statistik pendaftaran masuk dapat ditingkatkan.

Kelima, pemasangan menara pemancar 1BRIS atau pun 1BestariNet Receiver Integrated System juga menjadi satu pertikaian. Ini kerana perjanjian asal tidak menetapkan caj sewaan bagi penggunaan tanah sekolah untuk pemasangan menara pemancar tersebut. Walaupun menara tersebut digunakan untuk perkhidmatan komersial YTL YES 4G. Kemudian daripada itu, kementerian mengenakan sewa token sebanyak RM1000 setahun walaupun dari Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta 'syor' sewa adalah RM1200 sebulan. Saya menganggar bahawa kadar sewa murah ini mengakibatkan kerugian pendapatan sebanyak RM42.92 juta setahun bagi kementerian.

Tambahan kepada itu, akibat kecuaian kontrak caj utiliti bil api dan sebagainya bagi menara pemancar 1BRIS juga ditanggung oleh kementerian. Ini mengakibatkan kerugian saya rasa sehingga RM7 juta setahun. Apakah kementerian akan terus membayar subsidi untuk YTL? Ekoran pusingan pertama penyiasatan PAC tempoh hari, Pengerusi PAC iaitu Yang Berhormat Pulai sendiri menyatakan bahawa pelaksanaan Fasa Pertama 1BestariNet ternyata gagal. Beliau juga mempersoalkan sama ada projek ini harus diteruskan atau dikaji semula oleh kementerian.

■1240

Tuan Yang di-Pertua, bagi menyimpulkan perbahasan saya pada hari ini, dalam lawatan ke Jepun baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Menteri Pendidikan I telah dengan bangganya menggelar sistem pendidikan negara kita sebagai satu *role model* ataupun contoh yang baik kepada negara-negara lain. Ini kerana menurut beliau, sistem pendidikan negara kita telah menghasilkan ramai intelektual dalam semua bidang, doktor, jurutera dan sebagainya dan kerana itu Malaysia sudah hampir menjadi negara maju. Saya tidak menafikan bahawa negara kita telah mengalami pembangunan yang pesat sejak zaman merdeka. Daripada sebuah negara berpendapatan rendah, kita sudah menjadi sebuah negara berpendapatan sederhana. Namun begitu, kita seolah-olah sudah menemui jalan buntu daripada segi pembangunan.

Menurut Bank Dunia, negara kita kini terjerat dalam perangkap pendapatan sederhana, *middle income track*. Ini bermaksud bahawa walaupun negara kita mencatat pertumbuhan setiap tahun, ia tidak mencukupi untuk mengejar ekonomi-ekonomi maju dan sementara itu negara lain seperti Korea Selatan, Taiwan, Singapura yang dahulu mempunyai GDP per kapita yang lebih rendah daripada kita sudah mencapai taraf negara berpendapatan tinggi. Sekiranya kita ingin memajukan negara kita, saya kira kita harus terlebih dahulu mengakui kelemahan kita dan jangan terlalu bangga dengan apa-apa yang kita telah capai seolah-olah kita sudah *world class* walaupun belum.

Kita perlu akur bahawa sistem pendidikan kita mempunyai kelemahan dan tidak sebaik apa yang sepatutnya dan selagi kita tidak memahami keperluan sebenar. Selagi kita tidak mengutamakan pelaburan atas perkara yang sepatutnya dan selagi kita tidak terus menggubal dasar atas kepentingan guru dan murid dan bukan berasaskan kepentingan politik, selagi itulah negara kita akan kekal dalam keadaan sekarang. Setakat itu sahaja ucapan saya, harap mendapat penjelasan daripada kerajaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Sila Yang Berhormat Jasin.

12.42 tgh.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua beri saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya belanjawan tambahan sebanyak RM2.2 ini adalah untuk memenuhi apa juga perbelanjaan tambahan yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan tahun 2014 iaitu dalam Akta 1458. Jadi, saya bangun untuk memberikan sokongan kepada pihak kerajaan supaya Akta Perbelanjaan Tambahan ini diberikan sokongan.

Pertamanya, atas satu sebab sebelum ini kita telah meluluskan satu peruntukan tambahan yang pertama iaitu mengurus sebanyak RM4.6 bilion yang meliputi tanggungan sebanyak RM500 juta dan bekalan sebanyak RM4.1 juta. Sekarang, kita diminta untuk membuatkan sokongan bagi tambahan kedua peruntukan mengurus yang meliputi sebanyak RM3.972 bilion yang meliputi tanggungan sebanyak RM1.7 bilion dan bekalan sebanyak RM2.2 bilion. Sebelum ini dalam permohonan tambahan pertama, kita telah mohon peruntukan tambahan sebanyak RM1.9 bilion.

Sebahagian besar daripada tambahan kedua peruntukan mengurus ini iaitu sebanyak RM1.75 bilion ataupun 4.4% daripada RM4 bilion ini adalah untuk membayar faedah persaraan. Selain daripada itu, tiga kementerian dan agensi-agensi yang lain juga mendapat peruntukan tambahan yang terbesar iaitu Kementerian Pendidikan, JPA dan juga Kementerian Kesihatan. Daripada segi tambahan pertama peruntukan pembangunan pula, hampir semua yang diberikan kepada tiga buah kementerian iaitu Kementerian Kerja Raya, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga Kementerian Pertahanan.

Jadi, setelah saya mengambil kira tambahan pertama dan kedua ini yang sebenarnya berjumlah sebanyak RM10.5 bilion, tambahan yang pertama sebanyak RM4.6 bilion, tambahan yang kedua sebanyak RM4 bilion dan tambahan pembangunan sebanyak RM1.9 bilion yang berjumlah sebanyak RM10.5 bilion atau tambahan sebanyak 4%.

Maka perkara pokok yang patutnya kita bincangkan di sini adalah mendapatkan maklumat dan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri iaitu mengenai gambaran makro terkini tahun 2014 khasnya yang menyentuh yang pertamanya, tentang jumlah kutipan hasil kita. Selepas itu, kita minta kalau boleh apakah perbelanjaan sebenar kita dan ketiganya, kita mahu dapat maklum tentang nilai KDNK ataupun GDP kita kerana ianya ada hubung kait dengan kedudukan perkara satu tadi, hasil dan juga perbelanjaan. Dalam masa yang sama juga kita nak tahu tentang akaun semasa, hutang negara, lepas itu defisit fiskal dan juga kadar servis kita, keupayaan untuk kita membayar semula.

Perkara ini penting Tuan Yang di-Pertua kerana sebelum ini kita telah dimaklumkan bahawa *current account surplus* kita hanya sebanyak RM4 bilion sahaja sedangkan peruntukan tambahan pertama sebanyak RM4.6 bilion dicampurkan pula dengan peruntukan tambahan kedua sebanyak RM4 bilion. Di situ sahaja sudah berjumlah sebanyak RM8.6 bilion. Kalau kita tolakkan dengan akaun surplus kita RM4 bilion, kita masih lagi tergantung RM4 bilion. Adakah tambahan hasil ini tidak mengambil kira lagi tentang peruntukan tambahan yang kita mohon tambahan pembangunan sebanyak RM1.9 bilion itu. Seterusnya, sekiranya jumlah kutipan hasil dan nilai GDP turut meningkat lebih daripada 4% saya sebut di awal tadi, selaras dengan kenaikan perbelanjaan maka tak ada perlulah kita bising-bising.

Sebenarnya peruntukan tambahan ini adalah sebenarnya perkara biasa sahaja dan janganlah hendaknya pembangkang memukul canang di keliling kampung. Tempat saya pun dia datang, Tuan Yang di-Pertua, bercakap pasal hutang negara, bercakap pasal perbelanjaan kita, bercakap pasal hasil. Dia sendiri pun tak faham, yang bercakap itu. Jadi sebenarnya kita ada mempunyai kemampuan dan keadaan kewangan kita berada dalam keadaan yang cukup baik sekali.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat-Yang Berhormat jangan bercakap begitu. Kalau nak tanya, boleh. Saya benarkan. Seterusnya, saya ingin memberikan perhatian kepada tuntutan tambahan tertentu.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Pencelahan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Kuala Nerus bangun.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Ya, sila.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Saya tertarik dengan kata-kata Yang Berhormat Jasin tadi, *"Ekonomi dalam keadaan yang baik".* Kalau begitu, kenapa diperlukan GST? Itu persoalan dan hutang yang kita timbulkan sampai hari ini ialah isu tunggakan hutang yang begitu banyak terutamanya dalam era 2008 sehingga sekarang. Tunggakan hutang yang sekali ganda oleh jumlah hutang yang sebelum ini. Itu persoalan kita bahaskan di sini. Minta pandangan Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih sahabat saya. Dalam sesebuah negara, untuk kita menilai yang pertamanya kita kena sebenarnya cakap secara dewasa. Pertama, kita lihat berapakah hasil sebuah negara. Selepas itu kita lihat berapa perbelanjaan dia, adakah dia berbelanja setakat yang dia mampu? Selepas itu kita tengok hutang, kenapa kita berhutang? Kita berhutang bukan untuk main-main Yang Berhormat. Berhutang kerana untuk tujuan pembangunan dan pembangunan tersebut boleh menjana pendapatan untuk terus membina negara. Ketiganya kita tengok apa kemampuan kita.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Daripada mana kita boleh bayar hutang kita lepas itu kita tengok rizab kita pula. Barulah kita tengok daripada defisit fiskal kita. Saya minta maaf, kalau saya bagi... saya patuh kepada masa. Saya tak mahu kalau boleh saya melanggar peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ada dua yang bangun.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya nak tanya. Tadi kata boleh tanya.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tak payah, terima kasih banyaklah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Eh! Baru sahaja tadi kata boleh tanya.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, saya dah sebut.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tadi kata boleh tanya, saya bangun nak tanya tak boleh pula.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Ini Yang Berhormat Shah Alam tak reti bahasa. Okey, saya bagi satu peluanglah.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Jasin.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang tak faham bahasa, orang yang cakap tadi itu. Tadi kata boleh tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Jasin dah benarkan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya nak tanya. Tadi saya dengar dengan begitu teliti Yang Berhormat Jasin sebut kita tengok pendapatan kita banyak mana, perbelanjaan kita banyak mana. Hakikatnya tiap-tiap tahun dan masuk 16 tahun, perbelanjaan kita mengatasi pendapatan kita dan bagaimana kita nak kata bahawa kita mengurus kewangan itu dengan baik sedangkan setiap tahun, 16 tahun berturut-turut perbelanjaan kita mengatasi pendapatan kita. Ya betul kita belum bankrap, takkan nak tunggu sampai bankrap baru nak cakap dah rosak. Daripada awal, bila kita nampak tiap-tiap tahun hutang negara meningkat, meningkat! Macam mana kita boleh kata ia satu pengurusan yang baik?

■1250

Apabila ianya berlaku, betullah kita boleh bayar balik, kita ambil lagi cukai daripada rakyat, kita menyusahkan lagi rakyat. Saya hendak beritahu pada Yang Berhormat Jasin, saya baru keluar dari lokap, saya hendak cerita pada Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Cukuplah, cukuplah, terima kasihlah.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Dia nak masuk lokap balik 'kot'.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada masa yang banyak. Cukuplah itu, cukup.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Bila saya berada di dalam lokap, pegawai polis cakap sekarang ini ramai pemuda-pemuda...

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Itu sebab saya kata masa tadi.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Melayu sudah terlibat dalam jenayah. Kerana apa? Kerana... *[Disampuk]*

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasihlah Yang Berhormat Shah Alam, terima kasihlah, terima kasih, terima kasih.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Takkan hendak tunggu bankrap baru hendak bantah!

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam, terima kasih.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sabarlah, sabar, sabar.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, pada minggu lepas kita telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa sebelum itu Kementerian Kewangan telah mengeluarkan *press release* bertarikh 12 Mac. Orang bercakap tentang hutang, kementerian telah terangkan secara sebenar kedudukan hutang kita. Untuk maklumat, dalam sebut...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Bertambah ataupun kurang?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasihlah, terima kasih.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Bertambah ataupun kurang?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Saya sebut tadi hasil yang pertama, kedua tentang perbelanjaan, dan ketiganya hutang. Kenapa kita berhutang? Kita berhutang untuk tujuan pembangunan, bukan untuk tujuan membayar gaji, untuk *consumption* tetapi untuk pembangunan yang boleh menjana pendapatan.

Untuk maklumat, apabila kita defisit pada tahun 2013, unjuran kita sebanyak defisit empat peratus. Baru kita telah dimaklumkan bahawa defisit sebenar kita hanya 3.9 peratus sahaja. Akan tetapi kita hendak tanya Menteri, sekarang kalau kita tuntut tahun 2014 unjuran kita defisit sebanyak 3.5 peratus, kita sekarang belum umumkan lagi *final account* kita, jadi kita hendak tahu apa sebenarnya kedudukan defisit kita? Adakah berkurangan ataupun melebih?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jasin. Ada dua perkara. Pertamanya fasal hutang tadi. Dia hutang ini sebenarnya tidak salah. Sebab apa? Kita kalau kita mampu membayar bulan-bulan, maknanya kita boleh berhutang. Kalau berhutang itu salah, macam mana orang hendak beli rumah? Orang beli rumah pun bayar hutang bulan-bulan, bertahun-tahun. Macam mana orang beli kereta, dan macam-macam lagi. Jadi berhutang itu sendiri tidak salah. Kalau berhutang kita boleh bayar tiap-tiap bulan dengan gaji kita dengan pendapatan sesebuah negara umpamanya, teruskanlah berhutang, tidak apa. Tidak apa untuk pembangunan. Itu yang pertama.

Kedua, ini cerita GST ini bukan fasal hendak bayar hutang sahaja.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Hendak tambah pendapatan.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Cerita GST ini lebih besar lagi.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Hendak tambah pendapatan ambil daripada rakyat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Cerita GST ini, 160 negara sudah buat dan berjaya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Cukai daripada rakyat fasal sudah tidak boleh urus hutang negara.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ingat dia orang bodohkah?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Beban pada rakyat lagi!

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Dia orang bodoh hendak percaya? Ada negara yang lebih miskin juga berjaya tidak pernah jadi huru-hara. Jadi GST ini melebarkan pendapatan negara dan akan digunakan untuk kebajikan rakyat. Kesihatan, pendidikan, jalan raya...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Macam mana hendak kata kebajikan rakyat, menyusahkan rakyat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Bukan fasal hutang sahaja.
Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ambil lagi daripada rakyat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Kalau fasal hutang sahaja tidak betullah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Inilah masalah dia.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tidak betul!

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Inilah masalahnya!

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Bahagian mana...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tun Dr. Mahathir sudah kata lupakan GST.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Bahagian mana yang kena cukai?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tengku Razaleigh...

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Mana rakyat miskin kena cukai?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Gua Musang sudah kata lupakan GST, bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin sudah kata lupakan GST.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Mana ada rakyat miskin kena cukai. Mana ada rakyat miskin kena cukai.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Masih hendak pertahankan! Cukuplah! Jangan *"tegakkan benang yang basah"!* Satu dunia sudah tahu.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat gelagat masing-masing Tuan Yang di-Pertua, untuk menegakkan benang yang basah kerana inilah yang dibuat pada ketika ini. Mereka membuat secara bersepadu supaya dapat menanamkan sifat kebencian rakyat kepada kerajaan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kalau berani, buat debat yang...

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Kerajaan telah memberikan bantuan. Tengok sahaja macam sekarang. Kita mesti berjaya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Jasin.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ketua Imigresen menyanyi GST, GST, tidak payahlah!

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Jasin.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Buat debat, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, bahasa mengenalkan bangsa.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Biar rakyat dengar!

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Bahasa mengenalkan bangsa.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Cakap seorang beranilah!

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Jasin hendak bagi?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Kita berharap kita lebih...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Buat satu forum!

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tidak payah forum sebab GST ini...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Bila ini tak dibuat, kita terpaksa buat demonstrasilah. Bila tidak beri kita *speech*, terpaksa buat demonstrasilah. Betul tidak?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Inilah penyakitnya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Jasin, hutang negara, hutang negara.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tidak payah lagilah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kita hendak bantah GST, apa saluran kita? Dalam TV tidak boleh keluar.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Saya tidak akan bagi ruang lagi kerana saya menghormati masa. Saya orang yang patuh kepada undang-undang, bukan macam kawan-kawan kita...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Jasin, saya minta izin.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: ...Yang suka melanggar undang-undang.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua pun sudah sejuk-sejuk sudah. Dia tengok gelagat Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Yang terbesar adalah tambahan sebanyak RM1.35 bilion...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, saya ikut peraturan.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: ...Untuk menampung bayaran faedah persaraan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Kapar bangun boleh tidak? Yang Berhormat Kapar.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Saya takut Tuan Yang di-Pertua, kerana mereka ini... Okey, saya bagi.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya ada baca bahawa hutang negara adalah RM263 bilion lebih kurang lima atau enam tahun lepas. Selepas Yang Berhormat Pekan menjadi Perdana Menteri, ia melambung menjadi RM740 bilion. *So* ini adalah hutang

negara sekarang. Statistik ini terbukti. *So* macam mana Yang Berhormat Jasin tadi mengatakan bahawa pengurusan kita terbaik? Minta penjelasan.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Kapar, makna jauh daripada...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Jasin, boleh mencelah Yang Berhormat Jasin?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Ya, ya.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hutang ini sebenarnya tidak semestinya tidak baik. Kalau hutang ini naik RM700 juta sebab tidak *refund IMF* yang berbeza, yang hanya dua peratus sahaja hutang luar negara lebihnya hutang dalam negara, kita tengok *manage prudent*kah tidak *prudent,* dengan izin.

Keduanya, pertambahan ekonomi, saiz ekonomi kita berkembang dengan pesat. Bila besar, sebab itu hutang ini yang baik ini kena besar. Contohnya kita melabur banyak dalam MRT contohnya, kita melabur dalam pembangunan. Jadi hutang ini kita kena tengok dari sudut yang berbeza. Tidak semuanya tidak baik kecuali kita tidak *manage* dengan baik. Saya ada contoh satu lagi... *[Disampuk]* Sabarlah dahulu. Sebanyak 86% *household income* contoh hutang, 40% adalah untuk hutang rumah, beli perumahan, 20% untuk beli saham ataupun instrumen-instrumen berkaitan dengan pelaburan, 20% lagi untuk *consumption* dan hanya beberapa peratus sahaja yang kita anggap hutang ini bersifat *consumption* yang agak minimum. Jadi jangan kita pukul rata bahawa hutang ini tidak baik.

Kita tengok contohnya sejak – tadi Yang Berhormat Bukit Bendera ada kata kita kita ETP ini hendak besarkan ekonomi. Bila besarkan ekonomi, kita buat perbelanjaan yang mapan untuk membesarkan ekonomi daripada segi ETP dan sebagainya termasuk hutang-hutang yang baik. Kita lihat contohnya kutipan cukai. Setiap tahun berganda. RM70 bilion naik RM90 bilion, RM130 bilion. Ini ada *correlation* kaitan dengan hutang yang besar tetapi hutang ini mapan. Selalunya negara kita mempunyai *track record* yang baik bayar hutang, dari dahulu tidak ada masalah, tidak ada *default.*

Jadi saya ingat ini main sentimen untuk mengelabukan rakyat bahawa kononnyalah hutang ini tidak baik. Saya ingat hutang Yang Berhormat Batu pun sudah bertambah dari dahulu hingga sekarang. Mungkin dahulu kalau RM500 ribu mungkin dah jadi RM1 juta.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Mungkin ia boleh jadi satu hutang yang tidak baik...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Jadi jangan kita kata hutang tidak baik. Hutang ini untuk membangun, hutang pelaburan, hutang bersifat *investment,* bukan *consumption.* Jadi jangan dikelirukan dengan sifat-sifat sentimen kononnya mengelirukan rakyat.

Tadi Yang Berhormat Shah Alam kata ambil hutang daripada rakyat. Sebenarnya kita kerajaan sudah buat cara yang baik untuk mengurangkan beban rakyat. Akan tetapi hutang-hutang ini diambil daripada mereka yang bayar cukai bayar meniaga. Kita lihat perkembangan ekonomi, cukai tambah, sebab apa? Perniagaan bertambah baik. Mereka lebih untung.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Okey, faham, faham.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Jadi saya tengok Yang Berhormat Jasin...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Kota Tinggi.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Jasin, saya hendak tanya...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Jasin, satu *line* sahaja.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Apakah konotasi yang dapat sebenarnya diputar belit oleh pembangkang...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Barang lain naik tidak?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Komen Yang Berhormat Jasin.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: ...Semata-mata untuk mengelirukan rakyat. Apa pandangan Yang Berhormat Jasin?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kota Tinggi.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Jasin, satu *line* sahaja. Apakah hutang 1MDB itu...

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Sebenarnya itulah yang...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: ...Hutang baik atau hutang tidak baik?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Hanya kerja mereka pada ketika ini mengelirukan masyarakat untuk menanamkan sifat kebencian. Sebenarnya apa yang kita buat pada ketika ini telah cukup terbaik sekali. Kewangan kita telah diakui berada dalam keadaan yang cukup kukuh pada ketika ini.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *What about the rating, the rating* yang dah menurun?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Bukan sahaja kita berkeupayaan...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Jasin. Spesifik.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tidak payah lagilah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kita berhutang untuk bayar hutang!

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih. Sebenarnya...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kita hutang untuk bayar hutang!

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Sebenarnya...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Jumlah kita hutang lebih daripada jumlah kita bayar...

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Kementerian Kewangan pada 11 hari bulan telah menceritakan perkara yang sebenar.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Hutang 1MDB itu hutang baik atau tidak baik?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, tengoklah orang macam ini yang bercakap tentang keadilan dan tidak tahu menghormati undang-undang. Dalam Dewan pun kita tengok perangai mereka. Saya bercakap sekurang-kurangnya mintalah kebenaran dahulu.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Jasin, saya sudah tunggu lama minta kebenaran.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Saya sudah bagi banyak kali sudahlah, tiga empat kali. Jangan macam itu. Kalau kita kata kita hendakkan kebenaran, di sini kita tunjukkan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Laluan, laluan.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya minta laluan.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Kalau kita cakap nanti marah tetapi kita orang-orang yang sentiasa menghormati undang-undang, patuh kepada undang-undang. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Jasin...

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Sejak Yang Berhormat Pekan jadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Jasin, satu *line* sahaja.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: ...Sebelum ini defisit kita berada pada enam peratus. Duduk, duduk, Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Bagi laluan. Satu *line* sahaja. Saya hendak tahu sama ada...

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Enam peratus tetapi kita telah berjaya menurunkan. Yang Berhormat Batu, undang-undang Yang Berhormat Batu, undang-undang. Cukuplah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Hutang 1MDB itu hutang baik atau hutang yang tidak baik?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Saya sedang bercakap, saya bercakap.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Beleh dapat pandangan?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tak ada masa lagi sudah. Tak ada masa, duduklah.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Itu undang-undang, undang-undang, duduklah!

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya hendak dapatkan pandangan daripada Yang Berhormat Jasin, apa pandangan hutang 1MDB?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Saya kata undang-undang, peraturan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Itu hutang yang bawa faedah atau tidak? Manfaatkan negara atau tidak?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, macam ini...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Itu hutang akal yang tidak boleh dikawal!

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Bercakap tentang hutang tadi, Yang Berhormat Kota Tinggi sebut tadi, sebenarnya saya sudah sebut tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Jasin boleh sambung 2.30?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Yang Berhormat...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Jam 2.30 petang saya boleh mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Yang Berhormat, kita tangguhkan sehingga jam 2.30 petang. Yang Berhormat Jasin lima minit lagi.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya jemput Yang Berhormat Jasin.

2.32 ptg.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua bagi saya peluang lagi untuk sambung perbahasan saya yang tadi. Saya dapat satu angka. Banyak tadi yang dibincangkan. Kita tengok kejayaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam mengemudi kewangan kita pada ketika ini. Pada tahun 2009, *GDP growth* kita hanya berada pada tahap USD240 bilion sahaja tetapi sekarang telah melonjak sebanyak USD3

12 bilion. Maknanya satu lonjakan sebanyak 35.6%. Di sinilah sebenarnya kita menggambarkan kejayaan kita bukan sahaja dapat merekodkan pencapaian dan peningkatan GDP bahkan kita dapat lihat bahawa defisit kita satu ketika dulu 6% tetapi pada 2013, *final account* kita mencatat sebanyak 3.9% walaupun unjuran kita pada 4%. Pada tahun 2014, unjuran kita adalah pada tahap 3.5% dan pada tahun 2015 nanti, kita punya unjuran adalah sebanyak 3.2%.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung perbahasan saya. Seterusnya, kita dapati daripada peruntukan tambahan ini yang terbesarnya ialah tambahan sebanyak RM1.75 bilion untuk menampung bayaran faedah persaraan kepada pesara-pesara kerajaan. Semasa kita membentangkan bajet tambahan yang lepas, kita luluskan sebanyak RM500 juta untuk dipohon diluluskan bagi tujuan yang sama. Lantaran nilai kedua-duanya adalah sebanyak RM2.25 bilion atau 21%. Jadi saya mohon kepada pihak kerajaan supaya dapat memberikan penerangan tentang apakah sebenarnya punca yang mendorong kepada permohonan tambahan yang besar ini. Adakah ia disebabkan oleh kelemahan dalam kita membuat anggaran awal dulu?

Ini kerana Tuan Yang di-Pertua setahu saya bilangan pegawai-pegawai kerajaan yang akan bersara wajib diketahui lebih awal berdasarkan umur dan pilihan persaraan masing-masing kerana mereka yang ingin bersara atau *optional* perlu mengemukakan permohonan masing-masing enam bulan lebih awal. Mengapakah sekarang kita baru dapat maklum bahawa ada satu peningkatan yang cukup ketara sekali dan sepatutnya bajet tambahan kita tidak berapa besar.

Ini bermakna maklumat yang tidak lengkap kita peroleh dari awal lagi. Sekiranya ada kelemahan tersebut berpunca daripada kekurangan pengetahuan kita dan kepakaran dalam *science actuary*. Maka eloklah kalau boleh kita cadangkan supaya pihak JPA khasnya bahagian pencen di perkasa lagi dalam bidang ini.

Yang Berhormat Menteri juga diminta supaya memberikan butiran mengenai Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM287 juta yang diberikan kepada pesara-pesara oleh JPA. Jadi kita mahu dapat maklum kalau boleh apakah bentuk bantuan khas tersebut dan sebab-sebab pemberian yang kita berikan dan berapa ramaikah yang akan menerimanya? Tujuan utama saya meminta bantuan ini dan maklumat ini dibentangkan supaya kita dapat buktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah kerajaan yang cukup prihatin sekali.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengenai tambahan sebanyak RM428 juta yang diperlukan untuk menampung pembayaran emolumen kakitangan-kakitangan awam sedangkan kementerian lain tidak pun meminta apa-apa bantuan tambahan untuk tujuan ini iaitu pembayaran imbuhan tahunan dan bantuan khas kewangan. Jadi kita hendak tahu apakah sebabnya.

Seterusnya saya bersependapat dengan Yang Berhormat daripada Bukit Bendera tadi yang ada membangkitkan tentang pandangan daripada Pengerusi PAC yang menegaskan bahawa BestariNet ini wajar kita hentikan kerana banyak kelemahan dan tidak mencapai matlamatnya. Ini adalah pandangan daripada Pengerusi PAC. Jadi kita hendak tahu apakah sebenarnya kos yang telah ditanggung oleh pihak kementerian untuk melaksanakan sistem ini dan apakah usaha-usaha kerajaan ke arah meningkatkan lagi keberkesanan supaya liputan yang meluas *e-Learning* serta *internet connectivity* dengan izin di sekolah-sekolah terutamanya luar bandar. Perkara ini amat penting, Tuan Yang di-Pertua. Kita mahu kalau boleh mereka didedahkan. Janganlah hendaknya mereka diperdayakan dengan khabar-khabar yang buruk daripada mereka yang tidak bertanggungjawab. Menggambarkan satu benda yang tidak sepatutnya. Konon-kononnya menggambarkan bahawa kerajaan kita ini kerajaan yang zalim. Kerajaan yang tidak prihatin dan kerajaan yang tidak bertanggungjawab dalam menguruskan kewangan. Bahkan pihak-pihak luar, rating agensi memberikan kepujian. Sebab itu apabila kita memperkenalkan GST, ia adalah satu langkah yang paling baik sekali.

Saya turut memandang serius terhadap kualiti pelajar-pelajar sains keluaran sekolah-sekolah menengah kita kerana mereka ini tidak terdedah kepada latih amal sebab ketiadaan makmal. Lantas saya ingin mendapat maklumat daripada pihak kerajaan berapa buahkah sekolah menengah yang tidak mempunyai makmal dan tidak berfungsi dan perlukah sekolah-sekolah ini yang masih lagi memerlukan makmal dan bilakah makmal akan dibina serta berapakah jumlah kosnya.

Seterusnya saya pergi kepada Menteri Kesihatan untuk menerangkan berapa ramaikah pegawai-pegawai baru kita yang diambil dan jawatan serta gred masing-masing sehingga kita memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM201 juta.

Saya juga turut berminat untuk mengetahui dana-dana yang tidak ditadbirkan oleh MOSTI. Saya dengar cukup banyak dana-dana yang telah disediakan. Jadi kalau boleh tolong senaraikan dana-dana tersebut dan peruntukan yang disediakan oleh kerajaan dan berapa ramaikah usahawan-usahawan kita yang telah dapat dana tersebut dan amaun masing-masing yang mereka terima. Kalau boleh dengan DNA sekali. Ini kerana saya akui dan saya hormati kepakaran ahli-ahli panel yang memberikan kelulusan untuk mendapatkan bantuan dana-dana tersebut. Akan tetapi kita juga dapat maklum kerana di antara panel-panel tersebut, hanyalah di kalangan pegawai-pegawai kerajaan. Tidak ada usahawan dan mereka sebenarnya tidak ada sentuhan tentang keperluan dana tersebut dan mereka tidak memahami tentang apakah sebenarnya matlamat usahawan-usahawan untuk mendapatkan dana tersebut.

Saya telah dimaklumkan Tuan Yang di-Pertua, selalunya pertanyaan yang diajukan kepada pemohon-pemohon dia kata *what is your success story*, ini sebenarnya *start-up* orang yang bermula. Baru bermula mana ada *success story* Tuan Yang di-Pertua.

■1440

Jadi tidak patutlah, kalau boleh kerajaan dapat mengkaji semula keberkesanan yang terakhir Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sebut di sini kerana tadi saya banyak diganggu Tuan Yang di-Pertua tentang apabila kawan-kawan kita menyebutkan tentang hutang. Kita kena maklum Tuan Yang di-Pertua, dalam sesebuah negara kita kena pastikan apa hasil kita dan berapa belanja perbelanjaan kita.

Kalau tidak cukup perbelanjaan, baru kita berhutang maknanya hutang kita ada sebab dan tujuan asalnya mengikut untuk tujuan pembangunan. Akan tetapi, untuk tujuan mengurus kita dikehendaki seboleh-bolehnya, setiap tahun kita dapati tidak boleh melebihi apa juga hasil kerajaan. Hanya hutang kita untuk membangunkan negara, pembangunan-pembangunan yang dapat menjana pendapatan kerana saya terpanggil betul hendak terangkan kerana inilah perkara yang di keliling kampung datang, datang kampung-kampung buat ceramah Tuan Yang di-Pertua. Dia kata kerajaan kita berhutang, tidak berduit.

Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat Lumut bangun Yang Berhormat.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Lumut sila.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Jasin, kerajaan berhutang RM740 bilion sekarang ini. Tahun ini kita bayar setakat RM40 bilion sahaja jadi sampai bila kita hendak bayar hutang hendak selesai ini, boleh Yang Berhormat Jasin terangkan. Terima kasih.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih sahabat seperjuangan sayalah.

Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Sama-sama tentera Yang Berhormat.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Orang lama, orang lama yang banyak pengalaman dan juga jasa beliau. Sebab saya kata tadi, kalau kita semua baca kenyataan akhbar yang dibuat oleh Kementerian Kewangan tidak ada langsung tuduhan sebegini kerana RM740 lebih bilion duit yang hutang itu ada sebab dia dan siapa yang berhutang. Hutang ini ada beberapa elemen Tuan Yang di-Pertua.

Hutang yang pertama kita dalam negara iaitu hutang Kerajaan Persekutuan. Kita berhutang sebanyak 98% daripada hutang kita dalam negara. Jadi hutang luar negara pula iaitu disebut oleh sahabat saya itu, hutang sebanyak RM744.7 bilion itu tadi. Hutang

Kerajaan Persekutuan hanya sebanyak RM16.6 bilion sahaja iaitu merupakan sebanyak 2% sahaja. Selebihnya kita berhutang dalam negara RM580 bilion adalah dalam negara.

Jadi yang RM774 juta, biar saya terangkan kerana hutang ini yang pertama hutang luar negara siapa yang berhutang? Yang berhutang adalah sektor awam, sektor awam ada dua, yang pertama kerajaan, keduanya perusahaan awam seperti TNB, Telekom dan lain-lain. Yang keduanya adalah sektor swasta yang perbankan dan bukan perbankan, syarikat-syarikat berhutang tapi itu dikira sebagai hutang negara. Jadi jangan lah kita *spin*, jangan kita bohong, jangan kita perdayakan rakyat dan keliling kampung itu berceramah seolah-olah kerajaan kita ini adalah satu kerajaan yang korup yang tidak dapat bayar hutang. Kita dianggap sebagai *the best paymaster* dengan izin dan kita tidak pernah *default* tentang bayar hutang kita. Apa yang disebut oleh kawan saya tadi sahabat saya tadi adalah tidak tepat.

Jadi saya rasa sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, hanya satu perkara yang saya hendak jelaskan tentang GST Tuan Yang di-Pertua. GST ini adalah satu sistem percukaian yang cukup efisien. Walau apa pun kita hendak sebut dia lebih efisien. Bagi menggantikan cukai sedia ada yang banyak ketirisan, daripada situ kita dapat gambarkan kalau 169 buah negara dalam dunia ini, negara-negara maju telah pun mengguna pakai sistem ini mengapa kita tidak guna kerana kalau tidak guna *we are not competitive.* Jadi satu apa yang hendak disebut di sini Tuan Yang di-Pertua sistem percukaian kita GST ini yang diperkenalkan tidak membebankan rakyat. Itu sebab kita kena tengok betul-betul belajar dan baca. Janganlah hendak kita membuat satu persepsi dan sekarang kerajaan terpaksa mengurus persepsi yang cukup membuang masa yang cukup berharga.

Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat Gerik

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Saya hendak tanya pasal GST, di mana gambaran yang salah diberikan kepada masyarakat keseluruhan, sedangkan masa SST pada pandangan sayalah setiap rakyat telah bayar cukai, begitu juga bila GST setiap rakyat akan bayar cukai, pada pandangan Yang Berhormat Jasin kenapa sekumpulan orang cukup menentang GST adakah ada agenda yang tersirat menyebabkan hendak mengelirukan rakyat.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Gerik. Bagi saya itu terakhir Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya, saya anggap satu percubaan ataupun satu konspirasi, minta maaf saya sebut perkara ini, secara terancang oleh mereka tidak bertanggungjawab bagi menanamkan sifat kebencian kepada kerajaan. Benda ini tidak betul, dia *spin* dia cakap - Tuan Yang di-Pertua dalam Islam, Tuan Yang di-Pertua fitnah adalah dosa yang besar sekali lebih daripada membunuh, apa hukumnya sekarang kita hidup bergelumang dengan fitnah, pembohongan, kita malukan kerajaan kita sendiri. Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua ambil masa yang panjang. Terima kasih banyak-banyak, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat Batu.

2.46 ptg.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bermula dengan perbahasan ini dengan mengutip balik semula Perdana Menteri yang menjanjikan bahawa dalam bajet yang lalu untuk mengurangkan defisit, ada kita dengar banyak tentang transformasi salah satu cabang daripada transformasi ialah mengurangkan defisit dalam bajet dan kita diberitahu 2012 akan dikurangkan daripada 4.5% ke 4% pada 2013. Pada 2014 dikurangkan kepada 3.5%, dan saya ingin tahu apakah status sekarang dengan penambahan bajet yang pelbagai ini adakah kerajaan masih komited untuk mencapai *balance* bajet dengan izin pada tahun 2020 dan kita telah juga diingati oleh Perdana Menteri dan Menteri Kewangan bahawa kadar hutang ini tidak akan melebihi 55% daripada GDP.

Ini yang nampaknya jelas kita tidak menolak dengan pelbagai perbelanjaan untuk dibelanjakan untuk kakitangan kerajaan yang kebanyakan ini adalah emolumen yang saya sangka kenapa tidak boleh bajetkan dalam bajet yang lalu. Saya rasa rakyat amat kesal dalam keadaan ekonomi sekarang, kerajaan terpaksa berbeban dengan pelbagai tambahan perbelanjaan tapi saya ingin tahu *line item* untuk tahun lalu untuk pembelian jet baru yang diperolehi oleh Perdana Menteri.

Ini adalah satu maklumat kepada dewan ini. Ini adalah jet yang ketujuh. Kita bukan dapat jet yang pertama. Saya masih ingat mantan Perdana Menteri Tun Mahathir yang menyatakan sepanjang 22 tahun, beliau hanya mempunyai satu jet *Boeing* 737 yang diwaris daripada bekas Perdana Menteri dan beliau berkata kerana perbelanjaan untuk *maintenance* adalah dua juta setahun. Beliau *downgrade* kepada *challenger*. Tapi kini dengan jet yang ada, belum kita tambah dengan jet baru ini dengan NACJ-310 setiap tahun kita telah dengan *hire purchase* kita bayar dengan *maintenance* nya RM5.5 juta setahun.

Saya ingin tahu apakah kekurangan dengan 319 ini, sehingga kita perlu beli satu lagi jet 320 dan yang lebih pelik lagi kenapa kerajaan tidak beli secara langsung daripada pembekal jet iaitu AG *Luther* ini.

■1450

Dengan maklumat yang kita peroleh, kita perlukan penjelasan ialah kita membeli jet ini secara *second hand* daripada sebuah syarikat Jet Premier One (Malaysia) Sdn. Bhd. yang memperoleh jet itu sebanyak USD89 juta dan kemudian dijual kepada kita dengan harga yang dua kali ganda. Kita tidak faham kenapa dengan pembelian ini, kita telah membenarkan orang tengah iaitu JPO, syarikat Jet Premier One (Malaysia) Sdn. Bhd. untuk *mark up* hampir separuh daripada harga asal yang dibeli daripada Luther AG. Saya ingin dapat penjelasan, siapa pemilik syarikat ini, apakah kedudukan yang istimewa yang membolehkan kerajaan membeli jet ini daripada sebuah syarikat swasta yang tidak ada kena-mengena dengan pembekalan jet?

Jadi, itulah sebahagian daripada kekhuatiran kita bila kakitangan kerajaan kita sedang berusaha berjuang untuk menampung kos hidup yang semakin tinggi dengan beban GST. Ya, kita tidak tolak GST sebagai satu sumber untuk mendapatkan pendapatan negara tetapi ini harus digunakan dengan cara yang baik untuk kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Rakyat tidak mempersoalkan bila kerajaan cuba mengutip lebih banyak pendapatan melalui cukai daripada pembayar cukai. Akan tetapi isu yang kita ragu-ragu ialah perbelanjaan yang boros, yang tidak menepati kepada keperluannya.

Itulah sebab kita rasa bila kita tidak boleh uruskan bajet dengan baik, kita juga lihat sebarang transformasi yang telah dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sekarang kita lihat *regression*nya, dengan izin kembali kepada apa yang mengingkari janjinya sendiri. Disiplin untuk menguruskan kewangan ini merupakan satu *pillar* yang sangat ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri Kewangannya sendiri dalam perkara yang sama. Tadi kita sebut tentang hutang. Hutang kerajaan memang kecil tetapi kita juga lihat syarikat-syarikat GLC yang secara langsung berkait dengan Kementerian Kewangan.

Ini tidak boleh dielakkan tanggungjawabnya daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga adalah Menteri Kewangan dan syarikat yang diwujudkan oleh Menteri Kewangan iaitu 1MDB, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga sebagai Menteri Kewangan juga Pengerusi kepada Lembaga Penasihat kepada 1MDB. Jadi, apa yang berlaku dalam 1MDB ini tidak boleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengelakkan tanggungjawabnya.

Saya ingin dapat secara jelas kerana kalau tidak saya terpaksa membuat satu usul dalam Dewan ini terhadap Menteri Kewangan kerana jawapan yang kurang tepat. Pada 10 Mac, saya terima jawapan daripada Kementerian Kewangan menyatakan bahawa pinjaman daripada 1MDB untuk membayar bunga hutang 1MDB ini tidak ada kaitan langsung dengan seorang taikun, Ananda Krishnan. Itu jelas.

Seluruh Dewan dengar dengan jawapan bertulis kepada saya katakan *"Ananda Krishnan has zero involvement". I have no* - tidak membayar hutang untuk kita. Akan tetapi minggu lalu, pada hari Khamis, kita dengar daripada Menteri Kewangan II bahawa Tanjong Public Limited yang memperoleh *cash* untuk bayaran hutang ini. Saya ingin Dewan ini meminta sama ada Menteri Kewangan untuk memberi penjelasan atau Presiden maaf Pengerusi 1MDB iaitu Arul Kanda untuk jawab kepada Dewan ini kerana dalam *statement* yang dikeluarkan berulang kali, beliau menafikan bahawa pinjaman telah dilakukan daripada Ananda Krishnan.

Saya juga ingin tanya dalam pengurusan 1MDB ini. Kita belum lagi dapat jelaskan kenapa dengan pelbagai bayaran yang begitu besar, salah satu ialah bayaran kepada Goldman Sachs untuk menguruskan *Islamic bond* dalam 1MDB ini yang sejumlah RM5 bilion, kadar 5.75% komisen telah dijanjikan kepada Goldman Sachs. Ini adalah satu kadar yang amat tinggi. Apakah logiknya bila kita bagi sebuah syarikat yang saya tidak tahu di sini ada banyak pakar agama yang juga pakar-pakar dalam *Islamic finance* yang boleh

memberitahu Goldman Sachs, layak sebuah syarikat Amerika Syarikat? Apakah pengalaman mereka untuk menguruskan *Islamic bond*?

Dengan itu, saya juga lihat 1MDB dari awal tidak jujur dalam menjawab soalan-soalan dari Ahli Parlimen dan juga orang awam. Kita dengar daripada mantan Pengerusi 1MDB Shahrol Halmi yang saya juga bangkitkan telah menyatakan Jho Low tidak ada *involvement, zero involvement* dalam perkara pengurusan 1MDB. Akan tetapi jelasnya, Jho Low sendiri mengaku bahawa dia ditanya dengan izin dalam bahasa Inggeris, *"I was consulted but not making major decisions".*

So consulted maksudnya dia ada peranan tetapi Pengerusi 1MDB kata *"...zero involvement"*. Bagaimana seorang *zero involvement* itu juga di*consulted* dan banyak bukti yang telah dikemukakan baik pun dalam laman dan juga dengan laporan-laporan yang pelbagai oleh media antarabangsa, telah menunjukkan bahawa Jho Low telah memainkan satu peranan yang begitu penting dalam pengurusan 1MDB.

Jadi kita tidak tahulah apakah rasional juga bila kita dapati bahawa USD1 bilion telah kita sumbangkan dalam keseluruhan jumlah kapital yang dipegang oleh 1MDB dengan *interest 40 percent.* Itu ialah satu kadar yang sangat tinggi. Kita ingin dengar dalam Dewan ini, apakah justifikasi yang kita memberi *interest* yang begitu besar padahal *Joint Venture* (JV) *partner* yang lain PetroSaudi tidak *contribute* langsung yang dikatakan mereka akan menyenaraikan satu projek di Turkmenistan yang bernilai 'USD3.5' itu sebenarnya tidak wujud langsung? Ini ialah perkara yang kita rasa kalau tambahan ini hanya untuk pembangunan negara, hanya untuk meningkatkan kebajikan kakitangan kerajaan, kita langsung tidak ada masalah. Akan tetapi saya ingin tahu, dari mana wang dana-dana yang kita akan dapat untuk memastikan hutang-hutang ini dibayar?

Saya juga dalam nada yang sama kerana kebelakangan ini kita lihat polis aktif untuk menangkap orang, polis juga rajin untuk mempertingkatkan kemahiran mereka dalam *social media*. Kita ada seorang IGP yang mahir dengan *Twitter*. Itu sangat membanggakan.

■1500

Saya ingin tahu kalau betul kita dikatakan menghasut dengan tidak tahu bukti, saya ingin dapat tahu apakah *statement* ini bila ditemu duga oleh sebuah majalah, namanya Fokus pada tahun yang lalu, kita dengar dari Jho Low mengatakan dengan izin, *I was involved in the setting up of* TIA iaitu adalah satu badan *trust fund* sebelum di*transform*kan menjadi 1MDB. *From January 2009 to mid May 2009*, *the* Yang di-Pertuan Agong *was kind enough to ask my assistance due to my experience in the Middle East*. Saya ingin tahu kalau seorang itu secara terbuka mengaitkan nama Yang di-Pertuan Agong, adakah ini telah menyentuh kesucian dan kedaulatan istana dan kenapa tidak ada tindakan daripada pihak polis terhadap orang yang menggunakan nama Yang di-Pertuan Agong atas kepentingan perniagaannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Habis ni boleh gulung Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya ingin akhiri sekali lagi untuk menyeru bahawa kita tidak, saya hendak menyatakan sekali lagi, kita tidak ada masalah dengan tambahan ini. Akan tetapi tambahan ini semua adalah bersifat *emolument*. Takkanlah tahun lalu kita tidak tahu perkara-perkara ini kita kena bayar kepada Suruhanjaya Pasukan Polis, Perkhidmatan Kakitangan. Takkanlah kita tidak tahu urusan Suruhanjaya Pilihan Raya dengan pengurusan dan operasi. Kita maklum ada tambahan perbelanjaan dari segi bayaran gaji. Akan tetapi pembangunan yang tidak dijangka, di mana pergi? Kalau ini adalah sebahagian daripada perbelanjaan yang boleh dijangka, dari mana bajet kita menggunakan wang ini seperti hendak beli jet, hendak belanja untuk kenduri kahwin. Ini datang dari mana? Saya ingin mendapat penjelasan. Dengan itu saya ingin mengucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gerik. Kalau tidak ada Yang Berhormat berucap, Menteri gulung. Ada.

3.02 ptg.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun bersama hendak membahaskan tentang suatu akta sejumlah wang hendak diluluskan yang telah dibelanjakan pada tahun 2014. Tetapi saya lebih fokus pada kawasan saya. Pertama di bawah Kementerian Kesihatan, kerajaan telah membina poliklinik di Pengkalan

Hulu. Di dalam klinik tadi ada satu ruang dibuat untuk tempat bersalin. Pokoknya masyarakat di sana hendak menjadikan klinik tersebut sebagai tempat bersalin, tetapi bila kes hendak bersalin, mereka terpaksa hantar ibu-ibu mengandung ke Baling. Maka akan timbul persoalan, kalau bersalin di Baling, kad pengenalan mereka tidak akan menjadi warganegara Perak. Dia akan menjadi rakyat negeri Kedah. Oleh sebab itu minta Kementerian Kesihatan melihat semula bagaimana supaya poliklinik yang belanja berjuta-juta di Pekan Pengkalan Hulu tadi, boleh dibuat tempat bersalin untuk penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Kalau tidak nanti terpaksa anak-anak Pengkalan Hulu mendapat pengesahan kepada kepimpinan tempatan ataupun peringkat negeri mengatakan mereka ialah penduduk dari negeri Perak, bukan daripada Kedah kerana dalam kad pengenalan mereka tertera tulisan menyatakan mereka dilahirkan di Kedah.

Perkara yang seterusnya di bawah Kementerian Dalam Negeri yang kita lihat pihak belah sana *complaint* banyak soal IGP menjalankan tugas. Pada pandangan saya, iaitu apabila polis telah mula menjalankan tugas dengan baik, menangkap mereka yang menghasut dan pelbagai lagi, sebenarnya mereka yang ditangkap belum lagi terbukti bersalah. Apakah Ahli Parlimen atau pemimpin parti apabila ditangkap kerana mereka hendak disiasat dikatakan sudah bersalah. Berapa ramai kes di kampung-kampung suspek curi getah skrap, suspek curi basikal dan pelbagai lagi. Lama pula mereka kena tahan, kadang sampai lima hari enam hari. Ibu bapa mereka marilah berjumlah dengan kita wakil rakyat. Kita pun telefonlah OCPD. Apa jawapan OCPD?

Yang Berhormat, mereka bukan bersalah. Hendak disiasat. Akan tetapi hari ini pemimpin pembangkang menggambarkan kepada negara kita Malaysia seolah-olah mereka ditangkap sesudah bersalah, tetapi mereka tidak pernah berani bertanggungjawab. Mereka menghasut, mengelirukan rakyat di seluruh negara. Itu mereka lupa. Soalnya, polis tengah siasat, bukan mereka bersalah. Betul tidak? *[Disampuk]* Proses penyiasatan, tetapi bagaimana kita rakyat di bawah, yang kadang-kadang rakyat pun ikut sama terpengaruh. Rakyat di bawah ini kadang-kadang dituduh mencuri sebiji nangka kena tahan dalam lokap lebih dari lima enam hari.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Puteh bangun Yang Berhormat.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Siapa hendak mempertahankan mereka? Tidak pernah kita bercakap.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Yang Berhormat Gerik, minta laluan.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Ini Yang Berhormat Batu kena tahan sehari esok keluar sudah menyatakan kepada seluruh negara seolah-olah Yang Berhormat Batu dituduh dia bersalah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada tiga orang Yang Berhormat bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Pasir Puteh dahulu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Gerik. Mereka ditangkap untuk disiasat. Kalau hendak menyiasat ini, kita boleh panggil sahaja wakil rakyat ini. Saya rasa wakil rakyat kita ini *gangster*, tidak ada. Semua baik-baik belaka. Tidak tahu Yang Berhormat Gerik atau Yang Berhormat Bintulu. Jadi saya rasa pihak polis kalau betul-betul hendak menyiasat, pakai telefon sahaja. Pagi, hello Yang Berhormat datang ke Dang Wangi ke datang ke mana-mana pejabat polis untuk disiasat. Di sana siasatlah. Ini pukul tiga pagi datang dengan polis, dengan tentera, dengan senjata macam-macam. Bukan macam nak siasat, kah hendak berperang? Ini tidak sepatutnya dengan wakil-wakil rakyat, tidak patut, kecuali Yang Berhormat Gerik tidak tahulah. Akan tetapi dengan kita dengan pakatan rakyat ini saya rasa tidak logik dan tidak sepatutnya pihak polis bertindak sedemikian. Kita Ahli Parlimen untuk pengetahuan semua. Kalau Yang Berhormat Gerik dibuat sedemikian, saya pun marah juga. Terima kasih.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh...

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pendang bangun Yang Berhormat.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Apabila kita bercakap, memang kata sedap. Kalau kita tengok Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Seputeh seolah-olah tidak ada undang-undang dalam negara. Kalau hendak cerita pukul 2 pagi pukul 3 pagi yang dituduh ... lebih pada pukul 2-3 pagi. Kita wakil rakyat di kampung kena telefon ibu bapa ini, tidak payah hendak cerita. Sebab ini pengalaman saya di Gerik. Ya, Yang Berhormat Pendang.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Apakah pada pandangan Yang Berhormat, kita wakil rakyat terlalu istimewa berbanding dengan rakyat biasa sehingga polis tidak boleh hendak tahan kita. *Above the law* kah kita ini?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Mohon mencelah, mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar bangun Yang Berhormat.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Gamaknya wakil rakyat pakatan pembangkang apabila sudah pasang *badge* Ahli Parlimen, langgar kesalahan jalan raya lalu tempat AES tidak bersalah, agaknya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Siapa yang langgar? Minta pencelahan.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Macam mana yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pendang, segala-galanya apabila sudah jadi Ahli Parlimen ini seolah-olah kita *"beraja di mata, bersultan di hati"* kah? Tidak tahu.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sekijang dan Yang Berhormat Kapar bangun Yang Berhormat.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: bagilah Yang Berhormat Sekijang menyampuk sedikit.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Cadangan Parlimen Barisan Nasional ini ada *lawyer*, tetapi *lawyer* yang menjalankan ikut arahan. Ini ''lawya''... putar belit dalam Dewan Parlimen ini. Kalaulah rakyat dengar, tidak tahulah bagaimana...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Okey, Yang Berhormat Kapar hendak cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar, ya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak buat penetapan di sini, tidak pernah kita kata tidak boleh ditahan. Boleh ditahan, boleh disiasat, tiada masalah. Akan tetapi ikut cara yang sesuai.

■1510

Jangan minta reman sampai dua tiga hari, kita duduk sana tengok TV. Saya bagi contoh, yang dua ADUN yang ditangkap semasa kita lawan itu, tengok tiga jam *Robocop*, mula sampai akhir Tuan Yang di-Pertua. Masa itu bolehlah siasat, tidak payahlah hendak buat intimidasi sebegitu. Wakil rakyat ada kerja di luar, kita kena turun tetapi pada waktu yang sama jangan bagi tekanan yang luar biasa. Penjenayah di luar, rakyat biasa pun kita soal. Sebagai peguam kita soal, jangan reman beberapa hari. Macam tadi kata curi basikal dan sebagainya, memang betul kita selesaikan, kita jangan hendak paksa mereka, provokasi mereka, tidak perlu. Dengan rakyat pun kita cakap benda yang sama, wakil rakyat pun kita cakap benda yang sama. Yang kita minta, IGP dan polis atasan jangan menyalahgunakan kuasa. Itu yang kita tekankan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, tanya dengan Yang Berhormat Gerik.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Penjelasan.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Polis buat dalam bidang kuasanyalah kan? Kalau kata nasib baik Ahli Parlimen kena tahan, boleh juga Yang Berhormat cakap dalam Parlimen.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh mencelah Yang Berhormat Gerik?

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Akan tetapi orang kampung yang kena tahan, mak bapa hendak jumpa pun OCPD tidak bagi, mereka tidak pakai baju duduk dalam lokap. Semua ini ibu bapa beritahu pada kita tetapi sekurang-kurangnya Ahli Parlimen yang ditangkap boleh cerita di *Malaysian Insider* dan pelbagai lagi. Menceritakan benda yang betul, memburukkan kerajaan, di mana menyebabkan banyak perkara negatif diterima oleh rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan bangun.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Sedangkan kita bagi satu contoh yang paling mudah. GST yang senang ini pun diputarbelitkan oleh pihak pembangkang. Semua orang jadi kelam kelibut. SST selama ini rakyat tidak pernah tengok pun berapa dia hendak kena bayar kepada kerajaan.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Gerik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Dari GST sudah mula kira 6%, kalau 15% dulu tidak pernah pun rakyat hendak tengok macam mana. Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Saya pun sebetulnya Tuan Yang di-Pertua, memerhati gelagat rakan-rakan kita di sebelah sini. Apa yang hendak dibuat provokasi, mengundang masalah, apa istilah? Kalau dulu, istilah *'lawan tetap lawan'*. Ini kita punya istilah Tuan Yang di-Pertua tetapi diguna pakai oleh pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: 'Kita' siapa Yang Berhormat? Barisan Nasional?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, Barisan Nasional. Ia diguna pakai, kononnya mahkamah tidak adil, hakim tidak adil, hendak lawan hakimkah? Hendak lawan mahkamahkah? Akan tetapi kalau kes memihak kepada dia, dia kata hakim baik, menjalankan kewajipan. Akan tetapi kalau tidak memihak pada dia, hakim dirasuk syaitanlah, macam-macam tuduhan. Ini sebetulnya, polis kita ini baik. Tengok hari ini, pengebumian bekas Perdana Menteri *Singapore*, Lim Kuan Yew. Orang *criticize* di blog sahaja, sudah kena tangkap, kena tangkap di rumah, hendak kritik pun tidak boleh. Tempat kita bukan lagi kritik, macam-macam dia cakap. Macam Ahli Parlimen Batu ini, tidak pernah serik-serik. Nama pun batu, kepala pun batu jugalah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Perkara ini menghina.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Duduk dulu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Perkara ini menghina.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tarik balik. Apa ini Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tarik baliklah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dah gigit telinga polis.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Apa ini? Kalau hendak bahas, bahas. Setakat Sabah, Sarawak pun tidak berani hendak perjuangkan. Sabah Sarawak pun masih lagi sama. *[Dewan riuh]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Macam Yang Berhormat Kapar dan Yang Berhormat Batu ni...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Datang sini hendak cakap tentang Yang Berhormat Batu. Jaga hal sendirilah Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Tangkap, sumbat di penjara dulu.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Jaga belakang itu sendiri. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, balik kepada Yang Berhormat Gerik. *[Dewan riuh]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya menyokong usul ini, apa punya Yang Berhormat Kinabatangan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Seorang-seorang Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apa ini?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tidak payahlah Yang Berhormat Kinabatangan, tidak payah berlakon.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini binatang terlepas ni.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar, duduklah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Sudahlah seorang pelakon, *you* tidak payah jadi pelakon.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini dari mana ini?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tidak payah, tidak payah lakon. Seorang dalam *family* berlakon sudah cukup.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Duduklah, duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Suami isteri hendak berlakon tidak payahlah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini peguam apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar, duduk Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Orang Sabah Sarawak hendak tahu juga siapa pelakonnya, ha ini ... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tidak payah buang masa, tidak payah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kalau...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Dia buang masa, dia hendak jadi pelakon... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar, salah peraturan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak layak.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Orang Sabah, orang Sarawak... memang rugi...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak layak jadi wakil rakyat. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar duduk.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Dia lagi 'kina-batangan'.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Nasib baik dia jadi wakil rakyat, kalau tidak...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Belajar lagi, belajarlah. *[Dewan riuh]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Nasib baik jadi wakil rakyat, kalau tidak jadi perompak.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Oh *mic* saya *off, mic* dia tidak *off.* Pandai... *[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar, duduk Yang Berhormat, mikrofon dah mati. Duduk Yang Berhormat ya. Ya, Yang Berhormat Kinabatangan, balik kepada Yang Berhormat Gerik.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya hendak tanya Yang Berhormat Gerik, bukan tanya dia.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Mikrofon sudah tutup, duduklah Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak tahu dia keluar dari penjara mana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat Kapar. Sebentar Yang Berhormat, untuk makluman orang di atas galeri, Yang Berhormat Kapar itu di luar peraturan. Cuma Yang Berhormat Kinabatangan yang boleh bercakap sekarang kerana sedang mencelah dengan Yang Berhormat Gerik. Balik kepada Yang Berhormat Gerik.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Memang dia selalu di luar peraturan Tuan Yang di-Pertua, sebab kita bercakap dia tidak pakai peraturan. Dia ingat orang ramai sudah suka dia punya cara begini. Seharusnya orang muda belajar macam mana hendak jadi orang matang tetapi Yang Berhormat Kapar ini, saya tidak tahu penjara mana...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Dia sebut saya, saya bangun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat Kapar. Dia tidak jemput pun.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya langsung tak nak belajar, dia lagi teruk daripada saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia tidak jemput, duduk.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Mana boleh Tuan Yang di-Pertua, dia menghina orang.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *You* salah, duduk, duduk.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Menghina, mencaci orang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Balik kepada Yang Berhormat Gerik.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Salah, didik dia, didik dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar, duduklah. *[Dewan riuh]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau boleh perjelaskan, macam mana pembangkang ini sentiasa buat rusuhan, sentiasa buat kacau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hilang ngantuk kan?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apabila polis tahan, dia kata polis jahat, menyalahgunakan kuasa. Kalau saya di negara lain, polis-polis yang menguatkan kuasa, pistol di kepala Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat Gerik, apakah polis perlu tunduk dengan permintaan ini ataupun perlu agresif menahan mereka

yang bersikap sebegini, Yang Berhormat Kapar terutama sekali. Kalau boleh tangkap dia, masuk dalam penjara.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ini apa ini Tuan Yang di-Pertua? Dia hendak jadi IGP kah? Tidak layaklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gerik, boleh gulung Yang Berhormat Gerik.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Duduk dulu Yang Berhormat Kapar. Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya Yang Berhormat Kinabatangan. Sebenarnya, apa benda hendak buat tunjuk perasaan. Peluang diberi sebebas-bebasnya kita bercakap di dalam Parlimen. Kita sanggup menggerakkan orang yang tidak tahu apa benda. Pelajar universiti yang kita bagi PTPTN, orang-orang ahli parti mungkinlah ditawarkan duit, tambang minyak kereta dan sebagainya tetapi semata-mata apa ada keuntungan? Apakah kita dengan berarak di jalanan, buat di Sogo, boleh tidak ada pelaksanaan GST? Pada kita, polis ambillah tindakan sebaik mungkin mana ada ruangan kerana mereka ini telah memecahbelahkan perpaduan negara, telah merosakkan pemikiran rakyat dalam negara.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rasah bangun.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Gerik.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Tangkap mereka, tidak ada masalah, biar penuh dalam jel. Dulu mereka dalam sidang yang lepas minta kebenaran hendak masuk dalam penjara. Rupa-rupanya ada udang di sebalik batu. Bila Ketua Pembangkang kena tahan di penjara, mereka kalau boleh tiap-tiap hari hendak masuk dalam penjara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Sedikit.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Saya hendak beralih ke isu lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Ya, Yang Berhormat Rasah, bolehlah.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Tadi Yang Berhormat Gerik mengatakan bahawa perhimpunan di depan Sogo seolah-olahnya menjejaskan perpaduan. Akan tetapi saya hendak katakan di sini, kalau rakyat Malaysia mereka berhimpun ataupun melakukan sesuatu untuk membantah GST, sepatutnya pihak di sebelah sana dengar kepada suara rakyat tetapi bukanlah menuding jari kepada mereka yang turun untuk membantah GST, betul tak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Titiwangsa.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Yang Berhormat Gerik. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Gerik, bersetujukah Yang Berhormat kalau mereka ini suka sangat hendak buat demonstrasi, kenapa tidak masuk dalam stadium buat demonstrasi? Kenapa kita nak kena buat di tengah-tengah jalan, *shopping complex*? Apa pendapat Yang Berhormat Gerik?

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Belajarlah undang-undang, hendak cari popular yang mudah, di Sogo dah ada orang ramai dan mereka juga memahami dunia tanpa sempadan. Bila buat kecoh, seluruh dunia tahu, seolah-olah hendak menggambarkan kerajaan yang di bawah pimpinan Perdana Menteri ini sudah *lose control*, tidak boleh kawal negara.

■1520

Hakikatnya ekonomi negara kita baik, cuma mereka sakit hati. Ini kalau GST tahun ini sahaja berkecamuk, kalau berjaya pada tahun depan mereka juga melompong kerana kantung kita ada boleh memberi keuntungan kepada rakyat di bawah. *[Tepuk]* Jadi itu yang mereka tidak tahan. Saya juga hendak beralih tajuk lagi...

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Gerik. Yang Berhormat Gerik mencelah Yang Berhormat Gerik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat Gerik?

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Ya, Yang Berhormat Kuala Langat hendak tanya apa?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: GST. Tuan Yang di-Pertua, GST. Yang Berhormat Gerik menonjolkan seolah-olah GST ini satu perkara yang cukup luar biasa hebatnya. Akan tetapi saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Gerik, Tun Mahathir dia tidak bersetuju dengan GST. *[Dewan riuh]* Tun Daim Zainuddin juga sedemikian.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Kita boleh masuk kah, boleh kah?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Gua Musang juga sedemikian. Apakah Yang Berhormat Gerik boleh menafikan 52% undi yang diberikan kepada Pakatan Rakyat itu yang menuntut keadilan supaya suara mereka didengar, apakah Yang Berhormat Gerik boleh menafikan itu?

Seorang Ahli: Setujukah tidak?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ya duduk.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Sudah habis sudah?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Sudah habis, tunggu dahulu. *I'll proceed* nanti.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Yang Berhormat Gerik minta sedikit.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Yang Berhormat Kuala Langat kena faham... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Mic.*

Beberapa Ahli: *Mic, mic.*

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Yang Berhormat Kuala Langat kena faham, masa Tun Dr. Mahathir jadi Perdana Menteri siapa yang mengangkat *paper* untuk GST kalau bukan tidak Menteri Kewangan ketika itu Dato' Seri Anwar. Ya, Yang Berhormat Lipis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Lipis.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua membenarkan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Gerik. Saya sedikit sahaja hendak tanya. Saya tertarik soalan daripada Yang Berhormat Kuala Langat sahabat karib minum di luar. Kalau sudah Tun Mahathir kata macam itu, maknanya pihak di sana seronok pula dengar, biarlah GST itu dilaksanakan, boleh keuntungan kepada mereka. Apa pandangan Yang Berhormat Gerik?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Reverse psychology.*

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Betul cakap Yang Berhormat Lipis. Ini yang depa sakit hati. Dahulu mereka kata Tun Dr. Mahathir Maha Firaun, kuku besi. La ni depa pula yang mengatakan Tun Dr. Mahathir yang terbaik. Kami daripada dahulu sampai la ini tetap mengatakan Dr. Mahathir antara Perdana Menteri yang terbaik. Betulkah atau tidak? *[Dewan riuh]*

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Gerik.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Baru hari ini Yang Berhormat Kuala Langat sedar bahawa Perdana Menteri kita…

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Kuala Langat hendak sambung balik. Sambung balik.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: …Tun Dr. Mahathir orang yang terbaik. Dahulu kata Maha Zalim, Maha Firaun dan pelbagai lagi.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Hendak sambung balik, hendak sambung balik.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak boleh macam itu, Yang Berhormat. Yang Berhormat Pendang pula.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Yang Berhormat Pendang pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Giliran Yang Berhormat Pendang pula Yang Berhormat.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Terima kasih, hendak menyahut seruan Yang Berhormat Kuala Langat, 52% undi popular. Sebab apa pembangkang tidak lantik Yang Berhormat Seputeh, mana Yang Berhormat Seputeh? Dia dapat undi tertinggi dalam PKR. Lantik dia jadi Ketua Pembangkang baru betul. *[Dewan riuh]* Ambillah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: DAP lah, PKR kita ada, itu pun tidak tahukah. *[Dewan riuh]* Tidak tahu malukah. *[Ketawa] [Dewan riuh]*

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *[Bangun]*

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Gerik.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Biarlah, kalau kita berhujah, macam-macam benda akan ini...

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Gerik bagi laluan, bagi laluan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak direkodkan tadi Yang Berhormat Gerik kata masa zaman Tun Mahathir, Menteri Kewangan ada mengesyorkan GST diperkenalkan. Saya hendak direkodkan ini satu fitnah yang perlu dibuktikan. Mohon Tuan Yang di-Pertua untuk ia diberikan bukti yang jelas supaya ia boleh jadi...

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Tengoklah balik *Hansard*, tengoklah balik rekod kerajaan. Beberapa kali kita Parlimen, bila hendak kemukakan GST kita tolakkan sehinggakan pada zaman Dato' Najib ini barulah kita hendak jalankan GST. Pelaksanaan pun belum dijalankan. Pada 1 April ini baru pelaksanaan, tetapi segala rakyat di bawah sudah buat keliru rakyat. Sudah tulis ada resit GST. Ini kena hendak minta penguatkuasaan.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: *[Bangun]*

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Bila nampak ada kompelin daripada rakyat buat tindakan…

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu bangun Yang Berhormat.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Janganlah semata-mata kepada Ahli Parlimen yang menghasut. Kepada rakyat, peniaga-peniaga yang ambil kesempatan, ambil tindakan. Ini baru betul. *[Tepuk]*

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Gerik...

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Tidak memberi pandangan yang salah kepada kerajaan. Ya, Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzi [Kulim-Bandar Baharu]: Yang Berhormat Gerik. Saya cuma hendak minta pandangan Yang Berhormat Gerik ini bila Yang Berhormat Kuala Langat puji Tun Mahathir, puji Yang Berhormat Gua Musang, adakah ini mencerminkan pembangkang ini kalau benda kena dengan dia semua orang betul, kalau tidak kena sahaja tidak betul. Hendak tanya pendapat sahaja.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Gerik sedikit, sedikit.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Kalau di tempat saya di Gerik, dikata orang, orang seperti ini orang Tok Kor. Dia duduk batang hijau menatang ''pokko'' tadi dia jadi hijau. Pergi ke pokok yang berwarna biru dia jadi biru.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Gerik.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Ha, ini orang panggil ''pokko''. ''Pokkor'' ini sesumpah.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Gerik. Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Kuala Langat.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Jadi kita kena tengok suasana, jadi akhirnya bukan mengkarung ini kita kata pokko lah bukan mengkarung. Mengkarung yang warna hijau itu, pokko ini duduk di batang nyior, apa benda itu bukan.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Gerik.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Pokko itu kalau dia 'hangguk'...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh habiskan Yang Berhormat.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Sedikit, sedikit Yang Berhormat Gerik, pelaksanaan GST sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rasah.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Tadi saya mendengar kawan di sebelah sana, Yang Berhormat Gerik menyatakan begitu kagum sekali dengan pelaksanaan sistem percukaian GST. Saya hendak tanya balik kepada kawan yang berada di sebelah sana, kalau pelaksanaan GST ini memang dapat menguntungkan negara dan menguntungkan seluruh rakyat Malaysia, mengapakah Kerajaan Barisan Nasional tidak mengumumkan akan melaksanakan GST kalau Barisan Nasional dapat mengekalkan kuasa di Putrajaya tetapi memilih untuk menarik balik Bil GST ini ketika 2010 dan seterusnya ketika menang pula mengumumkan pelaksanaan tersebut. Terima kasih.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Mudah sahaja jawab. Fasal, fasal Ahli-ahli Parlimen Pakatan Rakyat berperangai macam Yang Berhormat Rasah. *Round* ke seluruh tempat kata GST tidak elok. Maka kalau ramai macam ini, tetapi menggambarkan Kerajaan Barisan Nasional bertanggungjawab, berani mengumumkan apa jadi pun dalam keadaan serangan 1MDB tetap juga kerajaan akan melaksanakan GST pada 1 April 2015. *[Tepuk]*

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Gerik...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Jadi saya pun sudah mengambil masa yang panjang.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Sedikit lagi, sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masa sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Mencelah, mencelah.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua walaupun saya mencelah, tetapi saya tidak hendak layan sudah di sana tetapi saya kalau hendak lawan berhujah dengan mereka, saya tidak pernah gentar dan takut. Ini bukan budaya Barisan Nasional. Kita tetap mempertahankan benda yang baik.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Bukan masalah itu, bukan hendak bahas.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Mungkin kita tahu GST tidak sebaik yang disangkakan kerana digambarkan buruk oleh pihak Pakatan Pembangkang. Bagi peluang kepada kerajaan untuk laksanakan macam 1MDB. Apa yang kita hendak runsingkan aset ada RM51 bilion, hutang RM41 bilion kalau sudah matematik yang mudah, RM51 bilion

hendak dibandingkan dengan RM41 bilion ada *balance*. Baik, kita tidak tahu kita serahlah kepada pengurusan hendak buatkan...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ini Matematik *champion.*

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Kalau begitu, kalau begitulah maknanya seluruh syarikat gergasi dalam negara, kita kena tengok macam mana pengurusannya, kalau begitu, yang penting rakyat hendak tahu ada untung atau tidak di akhir penghujung tahun. Itu bahasa yang mudah. Saya tidak reti sangat fasal ekonomi ini, saya bekas cikgu. Dengan ini saya tidak melanjutkan perbincangan, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini, terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Klang.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Balun Yang Berhormat Klang, balun.

3.28 ptg.

Tuan Charles Anthony [Klang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bangkit tiga isu pada tengah hari ini. Satu berkait dengan wabak denggi, kedua dengan GST dan ketiga mengenai ASEAN Economic Community.

Pertama saya hendak bahas mengenai isu denggi. Rakyat Malaysia pada masa kini berhadapan dengan satu situasi yang boleh dikatakan amat membahayakan iaitu kehilangan nyawa akibat wabak denggi. Dalam tahun ini sahaja pada setiap hari sekurang-kurangnya seorang rakyat negara kita kehilangan nyawa akibat wabak denggi.

Pada pandangan saya perkara sebegini tidak pernah berlaku dalam Malaysia di mana kematian diakibatkan oleh satu wabak. Sehingga 24 Mac tahun ini, sebanyak 32,143 kes telah berlaku dengan 98 kematian. Di Selangor sahaja terdapat laporan mengenai jumlah kes yang amat tinggi iaitu 19,000 ataupun 59.5 daripada jumlah keseluruhan kes denggi di Malaysia.

■1530

Malah terdapat peningkatan yang begitu drastik bukan sahaja di Selangor tetapi juga di negeri-negeri lain. Di sabah peningkatan jangkitan denggi telah meningkat kepada 523%, di Pahang 200%, Pulau Pinang 196% dan Perak 138%. *So,* oleh kerana itu kadar kes denggi di seluruh Malaysia telah meningkat sebanyak 65% dalam dua bulan pertama tahun ini berbanding dengan tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua, jelas bahawa wabak denggi telah menjadi satu *epidemic* yang besar dan harus ditangani secara serius, secara komprehensif dan mesti nampak sebagai satu peranan yang harus dilancarkan oleh kerajaan untuk mengatasi atau menangani masalah wabak denggi ini. Saya menyeru kepada Kerajaan Persekutuan mengubah pendekatan yang telah diambil dan mengisytiharkan satu *national emergency* bagi menangani wabak denggi ini.

Kerajaan Persekutuan khususnya Kementerian Kesihatan harus meningkatkan dan menggandakan usaha mereka agar bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri dan agensi-agensi kerajaan yang lain. Saya ucapkan tahniah dan syabas sebenarnya kepada pihak Kementerian Kesihatan yang telah mengaturkan beberapa program dan rancangan untuk menyedarkan rakyat mengenai wabak denggi ini. Akan tetapi saya cadang supaya satu tahap yang sedia ada ditingkatkan kepada *national emergency*.

Cadangan saya Tuan Yang di-Pertua, kerajaan harus mengambil isu wabak sebagai satu peperangan yang besar. Ini bermakna bahawa semua agensi kerajaan dimobilisasikan, NGO-NGO digunakan, rakyat jelata dimobilisasikan, peruntukan yang lebih diberikan kepada peperangan ini serta *strict enforcement* harus dipertingkatkan untuk menjayakan *national emergency* yang saya terangkan. Selaras dengan itu *national emergency*, kerajaan juga harus menubuhkan *command centre* atau *district intervention units* di setiap daerah untuk menyelia dan pantau keadaan denggi supaya rancangan tempatan ataupun *localized planning* yang boleh digubal dan diaturkan untuk menangani wabak denggi di kawasan-kawasan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah menerima banyak aduan mengatakan bahawa pesakit denggi paksa tunggu masa yang lama di hospital-hospital kerajaan dan

juga hospital swasta. Tidak cukup kemudahan hospital dan pesakit tidak menerima akses perubatan dengan cepat. Tambahan pula pesakit-pesakit denggi dihantar balik ke rumah oleh kerana tidak ada katil atau *hospital beds*.

Beberapa pesakit telah meninggal dunia oleh kerana tidak ada pengawasan doktor secara rapi dan secara *continuous*. Oleh kerana ini saya berharap kemudahan yang lebih diberikan kepada pesakit-pesakit denggi dan bilangan katil ditambah agar pesakit menerima akses laporan perubatan dengan cara yang lebih pantas. Tambahan pula, saya mendesak supaya kerajaan meningkatkan denda bagi rakyat Malaysia dan juga peniaga-peniaga termasuk industri-industri yang didapati menyumbang kepada tempat pembiakan nyamuk Aedes. Saya cadangkan amaun denda perlu ditingkatkan dengan serta-merta dan penguatkuasaan mesti dijalankan agar masalah ini dapat diatasi.

Selain itu, apakah pendirian kerajaan mengenai penggunaan *genetically modified mosquitoes* untuk menangani wabak denggi yang semakin meningkat? Adakah GM *mosquitoes* ini akan digunakan secara berleluasa Malaysia dan saya minta Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk jelaskan keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membawa perhatian Dewan yang mulia ini kepada isu cukai barang-barang dan perkhidmatan (GST) yang akan membahayakan kesihatan rakyat jelata khususnya golongan sederhana dan rendah pendapatan. GST akan membawa kepada peningkatan kos seperti kos perubatan dan bantuan kesihatan. Sistem cukai GST yang diamalkan oleh kerajaan akan merisikokan kesihatan rakyat kerana ramai daripada kalangan mereka yang tidak berupaya tidak dapat membiayai kos perubatan tersebut.

Harga ubat di Malaysia adalah terlalu tinggi. Ini adalah kerana kita telah menswastakan pengagihan ubat kepada beberapa firma. Sebenarnya harga ubat di Malaysia ditetapkan bukan oleh pasaran bebas dan persaingan tetapi sikap monopoli. Tuan Yang di-Pertua, satu kajian Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2012 yang diterbitkan oleh *Journal of Pharmaceutical Health Services* menunjukkan bahawa harga pasaran bagi 10 jenis perubatan yang paling banyak digunakan di Malaysia. Kalau dibandingkan dengan harga di Australia, menunjukkan bahawa kos ubatan di Malaysia lebih tinggi daripada 30% hingga 140% daripada Australia.

Oleh kerana itu saya cadangkan bahawa kerajaan membatalkan monopoli ini dan tamatkan kontrak-kontrak dengan firma-firma berkenaan dan kerajaan harus memperkenalkan *price control* untuk ubat-ubat ini. Memperkenalkan *price control* akan menguntungkan orang ramai khususnya pekerja-pekerja dan orang miskin dalam akses untuk ubat-ubatan. Melalui *price control* ini pesakit-pesakit boleh mendapat akses kepada *life saving medicine*. Tuan Yang di-Pertua…

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat Klang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tasek Gelugor.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, setuju kah Yang Berhormat Klang berkenaan dengan rancangan untuk memisahkan operasi klinik dengan farmasi di mana klinik, doktor hanya boleh preskripsi dan ubat kena dibeli pula di farmasi. Tidakkah ini juga akan meningkatkan lagi kos kepada rakyat. Apakah ulasan Yang Berhormat, terima kasih.

Tuan Charles Anthony [Klang]: Yang Berhormat, saya memang sokong pendapat Yang Berhormat yang mengatakan bahawa kalau kita pisahkan atau *divorce* hospital, klinik dengan farmasi akan ada peluang untuk kenaikan harga. Saya fikir Kementerian Kesihatan harus membuat satu *cost benefit analysis* sebelum mereka membawa *bill* itu ke Parlimen atau sebelum merancang ataupun membuat *legislation* terhadap polisi baru ini.

Saya *continue* Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya untuk mengemukakan contoh yang mana kos yang sedia ada sudah terlampau tinggi dan dengan GST akan memburukkan lagi keadaan. Saya memang kenali seseorang yang hidup dengan HIV dan beliau sedang membelanjakan sebanyak RM2,190 sebulan untuk tiga jenis ubat. Ubat pertama dipanggil *darunavir* adalah RM1,600, *ritonavir* RM210, *tenofovir* RM200 dan satu lagi... ini tidak boleh *pronounce* RM180. *[Ketawa] So*, lebih kurang RM2,190.

Ini adalah daripada kos RM2,190 adalah lebih daripada dua kali ganda dasar gaji minimum Malaysia. Sekarang dengan GST, perbelanjaan membeli ubat-ubat untuk wanita ini akan naik lebih, sebanyak RM130 dan ini akan memiskinkan orang miskin di Malaysia. Ini hanya untuk HIV. Kita masih belum *include* kanser, barah dan lain-lain masalah kesihatan yang serius.

Oleh kerana itu saya cadangkan supaya kerajaan kecualikan cukai atau GST *tax exemption* bagi semua jenis perubatan dan perkhidmatan perubatan di Malaysia kerana hak kepada kehidupan atau *rights to life* adalah penting dan harus di dokong oleh mana-mana kerajaan dan juga ini adalah selaras dengan *Universal Declaration of Human Rights.* Selaras dengan itu, kerajaan juga akan melanggar konvensi-konvensi ataupun *World Health Organization* kalau harga-harga perubatan terlalu tinggi dan di luar penggunaan orang ramai di Malaysia.

Kerajaan juga akan melanggar deklarasi tersebut jika GST menjadi penghalang kepada rakyat Malaysia untuk mendapatkan akses kepada perubatan termasuk ubat. Pada pandangan saya, apa yang paling penting Tuan Yang di-Pertua, adalah GST akan secara terus terang melanggar dasar kerajaan sendiri iaitu *Malaysian National Medicines Policy* Tahun 2012. Ini telah diterima oleh Kabinet Malaysia pada tahun 2011 dan telah menjadi dasar kerajaan pada tahun 2012.

Antara matlamat dasar tersebut adalah untuk memastikan bahawa rakyat Malaysia dapat akses perubatan yang berkualiti, selamat, efektif dan pada harga yang *affordable.* Akan tetapi dengan GST jelas bahawa harga itu tidak akan *affordable* dan oleh itu keadaan kesihatan rakyat Malaysia akan diburukkan dan juga akan menghadapi jumlah kematian yang besar. Saya minta Kementerian Kesihatan supaya menjelaskan dasar GST yang akan menaikkan harga dan juga *Malaysian National Medicines Policy* yang telah digubal oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 2012.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membincangkan isu berkaitan dengan *ASEAN Economic Community.* Pada masa kini Kerajaan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN memainkan peranan yang penting dalam perancangan ini untuk merealisasikan ASEAN *Economic Community.* Walaupun begitu Tuan Yang di-Pertua, negara-negara bukan ASEAN berada pada tahap yang berbeza daripada segi pembangunan. Misalnya Singapura perlu mengambil tindakan yang berbeza jika dibandingkan dengan Laos, Myanmar ataupun Malaysia daripada segi persediaan menghadapi AEC.

■1540

Dalam konteks ini, adakah Kerajaan Malaysia telah menjalankan satu analisa kos faedah untuk mengkaji impak liberalisasi ekonomi ASEAN atau AEC kepada industri kecil dan sederhana di Malaysia selepas AEC menjadi satu realiti ataupun dikuatkuasakan? Soalan saya ialah adakah IKS Malaysia bersedia untuk bertanding dalam konteks *ASEAN Economic Community*?

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia sedang bergerak dengan pantas daripada segi AEC tetapi adakah Kerajaan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN bersedia untuk mengemukakan sosial ASEAN? Sekarang kita ada *Economic ASEAN*, adakah Kerajaan Malaysia bersedia untuk mempertimbangkan satu dasar baru iaitu sosial ASEAN sebagai *contribution* atau *engagement* dengan negara-negara ASEAN yang lain?

Isu ekonomi akan memberikan kepentingan kepada peniaga-peniaga besar dan kecil mungkin di ASEAN. Adalah penting kita berfikir mengenai nasib pekerja-pekerja dan petani-petani juga di ASEAN. *So therefore, we have parallel, we have parity,* memberi kepentingan kepada firma-firma besar ASEAN dan juga kita memberikan kepentingan kepada rakyat ASEAN. Ini adalah penting. Ini akan membela nasib kaum yang selalu ditindas di negara masing-masing.

Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya Kerajaan Malaysia mempertimbangkan supaya *a social* ASEAN yang akan memberikan keselamatan sosial atau *social safety net* kepada penduduk ASEAN. Dengan strategi ini, maka kepentingan peniaga-peniaga dan kepentingan orang ramai iaitu pekerja-pekerja, petani-petani akan diberikan *equal focus* dalam pelan dan...

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Klang, boleh mencelah sikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat perkara ini telah dilakukan oleh kerajaan tentang ASEAN *community* ini yang mana di peringkat sosial dan juga *business community*. Kalau kita lihat di KLIA, laluan pintu masuk itu telah disediakan laluan ASEAN. *It's ASEAN lane.* Kalau kita pergi ke negara Eropah, dia untuk EU *countries* tetapi di peringkat kita sendiri, di peringkat pintu masuk, bermakna menggalakkan pertukaran ataupun *business community* dan mendapat kepentingan dengan *advantage* di kalangan negara-negara ASEAN. Itu contoh yang kecil kalau kita lihat di KLIA sahaja. Sudah ada ASEAN *lane*. Terima kasih.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih atas ulasan itu. Apa yang saya bincangkan bukannya pintu masuk. Pintu masuk di semua lapangan terbang ada. Semua *airport* ada. Apa yang saya maksudkan ialah fokus ASEAN pada masa kini ialah untuk memberikan kepentingan kepada *business. So, it is a business project*, *ASEAN business project.* Apa yang saya hendak cadangkan kepada Kerajaan Malaysia ialah memberikan fokus kepada rakyat ASEAN iaitu *social safety net* ataupun *social agenda for ASEAN* di mana mungkin agenda itu gaji minimum untuk rakyat ASEAN, mungkin di situ, atau *universal healthcare* kepada rakyat ASEAN. Itu cadangan saya.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Saya bersetuju dengan pendapat itu. Cumanya, *it is just a little gesture* hendak ditunjukkan kerajaan bahawa bermula di peringkat yang sekecil-kecilnya sudah tentu peringat *business community,* G2G, B2B akan terus terlaksana. Jadi itu contoh yang saya lihat *small gesture* ataupun tindakan kecil telah membayangkan tindakan yang lebih besar yang sudah pastinya akan berlaku untuk kepentingan negara-negara ASEAN.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, isu akhir yang ingin saya bangkitkan ialah berkenaan dengan *ASEAN Declaration on Legal Protection on the Rights of Migrant Workers and Their Families*. Satu lagi isu yang harus dihabiskan atau diselesaikan pada masa kini dalam perbincangan ASEAN ialah *ASEAN Declaration on Legal Protection on the Rights of Migrant and Their Families*. Perbincangan ini telah berlaku selama 10 tahun dan masih belum dimuktamadkan.

Soalan saya kepada Kerajaan Malaysia ialah sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun ini, adakah kerajaan akan dapat menggunakan *chairman chief* ASEAN ataupun memberikan *leadership* kepada ASEAN supaya muktamadkan *agreement* ini demi kepentingan warga ASEAN lain yang bekerja di Malaysia? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan.

3.44 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar masih ada dalam Dewan, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya turut untuk membahaskan belanjawan tambahan. Saya melihat bahawa keutamaan kita pada hari ini ialah pembangunan wilayah yang seimbang. Apabila menyentuh soal pembangunan wilayah seimbang, sudah tentu saya fokus kepada Sabah Tuan Yang di-Pertua, termasuk mungkin di kawasan Tuan Yang di-Pertua di Beluran. Saya melihat kita telah merdeka, kalau di Semenanjung ini merdeka lebih kurang sudah 50 tahun lebih tetapi Sabah kemudian melalui – proses ini pun sudah terlalu panjang.

Jadi saya menyentuh soal pembangunan wilayah seimbang ini iaitu saya melihat kalau di semenanjung ini jarang sekali kita melihat jalan tanah merah, tanah *gravel* yang tanah terpaksa dilalui kalau musim hujan, tanah *gravel* di Sabah ini tidak boleh dilalui sebab lumpur, kalau musim kemarau dia begitu berhabuk, tetapi di Sabah, perkara ini masih banyak. Jadi saya mahu tahu, saya mahu tanya kerajaan sama ada EPU kah, ICU kah, Kementerian Kewangan kah, Kementerian Luar Bandar kah, bila rasa-rasanya pembangunan asas ini dapat dilaksanakan di Sabah khususnya? Bilakah? Bila *timeframe,* bilakah *dateline* akhir dia? Tahun 2020 kah? Tahun 2050 kah? Saya mahu tahu saja bila. Sebab rakyat tanya kita wakil rakyat, wakil rakyat terus seolah-olah kita ini berbohong. Kalau kementerian cakap tahun 2020, kita tunggu tahun 2020. Tidak perlulah saya

bercakap dalam Dewan ini. Tidak perlulah Yang Berhormat Tuaran, tidak perlulah Yang Berhormat Putatan bercakap sebab kita sudah tahu sudah ada masa had limit yang diberikan.

Ini kerana hari demi hari rakyat Sabah bertanya kepada wakil-wakil rakyat. Bertanya dengan saya, Yang Berhormat bila jalan di Karamuak ini dapat dibina, sudah berpuluh-puluh tahun kami minta. Saya katakan saya pun sudah minta dengan kementerian, tidak ada jawapan juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, sila.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab Putatan kena sentuh tadi, saya terpanggil kerana saya bersimpati dengan Yang Berhormat Kinabatangan kerana Kinabatangan ini amat mundur sekali. Beluran pun mundur juga, Tuan Yang di-Pertua. Kalau dibandingkan dengan Putatan, tidak begitu mundurlah. Akan tetapi masalah di Kinabatangan ini, saya dengar Yang Berhormat sejak menjadi Ahli Parlimen, berteriak, menjerit soal pembangunan bukan sahaja di Sabah, bukan sahaja di Kinabatangan tetapi juga di Sabah dan Sarawak. Jadi bagaimana Yang Berhormat Kinabatangan, soal jana kuasa api di Sabah ini dan bekalan air? Bolehkah Yang Berhormat tambah sedikit soal masalah lampu dan jana kuasa elektrik di Sabah?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya terima kasih Yang Berhormat Putatan. Ini masalah asas yang saya katakan tadi jalan raya, air bersih dan juga api elektrik. Jadi kalau saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Termasuk klinik, sekolah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, klinik, sekolah. Saya Tuan Yang di-Pertua, akan sampai ke situ. Kalau jalan *Pan Borneo* ini kerajaan cadangkan ada PFI, rasa saya untuk jalan raya kampung ini pun perlulah ada pelaksanaan PFI. Ini kerana kalau tidak, saya tidak nampak ia akan dapat dilaksanakan oleh autoriti sebab alasan balik-balik saya kemukakan, dia kata kurang peruntukan, tidak ada bajet.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi saya pun tidak tahu bila...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Serdang bangun Yang Berhormat.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Minta sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tuaran juga bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bagi Yang Berhormat Tuaran dulu, dia luar bandar.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Adakah Yang Berhormat Kinabatangan sedar bahawa untuk menaik taraf sesebuah jalan raya, JKR negeri memerlukan lebih kurang RM2 juta hingga RM3 juta sekilometer dan adakah juga Yang Berhormat sedar bahawa di negeri Sabah ini masih lagi lebih 5,000 kilometer jalan raya yang perlu dinaiktarafkan? Ini bererti memerlukan lebih kurang RM10 bilion. Kalau kita lihat dalam Bajet Pembangunan 2015, peruntukan di seluruh negara lebih kurang RM40 bilion sahaja.

Jadi agaknya Yang Berhormat, sampai bilakah kita menunggu supaya semua jalan raya Yang Berhormat katakan tadi yang merah, yang *gravel* itu dapat diturap dan dapat dinaiktarafkan? Adakah dengan cadangan Yang Berhormat tadi memberikan PFI itu akan memberikan satu manfaat kepada negara, memberikan keselesaan kepada rakyat atau macam mana? Terima kasih.

■1550

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Yang Berhormat Kinabatangan, tambah sedikit tentang PFI. Saya hendak tanya sama ada Yang Berhormat Kinabatangan sedar atau tidak bahawa Kerajaan Persekutuan di bawah MoF telah menubuhkan sebuah syarikat yang dipanggil Pembinaan PFI Sdn. Bhd. yang telah membelanjakan sebanyak RM28 bilion? Ini

adalah di luar perbelanjaan pembangunan. Buat masa sekarang, PAC dan juga *Attorney General* pun tidak berapa pasti wang ini bagaimana dibelanjakan. Jadi Yang Berhormat Kinabatangan setuju atau tidak bahawa kemungkinan besar ada Pembinaan PFI ini tidak menyalurkan projek-projek yang Sabah perlu dalam perbelanjaan syarikat ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, pertama Yang Berhormat Tuaran.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Yang Berhormat Kinabatangan. Sepanggar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepanggar bangun Yang Berhormat.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Yang Berhormat Kinabatangan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kinabatangan, apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa perancangan Kerajaan Pusat tidak begitu mengambil serius tentang pembangunan di Sabah? Sebagai contoh, kawasan Parlimen Sepanggar ini berada dalam kawasan *rating area* Dewan Bandaraya Kota Kinabalu tetapi masih terdapat 52 buah kampung yang tidak mempunyai bekalan air bersih. Begitu juga jalan-jalan kampung masih lagi belum diturap. Jadi, apakah Yang Berhormat Kinabatangan bersetuju bahawa isu SSKM dan juga isu kajian semula M63, Malaysia tahun 63 ini ada kaitan dengan isu pembangunan ini? Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Serdang dan juga Yang Berhormat Sepanggar. Yang Berhormat Tuaran, saya dengan Yang Berhormat Sepanggar, kita ini sehati sejiwa. Sebab kawasan kita ini hampir-hampir sama walaupun sebetulnya Kinabatangan ini, Tuan Yang di-Pertua keluasan Kinabatangan sebesar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Beluran dengan Kinabatangan ini hampir sama.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita sejiran ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tuaran jauh sedikit.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kinabatangan dengan Beluran ini jiran lagi, kawasan hampir sama. Ada kawasan menggunakan bot, ada kawasan yang perlu jalan kaki, ada kawasan yang perlu menggunakan helikopter dan macam-macam. Ada masyarakat yang boleh kita jumpa kadang-kadang lima hari baru jumpa. Bukan macam di kawasan lain-lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada kawasan... jalan kaki dua jam ke sekolah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi masalah sekarang ini, saya cadangkan *why* mungkin perlu PFI sebab sejak berpuluh tahun ini jalan raya dan masalah asas ini tidak selesai. Apabila sekolah merubah sistem iaitu Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), satu atau dua sekolah ini saya tengok guru dia kasihan. Terpaksa naik bukit 20 minit cari yang mana ada *line* internet. Itu pun putus-putus, berjam-jam dia menunggu. Akan tetapi kerajaan sudah putuskan sistem PBS. Apabila sistem sekolah itu berlaku tetapi jalan raya dan soal asas tidak berlaku, maka di situlah pertembungan wilayah itu tidak seimbang.

Ini pegawai-pegawai pun KSU kah, ketua pengarahkah mereka membincangkan soal dasar kerajaan, dia tengok Kuala Lumpur. Dia tidak tengok di Sabah dan Sarawak. Itu saya kata, pegawai-pegawai kerajaan ini sebelum dilantik menjadi pegawai tertinggi, harus diberi kursus dahulu. Hantar pergi ke Sabah dan Sarawak, hantar tempat saya satu minggu, biar dia rasa macam mana keadaan di sana. Apabila dia putuskan, kementerian pula tidak memikirkan macam mana, terus terima sistem - inilah sistem yang terbaik. Padahal, sistem ini tidak berkesan pun di Sabah dan Sarawak sebab internet kita tidak ada, jalur lebar kita tidak lebar*, high speed broadband* kita tiada *speed*. Ia *low speed, no band*. Jadi macam mana?

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Ubah kerajaanlah, macam mana?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ubah kerajaan pun tidak akan menjamin apa-apa, lagi teruk. Lagi bankrap ini kerajaan...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Pulau Pinang ada WiFi percuma.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sebab banyak buaya.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Pulau Pinang ada WiFi percuma.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia sama dia pun gaduh.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: *Broadband* yang cepat. Pulau Pinang ada, Pulau Pinang bagus.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia sama dia gaduh macam mana. Banyak buaya. Buaya, naga pun ada. Saya tengok parti pembangkang ini, pilihan raya akan datang, tenggelamlah ini, tidak dapat apa-apa. Sebab buaya sama buaya. Buaya makan naga, tidak tahu makan siapa. Jadi susah.

Oleh kerana itu, saya mahu minta supaya kalau boleh ICU contohnya, menjadi satu pusat yang boleh melihat bagaimana masalah ini boleh diselesaikan. Mesti ada *data bank* yang dipegang oleh kerajaan. Apabila kita tanya, *"EPU Sabah belum mengemukakan permohonan untuk dijadikan sebagai satu keutamaan".* Kalaulah ini kita tendang sana, tendang sini macam bola, saya tengok alamatnya, sebetulnya, kenapa orang-orang muda di Sabah dan Sarawak sentiasa mengatakan lebih baik Sabah dan Sarawak itu keluar daripada Malaysia.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Yang Berhormat Kinabatangan, macam mana dengan PFI?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Belum sampai ke situ Yang Berhormat Serdang. Nanti saya ulas. Itu saya baru Yang Berhormat Tuaran.

Oleh kerana itu Yang Berhormat Serdang, PFI ini, saya tidak berapa maklum tentang maklumat daripada Yang Berhormat sama ada kerajaan mewujudkan syarikat. Akan tetapi pada saya, kalau Pan Borneo itu di Sabah dan Sarawak berjumlah lebih kurang di Sabah RM27 bilion dijadikan PFI. Cuma di Sabah, saya mahu minta, ingin tahu daripada Kementerian Kerja Raya kenapa di Sarawak hari ini mereka akan menganugerahkan peruntukan itu kepada syarikat-syarikat yang dipertanggungjawabkan? Konsultan pun lebih kurang 84 orang konsultan yang dapat habuan daripada PFI di Sarawak ini, ada Pan Borneo. Akan tetapi di Sabah saya nampak, belum ada langkah-langkah bermula pun.

Jadi saya mahu tahu, di mana letaknya kelemahan ini, sama ada di Jabatan Kerja Rayakah, Kementerian Kerja Raya ataupun di negeri Sabah itu sendiri? Kalau di negeri Sabah, saya minta perkara ini dipercepatkan sebab kalau belum pun ada perbincangan awal, saya bimbang, hasrat kerajaan untuk menyelesaikan projek Pan Borneo ini termasuk jalan raya Sandakan – Kota Kinabalu ini akan terbengkalai dan tahun depan pun tidak boleh kita mulakan.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, sila.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kinabatangan, beberapa hari yang lalu, kita nampak Kerajaan Sarawak sudah umum Pan Borneo ini yang akan *toll free,* tidak ada kutipan tol tetapi Sabah sebelah sini belum tahu lagi. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya Yang Berhormat Sandakan, sama ada dia pungut tol atau tidak, yang penting jalan raya ada. Bermakna, kita ada pilihan. Macam di Semenanjung ini ada pilihan. Mahu jalan baik, *highway*, ada mahal sedikit. Mahu jalan ada tol, ada murah. Itu sahaja. Akan tetapi kita di Sandakan, di Sabah ini tidak ada pilihan Yang Berhormat. Jadi apabila tidak ada pilihan, kita jalan dari Sandakan ke Kota Kinabalu, enam jam. Jalan tidak baik sedangkan jalan itu boleh dilalui dua jam setengah. Itu masalahnya.

Jadi saya melihat sama ada bertol ataupun tidak, saya mahu minta Kementerian Kerja Raya memberi maklumat apa sebenarnya yang berlaku. Kalau di sebelah kerajaan negeri yang lambat, maka Kerajaan Negeri Sabah harus bertindak menyahut cabaran ini dengan pantas. Kalau tidak, bermakna ada sesuatu yang perlu. Saya minta juga ICU dan EPU kalau boleh menyelesaikan masalah-masalah asas seperti air bersih, jalan raya kampung. Saya ada kampung iaitu Kampung Keramuak, Kampung Imbak, Kampung Balat, Kampung Kuamut dan Kampung Inarat. Semua kampung ini jalan rayanya, kalau hujan tidak boleh dilalui.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara lagi iaitu berhubung dengan kemalangan jalan raya. Hari-hari ada yang mati, Tuan Yang di-Pertua di Malaysia ini, di Kuala Lumpur, seluruh Malaysia. Saya pun hairan tempat kemalangan ini *mostly* di *same spot*, kawasan yang sama. Kenapa tidak Jabatan Pengangkutan Jalan kita mengkaji kenapa kemalangan berlaku di sini? Apakah puncanya? Apakah jalan raya ini tidak baik ataupun pemandunya sampai di situ fikirannya terganggukah, saya tidak tahu. Akan tetapi pokoknya kemalangan kalau di negara maju sekalipun, saya tidak nampaklah ada kematian berpuluh-puluh. Kalau statistik dalam negara kita ini, satu tahun tidak kurang dari 3,000 nyawa melayang. Yang 3,000 ini Tuan Yang di-Pertua, ada yang berdosa, ada tidak.

■1600

Akan tetapi tidak ada orang yang terlalu menyuarakan. Kalau kena potong IS seorang, ribut satu dunia tetapi kemalangan beribu-ribu begini tidak ada orang yang boleh menyedarkan pemandu-pemandu kita. Bolehkah satu mungkin badan atau agensi yang baru belajar ini dibuat kaunseling sebetul-betulnya bagi mereka pendidikan bahawa kereta itu membawa maut kepada mereka. Tidak ada yang menyentuh soal ini.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soal keselamatan jalan ini kalau kita melihat budaya pemandu di Semenanjung dan budaya pemandu di Sarawak agak berlainan jauh daripada budaya pemandu di negeri Sabah. Saya mahu tanya Yang Berhormat kalau lorong perlahan, kereta laju. Kalau lorong yang laju di sebelah kanan, dia *enjoy* pegang *handphone* macam-macam. Ada yang dengar muzik tutup telinga. Adakah Yang Berhormat setuju dengan saya kalau kita cadangkan Jabatan Pengangkutan ini membuat satu panduan ditulis di atas jalan raya ini dipandu tidak melebihi berapa kilometer sejam dan lorong satu lagi ditulis.

Kalau kita nampak pemandu yang memandu *slow*, lambat dan perlahan di lorong laju ada kamera atau polis tangkap, *fine* dia, dengan izin. Bersetujukah Yang Berhormat kalau begitu? Ini belum ada dicadangkan lagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya saya setuju sebab kita ini pun di jalan raya kita betul-betul memang merasakan kita dianiaya oleh pemandu-pemandu lain. Lebih-lebih lagi pemandu moden Malaysia ini memang panas baran sebetulnya. Salah sedikit kalau tidak usah jauh Tuan Yang di-Pertua, pergi Kemboja ya susah mahu dengar hon kereta. Saya tanya kenapa tidak hon? Dia bilang kita di sini punya budaya kita tidak boleh hon kecuali *emergency*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Di India Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Di India itu berbeza sedikit. *[Ketawa]* Sebab penghuni mungkin terlalu ramai. Jadi sistemnya di India Tuan Yang di-Pertua yang sedihnya di India ini kalau ada seorang mati di jalan raya tidak pun ada orang pergi telefon doktor atau ambulan ambil. Bahkan dipijak lagi yang sudah mati. Ha, ini. Jadi alangkah baiknya negara kita ini tidak ada bersifat begitu. *[Disampuk]* Memang betul, ini pengalaman saya. Saya nampak sendiri. Saya cakap tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan, hati-hati dengan pemandu. Jangan cakap gender Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Ketawa]* Jadi oleh kerana itu, gender tidak apa. Cuma yang penting tetapi jelas saya punya *statement* memang jelas iaitu pemandu-pemandu ini asal perempuan memang *slow*. Itu ya. Lagi pemandu di Malaysia ini apabila kita tegur, tangan dia macam-macam dia buat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Boleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya jangan cakap gender.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ini kita bagi *warning* kepada Yang Berhormat Kinabatangan, janganlah *general* sangat sehingga semua perempuan rasa terhina.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yalah ini untuk menjaga nyawa. Bukan soal gender.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yalah tetapi jangan *general*kan semua pemandu wanita.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Realitinya kalau Yang Berhormat Batu tidak percaya, Yang Berhormat Batu lantik penyelidikan buat penyelidik, cuba selidik. Jangan cakap macam-macam sebab ini *through* pengalaman. Jangan nak menangguk di air keruh.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya ada adik perempuan. Saya ada... Mana statistiknya yang menunjukkan wanita merupakan...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Betul. Mana statistiknya? Yang Berhormat Kinabatangan jangan cakap bukan-bukan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Kinabatangan boleh petik mengatakan pemandu wanita yang membahayakan?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Duduklah, tidak payahlah. Tidak payah hendak bela Yang Berhormat. Jaga kawasan masing-masinglah.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Kawasan saya pun ada wanita juga.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak mengapalah, duduklah. *You* jaga *you* punya wanita sana. Saya jaga wanita saya. Apa masalah? *You* jagalah. Saya melihat bahawa memang realitinya pemandu-pemandu ini terlampau lemah mengakibatkan kemalangan jalan raya, itu sahaja. Saya konsisten dengan kenyataan saya sebab saya melihat apabila kita tegur, marah. Kita nampak sampai menjadi *viral* supaya di *Youtube* orang tua pun dia marah. Ini realiti bukan main-main. Apa yang bilang cakap tidak betul?

Jadi oleh sebab itu saya minta kementerian supaya melihat bahawa jalan raya kita ini banyak yang menjadi perangkap nyawa kepada pemandu. Mungkin jalan raya itu tidak lurus, mungkin jalan raya itu perlu dielemenkan dan sebagainya. Terakhir saya juga...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Kalau jalan raya yang bermasalah, apakah kaitan dengan gender atau jantina pemandu?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat ini masuk campur apa pasal? Tidak dipanggil pun. Nanti Yang Berhormat berucaplah di kawasan, cari populariti bahawa Yang Berhormat Kinabatangan berucap gender, *you* buatlah. Jadi *you* pun dapat undi juga. Tidak payahlah sibuk-sibuk sini. Apa kakilah.

Saya minta kementerian supaya melihat pembangunan wilayah yang diimbangi termasuk juga elemen pembangunan pengurusan ekonomi. Macam mana hendak mempertingkatkan kualiti ekonomi masyarakat luar bandar itu sendiri? Di bandar ini sudah cukup kita bagi berbagai-bagai kursus dan sebagainya tetapi di luar bandar ini peruntukan yang sedikit kita minta pun tidak ada. Sedangkan masih banyak yang berpotensi untuk kita bangunkan, untuk kita bela ibu-ibu tunggal contohnya, masyarakat luar bandar contohnya. Mereka pun mahu berniaga walaupun kecil-kecilan tetapi peluang untuk mendapat akses kemudahan itu tidak ada. Apabila kita kemukakan kepada kementerian, dikatakan peruntukan tidak ada.

Jadi oleh sebab itu saya meminta kementerian yang bertanggungjawab memastikan pembangunan wilayah yang seimbang benar-benar seimbang dari segi ekonomi, dari segi prasarana, dari segi sosial, perkhidmatannya dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Pasir Puteh.

4.06 ptg.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: *Auzubillahi minasyaitonir rajim, Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang diberikan kepada saya untuk lebih kurang lima hingga sepuluh minit ini untuk bercakap secara dasar tentang peruntukan yang telah ditambah untuk kita pada kali ini untuk Perbelanjaan Tahun 2014 sebanyak RM2.2 bilion tambahan peruntukan yang diperlukan untuk pelaksanaan program-program kerajaan dan lain-lain lagi.

Secara umumnya kita tahu bahawa perbelanjaan negara kita agak banyak iaitu RM200 bilion lebih dan ditambah pula dengan RM2 bilion dan sebelum ini pun RM4 bilion. Maknanya lebih kurang RM6 bilion lebih yang diperuntukkan untuk tahun lepas. Walau bagaimanapun, kita berharap *insya-Allah* perbelanjaan sebenarnya yang akan dibelanjakan

oleh kerajaan tidak melebihi daripada peruntukan yang dirancang. Walaupun kita merancang lebih, tetapi kita harap *insya-Allah* dengan segala usaha dilakukan oleh pihak kerajaan untuk berjimat cermat, berhemah dalam perbelanjaan kita *insya-Allah* kita tidak melampaui perbelanjaan yang sepatutnya. Juga fiskal defisit kita tidak melebihi 3.5% atau kurang daripada itu *insya-Allah*. Itulah harapan kita.

Kita ingin mendengar daripada pihak kerajaan bagaimana perkembangan sebenarnya perbelanjaan untuk tahun lepas iaitu tahun 2014. Adakah kita melebihi daripada 3.5% defisit atau berkurangan? *Insya-Allah* kita mengharapkan berkurangan. Sebagaimana kita tahu bahawa di akhir tahun lepas kita menghadapi suatu bencana besar iaitu banjir di beberapa buah negeri di negara kita termasuk di negeri Kelantan dan kita lihat perbelanjaan RM210 juta telah diperuntukkan oleh kerajaan untuk menampung perbelanjaan bantuan bencana banjir ini. Ini adalah suatu peruntukan yang kita harap *insya-Allah* mencukupi tetapi kita tahu bahawa janji yang diberi oleh kerajaan adalah lebih daripada itu sebanyak RM800 juta lebih. Mungkin itu adalah peruntukan yang akan ditambah pada tahun ini.

Jadi kita ingin juga tahu sebenarnya, apakah perbelanjaan yang sebenarnya *insya-Allah* setakat ini yang telah dibelanjakan untuk menyelesaikan pembangunan yang perlu untuk kita menampung kerosakan-kerosakan daripada bencana itu yang berlaku kepada jalan raya, hospital dan juga prasarana-prasarana kerajaan yang lain. Apa yang menarik perhatian saya ialah khususnya di Kelantan ialah hasil daripada banjir ini ialah kesan kepada ekonomi rakyat termiskin di sana iaitu petani-petani dan penternak-penternak yang mana mereka ini menghadapi suatu masa depan yang agak gelap kalaulah tidak diberikan pertolongan dan bantuan oleh pihak kerajaan.

■1610

Saya mengharapkan pihak kerajaan memberi bantuan yang lebih dan cepat untuk membantu mereka ini supaya mereka boleh membangunkan ekonomi mereka kembali. Kalau sawah-sawah mereka itu boleh diperbaiki, tali-tali air yang rosak atau ban yang rosak dan sebagainya atau jalan-jalan raya yang pergi ke sawah-sawah mereka itu dapat diperbaiki dengan secepat mungkin. Seterusnya, boleh membantu petani-petani ini untuk menanam semula.

Akan tetapi apa yang berlaku sekarang ini ialah dengan ketibaan musim kemarau dan ini juga adalah suatu bencana yang kita rasa akan memberi kesan yang besar kepada petani-petani di sana dan hasil-hasil petani. Kalaulah tidak ada bantuan daripada pihak kerajaan untuk menangani dan membantu mereka ini supaya mereka dapat bercucuk tanam atau untuk memberi bantuan kewangan kepada mereka supaya mereka boleh menghadapi kehidupan mereka ketika hasil tanaman mereka itu berkurangan. Mereka tidak boleh mengusahakan sawah ladang mereka atau kalau yang mempunyai ladang getah misalnya, mereka tidak boleh menoreh dan sebagainya.

Jadi, kita lihat suatu masalah yang besar yang dihadapi oleh petani-petani di sana bukan hanya di Kelantan tetapi di tempat-tempat lain juga. Lebih lagi di Kelantan kerana banjir yang menimpa masyarakat di sana memberi kesan yang negatif kepada hasil pencarian harian mereka.

Jadi, oleh sebab itu saya ingin tahu pihak kerajaan perancangan yang seterusnya. Oleh kerana kita lihat perkembangan di bawah sana itu ada yang okey, ada yang tidak okey. Kebanyakan tidak berapa okey. Saya ambil satu contoh sahaja. Dari rumah yang dibaiki atau rumah yang perlu diganti, kerana rumah itu rosak. Lebih kurang 2,000 buah, kita lihat hanya mungkin ada dalam 100 buah sahaja yang dibina. Sedangkan perancangan kita ialah kita hendak bina semua rumah ini sebelum musim Ramadhan atau musim puasa ini. Supaya mereka ini mempunyai tempat untuk kembali ke rumah masing-masing sebelum hari raya puasa. Akan tetapi setakat hari ini pencapaian rumah-rumah yang kita bina sama ada oleh kerajaan negeri atau Kerajaan Pusat tidak sampai 100 buah.

Jadi, ini sudah hampir empat bulan atau tiga bulan lebih, dekat empat bulan. Akan tetapi kita belum lagi dapat membina rumah-rumah untuk tempat tinggal mangsa-mangsa banjir ini yang mana mereka ini berada dalam khemah atau menumpang rumah-rumah saudara mereka.

Jadi, saya berharap *insya-Allah* pihak kerajaan supaya percepatkan usaha mereka untuk menyelesaikan masalah orang kita yang miskin ini, yang tidak mempunyai harapan. Kecuali kepada pihak kerajaan untuk membina rumah-rumah dan juga untuk membantu mereka dalam mereka mencari mata pencarian mereka supaya mereka boleh berdikari dan seterusnya, menampung kehidupan harian mereka.

Kita menyebutkan perkara ini dalam suasana ekonomi kita yang kita semua tahu agak mencabar sekarang ini. Memandangkan kepada harga ringgit kita menurun, harga komoditi kita turun, harga getah turun, harga sawit turun dan juga dalam keadaan kegawatan harga barang naik. Harga semua barang, ini adalah suatu yang belum GST, sudah naik. Tidak tahulah kalau orang yang tidak biasa membeli belah, dia suruh orang lain membeli sahaja mungkin di pasar dan sebagainya, mereka tidak merasai. Ini orang kaya sahaja yang tidak merasai beban daripada kenaikan harga ini.

Bagi suri-suri rumah, bagi mereka yang berpendapatan rendah, mereka merasai kenaikan harga barang. Dijangka juga selepas GST ini harga barang akan meningkat lagi sekurang-kurangnya 2% atau lebih, *wallahu'alam*. Jadi, ini kita akan kiralah, kita akan tengok harga barang sekarang ini berapa sebelum GST dan selepas GST harga barang berapa.

Ini *insya-Allah* dalam perhimpunan kita yang akan datang atau sidang kita yang akan datang kita akan melihat sama ada gambaran yang kita berikan sekarang ini betul atau tidak iaitu harga barang akan naik atau tidak. Keyakinan kita ialah kalau mengikut perkiraan peratus cukai yang dikenakan itu, maka memang harga barang mesti naik hatta barang-barang yang dikatakan *zero rated* pun akan naik juga. Ini disebabkan oleh banyak sebab.

Jadi, kita juga ingin tahu apakah barang-barang yang betul tidak akan naik. Mungkin ini yang dikatakan oleh pihak kerajaan akan ada barang-barang yang akan turun harganya. Akan tetapi apakah barang-barang ini? Kita akan lihat mungkin bulan enam dan tujuh nanti adakah ada barang yang sebegitu. Pada jangkaan saya tidak akan ada barang-barang seperti itu melainkan semua harga barang akan naik.

Mereka yang membayar kenaikan ini ialah pengguna. Siapa sahaja pengguna dan pengguna ini semua rakyat Malaysia, tidak kira yang kaya, tidak kira yang miskin. Bagi orang yang kaya naik 6%, 20%, 60% tidak ada apa, tidak ada masalah. 60% tidak mengapa, tidak ada masalah, harga barang naik 60%, bagi orang yang kaya. Bagi orang yang miskin, naik 5%, 6% adalah berat bagi mereka.

Jadi, inilah yang kita suarakan di sini ialah suara rakyat yang miskin, orang-orang yang lemah, orang yang seperti rakyat kita di kampung, sama ada di Sabah atau Sarawak ataupun di Kelantan. Masalah ini akan dirasai oleh semua, khususnya orang-orang di kampung, khususnya petani dan penternak yang kecil-kecilan di kampung-kampung sana.

Apabila kita bercakap tentang kesusahan-kesusahan yang dijangka ini, maka kita mengajar kepada rakyat kita supaya berhemah dalam pengurusan wang ringgit mereka atau ekonomi mereka. Berjaga-jaga, berhemah, membeli apa yang perlu sahaja, jangan berboros, jangan berlebih-lebih, jangan angkuh, jangan menunjuk-menunjuk, jangan hendak beli benda yang tidak diperlukan.

Ini sebenarnya baik untuk kita kerana inilah juga yang diajar oleh agama kita dan diajar oleh Islam supaya kita ini bersederhana dalam segala yang kita lakukan. Lebih-lebih lagi dalam pengurusan kewangan kita atau apabila keadaan begitu susah atau dalam keadaan ekonomi yang tenat, maka kita kena banyak bersabar. Inilah juga yang kita patut ajar kepada rakyat kita, supaya mereka mesti banyak bersabar kerana, *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* dengan kesusahan ini *insya-Allah* lah akan ada kesenangan.

Bagi saya, GST ini kita tidak boleh elak. Sudah diputuskan dan ia adalah satu bentuk cukai yang dikatakan regresif tetapi ia adalah cukai yang telah ditentukan oleh kerajaan. Maka, kita kena terimalah dan bala dan kesusahannya itu kita kena tanggung dan kita kena bersabar. Dijangkakan *insya-Allah* selepas satu tahun atau dua tahun, *insya-Allah* isu GST ini akan hilang kerana harga itu akan tetap pula. Harga naik sebentar sahaja, satu tahun sahaja akan naik, mungkin 10%, 20% naik harga tetapi tidak mengapa, naik. Selepas itu ia akan stabil dalam keadaan yang mana harga itu akan kekal selagi mana pihak kerajaan tidak mengangkat *rate* itu daripada 6% kepada 10%, 20%. Kalau kerajaan tidak mengangkat *rate* itu, maka *insya-Allah* kita selepas setahun isu GST ini mungkin akan reda.

Saya tidak tahulah pihak kerajaan takut tidak cukup duit lagi, diangkat lagi. Jadi, 10%, 20% atau seperti di sesetengah negara sampai 30%, 40% atau lebih. Mungkin kerana keperluan negara perlu kepada cukai. Memang kerajaan perlu kepada cukai sebagai satu daripada hasil negara untuk pelaksanaan semua program pembangunan negara dan juga emolumen atau gaji-gaji yang hendak diberikan kepada semua, termasuk kita. Semuanya adalah daripada hasil cukai. Jadi, hendak cari mana, sedangkan tidak cukup, perbelanjaan kita lebih, RM40 bilion lebih daripada hasil yang kita dapat setiap tahun. Bagaimana hendak dapatnya? Ini adalah antara salah satunya ialah mengadakan cukai-cukai yang baru.

Walaupun kita tahu cukai ini memang membebankan semua rakyat tetapi terpaksalah kita menerimanya dan kita bersabar. Hendak buat macam mana, Yang Berhormat Bukit Katil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat. Pertama kali saya dengar ada sokongan daripada pihak ini. Ya, Yang Berhormat Bukit Katil.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat menjelaskan tadi tentang GST dan beban yang kita jangka akan diterima oleh rakyat. Justeru, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan baru-baru ini telah pun buat satu kenyataan. Ketua Setiausaha mereka yang menyatakan bahawa Pusat akan menubuhkan satu pasukan khas dan membuka pusat operasi bermula 1 April ini bagi memudahkan orang ramai membuat aduan berhubung kenaikan harga.

■1620

Ini bermakna kementerian ataupun kerajaan juga menjangkakan akan menerima banyak aduan daripada orang ramai sebaik cukai ini dilaksanakan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat setuju untuk kita cadangkan kepada kerajaan agar pusat aduan ini, kita selaraskan secara bersama dengan semua Pusat Khidmat Ahli-ahli Parlimen. Kalau kita hendak tubuhkan pusat operasi yang terlalu sedikit, mungkin tidak akan memberikan banyak kelebihan atau banyak ruang untuk rakyat membuat aduan.

Apa kata kementerian bersetuju untuk kita cadangkan agar 222 Pusat Khidmat Ahli-ahli Parlimen seluruh negara ini beroperasi terus sebagai pusat aduan agar maklumat ini dapat terus kita salurkan dan dibawa dalam Dewan ini untuk perhatian kita. Ini akan menunjukkan bahawa sebenarnya GST ini akan memberikan lebih banyak bala daripada keuntungan. Terima kasih.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Saya rasa ini satu cadangan yang baik. Kalau pihak kerajaan sanggup untuk memberikan tanggungjawab ini kepada pusat-pusat khidmat Ahli-ahli Parlimen untuk menjadi salah satu *center* untuk mengumpulkan maklumat ini, ia adalah satu yang kita alu-alukan.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bagan Serai bangun Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Saya ingin merujuk tadi pada bala yang disebut oleh Yang Berhormat Bukit Katil. Kat manalah dia dapat belajar benda bala ini. Sebanyak 160 negara mengamalkan GST, malah ada negara yang lebih miskin daripada Malaysia tidak pernah berlaku *economic crisis,* masalah dan sebagainya. Betul, pada peringkat awal ada aduan, ada *complain*, itu adalah kejutan-kejutan awal. Macam orang baru, ada kejutan-kejutan awal. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tumpat kerana setuju dengan GST, saya dengar dengan teliti, ini satu-satunya contoh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Puteh Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Pasir Puteh, Yang Berhormat Tumpat mana pula macam ini. Satu contoh yang baik, terima kasih, tahniah.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Saya bukan sangat menyokong GST. Kalau daripada perbahasan dahulu saya bukan sokong GST. Kalau dia memberi kesan dan beban kepada rakyat termiskin, tetapi apabila dibuat keputusan oleh pihak kerajaan dan kita tidak ada pilihan, maka kita kena terima keputusan itu. Tidak kira kerajaan mana pun, Kerajaan Barisan Nasional kah atau satu hari nanti mungkin kita menjadi kerajaan, kita buat satu undang-undang untuk satu-satu cukai yang perlu untuk kegunaan kita, maka kita kena taat dan patut.

Apabila kita laksanakan, kita kena pilih cara yang terbaik bagaimana untuk menangani kesusahan ini. Itulah saya hendaknya. Bagaimana kita hendak tangani kesusahan ini? Kita tahu kesusahan itu akan ada. Semua rakyat akan rasa susah.

Memang semua akan rasa. Tetapi bagaimana hendak mengurangkan. Apa yang saya bimbang lagi, takut-takut kempen kita cukup berjaya, cukup berjaya, apa yang berlaku, ekonomi kita akan mundur lagi, kerana apa? Penggunaan barang-barang, pemberian barang-barang atau market kita itu akan lembap dan ini akan melemahkan lagi ekonomi kita.

Apabila pasaran itu lemah, tiada orang hendak beli, harga barang naik, dan kita kena berjimat semua. Jadi siapa hendak membeli dalam negeri? Tiada orang hendak membeli, jadi ekonomi kita akan merudum lagi, menurun lagi. Bukan mengangkat ekonomi, tetapi mengurangkan ekonomi kita lagi. Melemahkan lagi hasil kita...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Pasir Puteh sudah mula terkeliru balik itu, sudah mula terkeliru.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Kita kena ambil... *[Disampuk]* Saya suka memberikan gambaran yang menyeluruh. Jangan kita ambil secebis sana secebis sini, kemudian kita hendak katakan ini contohnya. Kita tengok daripada seluruhnya. Bagi saya memandangkan kita tidak boleh elak, bahawa GST sesuatu yang perlu dan bagi saya *personally* lah, saya mengakulah saya ini di antara orang yang rasa kita tidak ada pilihan. Kita terpaksa ambil GST ini dan kita buang SST.

Kalau memang SST ini bagi saya, ada kebocoran-kebocoran yang banyak *black money* dan sebagainya yang berada di situ, orang yang lari dari cukai terlalu banyak, tetapi *insya-Allah* dengan GST ini mungkin peniaga-peniaga ini tiada yang lari *insya-Allah.* Akan tetapi syaratnya kena ada satu sistem kawalan yang cukup hebat oleh pihak kerajaan, petugas-petugas kerajaan kita mesti buat kerja betul-betul mengikut aspek pekerjaan, tanggungjawab yang sebenarnya.

Jangan buat melebih atau kekurangan, tidak boleh, kena buat apa yang tertera, tugas itu kena jalan betul-betul, kawalan kita itu. Barulah kita berlaku adil dan kita akan dapat melaksanakan GST ini dengan baik, *insya-Allah* dan mengurangkan kebocoran dan hasil itu, *insya-Allah* sampai kepada kaunter kerajaan, makna masuk dalam duit kerajaan dan kerajaan pula selepas itu *rolling* pada kerajaan pula. Jangan membazir, jangan bocor, jangan ada ketirisan. Ini tanggungjawab semua daripada atas sampai ke bawah. Ini kerana rakyat sudah berkorban, menanggung kesusahan kehidupan ini disebabkan GST. Harga barang meningkat, terpaksa bekerja kuat dan sebagainya untuk menampung kehidupan mereka. Terpaksa kita harapkan pihak kerajaan, pegawai-pegawai kita, menteri-menteri kita, Perdana Menteri semuanya kena ikat perut belaka, seperti mana rakyat kita mengikat perut.

Sebagaimana rakyat kita susah, Perdana Menteri kena orang yang pertama sekali kena bersusah-susah. Tidak payah hendak kereta eksekutif, jet, tidak payah, jual begitu, naik kapal terbang biasa. Lebih selamat. Bagi saya, kalau hendak sabotaj Perdana Menteri, dia bomkan kapal terbang itu hilang Perdana Menteri kita. Akan tetapi kalau kita naik *insya-Allah* pesawat biasa ini, lebih selamat lagi. Dalam suasana IS ini yang ada sekarang ini, kita tidak kenal siapa IS. Adakah orang yang berjanggut seperti saya ini, adalah ahli IS? Atau saya bimbang takut Yang Berhormat Baling ahli IS. Walaupun nampak baik nampak bagus, bercakap macam itu, tetapi kita tidak tahu, kita tidak kenal.

Kita tengok orang-orang yang berani mati yang berkorban itu, mereka ini bukan nampak macam tok lebai, tetapi *gangster* sebenarnya. Bagi saya IS ini gengster-gengster. Inilah *terrorist* sebenarnya, gengster ini. Jadi kita kena ada undang-undang yang kuat untuk mengawal mereka ini. Jangan dikawal orang macam saya ini, atau wakil-wakil rakyat di sini. Apa dosa kita? Apa salah kita? Kita bercakap sahaja menyuarakan suara rakyat dan menasihati kerajaan supaya jaga tanggungjawab, laksanakan tugas itu dengan amanah dan ingat kepada Allah SWT, *Ittaqullah*, kamu adalah pemimpin yang akan menentukan masa hadapan rakyat semua, negara kita, dan masa hadapan kita. Bukan hendak jaga periuk nasi awak dan keluarga awak sahaja.

Ini tanggungjawab yang kita kena lakukan dan ini tugas kita sebagai pembangkang. Kita harap kita ini adalah adik kepada kerajaan, membantu, menasihati. Mana tahu satu hari nanti kita menjadi kerajaan, kita harap pihak sana pula akan menegur kita dengan hujah, dengan kekuatan dan menegur betul-betul tegurlah. Kena kuat teguran itu. Kalau lembik-lembik, tidak jadi. *[Disampuk]* Teguran itu mesti kuat. Lebih-lebih lagi dalam Parlimen kita ini supaya semua dapat mendengarnya. Kalau tidak tiada siapa hendak dengar.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Silakan adik 'ambo' daripada Machang.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Saya setuju kita ini pemimpin semua akan ditanya apabila kita berhadapan dengan Allah SWT di hari akhirat nanti. Dia tidak kira, dia tanya ini. Sebab nanti di akhirat, Tuhan tidak tanya kita kamu ini wakil rakyat Barisan Nasional atau wakil rakyat PAS? Dia tanya semua. Kamu ini Kerajaan Pusat atau kerajaan negeri? Dia tanya semua.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat, kalau kita janji tetapi kita tidak buat, contoh janji hendak buat jambatan, tidak buat, janji hendak buat stadium tidak buat, janji hendak buat lebih raya tidak buat. Macam-macam janji tidak buat. Janji itu sama ada janji niat hendak buat atau janji memang janji niat tidak hendak buat. Ini juga ditanya oleh Allah SWT. Maka dalam soal ini apa pandangan Yang Berhormat kalau bukan sahaja kita kena memperbetulkan kerajaan yang ada, tetapi kerajaan yang sedang kita perintah hari ini pun kita kena perbetulkan juga. Kalau tidak mampu, jangan janji. Cakap terang-terang bahawasanya kita tidak boleh buat apa, kita serah pada Kerajaan Pusat. Apa pandangan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh habiskan ya Yang Berhormat.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih adik saya dari Machang. Itu adalah teguran yang baik dan saya rasa teguran ini patut diajukan di Dewan Undangan Negeri, lebih baik dari sini. Janji macam mana? Kita sekarang ini apabila kita mengeluarkan bajet tahunan kita, maka ia adalah...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Hendak jawab sedikit, *before I forget.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masa sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Setujukah Yang Berhormat Pasir Puteh bahawa yang lebih teruk bukan janji tidak buat kerana tidak mampu, kerana telah dianaktirikan oleh Kerajaan Pusat, tidak dapat royalti minyak. Akan tetapi yang lebih teruk adalah yang janji bina stadium, bina jambatan tetapi jambatan pun runtuh, stadium runtuh, itu lagi teruk.

■1630

Seorang Ahli: Hospital pun runtuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Pasir Puteh boleh habiskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Baik Tuan Yang di-Pertua, saya jadikan ia sebagai sebahagian daripada ucapan saya, *insya-Allah*. Itu adalah janji-janji yang diberikan oleh kerajaan khususnya bajet yang kita adakan itu ialah janji yang kita hendak buat untuk tahun depan. Setiap kerajaan, sama ada kerajaan negeri ataupun Kerajaan Pusat mereka membuat janji untuk mereka laksanakan. Ada yang dapat dilaksanakan, ada yang tidak dapat dilaksanakan. Banyak bergantung kepada bajet atau hasil yang dapat dikumpulkan oleh kerajaan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Kalau hasil itu banyak maka *insya-Allah* janji itu dapat dilaksanakan. Begitulah juga kerajaan negeri atau mana-mana kerajaan, tiada niat bagi mana-mana kerajaan untuk memungkiri janji. Ini kerana ia akan direkod dalam *Hansard*, dalam *statement* kerajaan, semuanya akan direkod. Akan tetapi sama ada dapat dilaksanakan atau tidak, banyak bergantung kepada kewangan yang ada. Itulah juga jawapan-jawapan yang telah diberikan oleh pihak kerajaan.

Jadi saya harap *insya-Allah,* untuk negeri Kelantan pun *insya-Allah* tidak akan diabaikan, tidak dianaktirikan. Sebagaimana yang kita dengar daripada Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Putatan bahawa negeri Sabah dan Sarawak dianaktirikan. Saya rasa Kelantan lagi dianaktirikan. Kalaulah Sabah dan Sarawak boleh mengaku mereka ini dianaktirikan maka saya ingin perjelaskan lagi bahawa Kelantan lebih dianaktirikan lagi. Sabah dan Sarawak ada Pan Borneo. Saya pergi ke Sabah dan Sarawak saya lihat pembangunannya jauh lebih hebat dari Kelantan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pasir Puteh macam hendak *landing* sudah tadi.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Sudah hendak *landing,* hendak *landing* ini. Hendak *landing* dia kena laju sedikit. Jadi, saya rasa Kelantan lebih dianaktirikan lagi. Sabah dan Sarawak dapat royalti, Kelantan tidak nampak apa-apa. *[Disampuk]* Kelantan dijanjikan dengan lapangan terbang yang akan dipanjangkan, lama sudah hendak dipanjangkan landasan kapal terbang itu tetapi tidak dilaksanakan. *Highway* sampai sekarang tidak lagi dapat dilaksanakan. Sama ada Lebuhraya Pantai Timur (LPT) tidak siap lagi, tidak tahu. Dia kata setakat Besut sahaja, sekarang setakat Kuala Terengganu dan akan dibuat sampai Besut, tidak hendak dibuat sampai ke Tumpat. Itu suatu penganiayaan, kezaliman yang besar sebenarnya yang dilakukan.

Kita harap *insya-Allah* kita perbetulkanlah. Kita minta daripada Kerajaan Pusat supaya perbetulkan. Kelantan *contribute* banyak pada Malaysia ini. Orang tanya apakah Kelantan bagi pada Malaysia ini? Kelantan bagi profesional-profesional yang banyak pada Malaysia. Kelantan mengeluarkan banyak intelektual dan juga pemikir untuk membantu Malaysia ini. Menteri pun ada dari Kelantan. Wakil rakyat dari Kelantan pun ada. Kalau kita lihat kepada jutawan-jutawan yang banyak di Malaysia ini hasil daripada anak-anak Kelantan, ramai dan lebih pada itu ulama-ulamanya. Tiada negeri di Malaysia ini yang mengeluarkan ulama seramai negeri Kelantan. Inilah hasil keluaran Kelantan, kita *contribute* untuk Malaysia, yang pergi ke Sabah, yang pergi ke Sarawak. Ramai dari Kelantan, jadi guru-guru dan ustaz-ustaz di sana. Rata-rata dalam TV, dalam radio ramai daripada Kelantan. Kita *contribute* pun banyak.

Bukan itu sahaja banyak lagi hasil-hasil dalam negeri. Banyak yang kita *contribute* tetapi apakah yang Kerajaan Pusat beri pada Kelantan? Pembangunannya. Bagi saya, saya tidak *jealous* sebab kita adalah manusia yang suka memberi lebih daripada mengemis dan meminta. Kita memberi, kita berdikari lebih baik daripada kita bergantung kepada orang. Bagi saya, tidak apalah kita tidak akan bising seperti Sabah dan Sarawak ataupun daripada Yang Berhormat Kinabatangan atau Yang Berhormat Putatan. Akan tetapi kita akan menyuarakan apa yang terbaik untuk Malaysia. Kelantan *insya-Allah* akan terus memberi saham kepada pembangunan Malaysia ini dan memberi kekuatan kepada Kesatuan Malaysia, *insya-Allah*. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

4.34 ptg.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:

Melati kuntum tumbuh melata,

Burung murai di pohon cemara,

Assalamualaikum bermulanya kata,

Bagan Serai mula membuka bicara.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang dan peluang ini untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2014. Saya ingin merujuk kepada transformasi Malaysia untuk menjadi negara maju, transformasi Malaysia untuk menuju Wawasan 2020. Dari tahun 1990-an iaitu wawasan ekonomi sehingga kini hanya tinggal lima tahun. Bermula daripada 30 tahun untuk sampai tahun 2020, hari ini tinggal pusingan terakhir. Pusingan terakhir, *the last mile* iaitu lima tahun sebelum kita kerajaan mengumumkan RMKe-11. Jadi, inilah pusingan yang sangat penting di mana kerajaan dan juga rakyat mesti memberikan tumpuan sepenuhnya. Membuat usaha yang semaksimumnya, mendapat lonjakan keistimewaan yang sebaik-baiknya sebab

lima tahun tidak lama. Lima tahun ini kita berhasrat untuk menjadi negara maju untuk mencapai Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengimbau kembali transformasi yang telah berlaku. Kalau kita lihat transformasi ini meliputi pelbagai aspek. Transformasi ekonomi, transformasi masyarakat, transformasi minda, transformasi pembangunan dan infrastruktur dan pelbagainya. Jadi hari ini inilah perkara-perkara yang kita sedang fikirkan bagaimana untuk mencapai kejayaan untuk bumi Malaysia yang tercinta. Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum ada banyak isu utama untuk kita menuju kepada Wawasan 2020. Pertamanya, momentum pertumbuhan ekonomi kita sering terganggu dengan kejutan-kejutan luar negara seperti harga minyak, seperti krisis kewangan. Kejutan-kejutan ini menyebabkan kita tersentak dan terpaksa berfikir dan berusaha supaya negara tidak mengalami kesusahan.

Kita sedia maklum bahawa sistem pendidikan yang ada sekarang di negara kita ini, dengan sistem Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM). Kita mengharapkan lahirnya modal insan yang dapat mendukung usaha ini. Kita harap dapat melahirkan modal insan yang dapat bawa Malaysia menuju ke negara maju. Hari ini kita lihat dalam kajian telah menunjukkan, telah diisytiharkan oleh Menteri Pendidikan pun bahawa kita agak terkebelakang dalam subjek-subjek Sains dan Matematik. Masih lagi kita terkebelakang sebab itu kerajaan menumpukan topik-topik ataupun subjek seperti Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik supaya kita dapat menggarap apa yang perlu untuk mencapai negara maju untuk mencapai kejayaan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak lama lagi akan mengumumkan program-program untuk memperkasakan teknikal dan vokasional yang kita sebutkan TVET supaya Malaysia melahirkan tenaga-tenaga mahir. Akan sampai waktunya apabila *plumber,* orang yang hendak buat paip adalah orang yang profesional. Akan sampai masanya orang yang hendak buat *wiring electrical* adalah orang yang profesional. Mereka ini orang profesional yang ada SOP yang tersendiri. Jadi sebagai negara maju kita tidak boleh pergi ambil siapa-siapa untuk buat. Dia tidak ada standardnya yang patut diikuti. Jadi ini yang perlu negara fikirkan supaya kita mencapai kejayaan-kejayaan ini.

Perkara ketiga ialah negara juga dibelenggu oleh isu-isu perpaduan yang timbul, isu-isu perpaduan etnik disebabkan hari ini oleh media sosial yang begitu berleluasa. Media sosial ini bagus, tentulah bagus. Dahulu saya belajar di kolej perubatan bawa buku tebal-tebal, bawa beg besar-besar tetapi hari ini ilmu di hujung jari. Sambil berjalan sambil berehat di mana di tempat solat pun kita boleh lihat kita boleh capai. Media sosial ini kalau saya ibaratkan, ibarat pisau. Pisau ini tajam, pisau ini boleh jadi baik boleh jadi tidak baik. Kalau pisau dapat pada orang yang baik dia potong buah, dia potong ikan. Pisau ini dia guna untuk potong kayu. Akan tetapi kalau dapat pada orang yang tidak baik pisau ini digunakan untuk bunuh orang, pisau ini digunakan untuk tetak orang, pisau ini digunakan untuk benda-benda yang tidak baik.

■1640

Jadi benda yang Allah SWT ciptakan hari ini adalah benda yang baik tetapi telah digunakan dengan cara yang salah ataupun oleh orang-orang yang salah yang tidak betul.

Kita lihat kepada media sosial hari ini. Terjadinya hasutan-hasutan, terjadinya kata-kata yang boleh menimbulkan kebencian, terjadinya perbualan harian yang boleh menimbulkan perpecahan. Ini kerana orang ini terlampau fanatik dengan media sosial ini. Sampaikan bermain dengan internet ini, bangun pagi, mana buka dulu? Buka *hand phone* dulu atau buka Al-Quran dahulu? *[Disampuk]* Buka Al-Quran dulu, ya? *Alhamdulillah*. Mana dulu? Lepas itu mahu tidur nanti kita tengok hendak tutup dengan Al-Quran atau main *hand phone* sampai tertidur? Jadi sudah jadi macam satu fanatik, satu *addiction,* satu ketagihan. Berapa orang yang hari ini boleh jalan tanpa bawa *hand phone* untuk lihat?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Celahan. Apa pandangan Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Apa pandangan Yang Berhormat tentang *addiction to social media* ini, Ketua Polis Negara kita yang *addicted* dengan *Twitter?* Dia tidak henti-henti hendak buat *Twitter* sehingga kita tidak sedar sama ada kadar jenayah kita dikawal atau tidak tetapi dalam *Twitter* dia sentiasa ada. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Macam yang saya kata tadi, pisau itu dia boleh jadi baik dan boleh jadi tidak baik. Sama ada *Facebook* kah atau *Twitter* kah, ia bergantung kepada orangnya. Ketua Polis Negara telah menggunakan dengan terbaik. Itu sebab kita lihat orang-orang yang buat benda tidak baik kena tangkap. Selepas itu dia bising sini sana, *"Kenapa saya ditangkap?"* Jadi ini masalahnya. Jadi saya hendak tekankan sekali lagi, media sosial bagus tetapi penggunaannya itu. Penggunaannya itu kita mesti betul.

Seperkara lagi Tuan Yang di-Pertua ialah tentang perkongsian kejayaan. Kita lihat hari ini perkongsian kejayaan, kekayaan dari sektor-sektor *business* dan sebagainya, kita lihat bumiputera agak ke belakang hari ini. Sebab itu hari ini kerajaan sedia maklum dan kita semua sedia maklum. Dalam tempoh 20 tahun kita hendak pergi kepada Wawasan 2020, ini masalah-masalah utama. Sebab itu kerajaan buat bermacam-macam rasionalisasi, bermacam-macam program untuk membawa negara ini rapat kepada negara maju. Inilah timbulnya GST.

Saya tadi sudah seronok dengar Yang Berhormat Pasir Puteh tadi tetapi Yang Berhormat Pasir Puteh hari ini sekejap dia *clear,* sekejap dia *cloudy.* Sekejap dia *clear*, sekejap dia *cloudy*. Sekejap dia betul, sekejap macam dia tidak berapa betul. Entah apa. Kalau ikut Yang Berhormat Bukit Katil tadi, apa bala dia dapat saya pun tidak tahu. Walau bagaimanapun, tahniah saya ucapkan.

GST ini bukan benda baru. Ia ialah penstrukturan semula. Penstrukturan semula cukai. Sebanyak 169 buah negara daripada 193 buah negara melaksanakan GST. Bodohlah kalau mereka melaksanakan GST ini kalau GST ini mendapatkan bala. Sehinggakan ada 28 buah negara yang lebih dikatakan pendapatan lebih kurang dari Malaysia tetapi berjaya melaksanakan GST.

Tuan Yang di-Pertua, kita ini hendak jadi negara maju lima tahun lagi. Kita sampai masanya untuk kita tukar dan kita gunakan polisi-polisi untuk negara maju, bukan polisi-polisi untuk negara miskin. Kita lihat GST ini, yang kita kira 6% adalah terendah di kawasan kita. GST ini juga adalah lebih efektif...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Mencelah sedikit.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: ...Lebih efisien, lebih telus dan lebih mesra perniagaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Ampang bangun.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang penting sekali ialah GST ini dia dapat mengelakkan daripada ketirisan, kebocoran dan daripada penipu-penipu yang tidak membayar cukai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Ampang bangun.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Silakan.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya kepada – siapa ini? Daripada mana ini?

Seorang Ahli: Bagan Serai.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Yang Berhormat Bagan Serai, *sorry* tidak nampak.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tidak tahu tidak payah tanyalah.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Maaf, saya tidak nampak. Cuma saya hendak penjelasan sedikit, Yang Berhormat Bagan Serai. Yang Berhormat Bagan Serai sibuk kata kita akan menjadi negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020 maka kena ada GST dan sebagainya. Bagaimana dengan tahap gaji minimum dalam negara kita ini? Masih lagi satu tahap yang rendah. Hampir 40% rakyat kita masih lagi mengalami kadar gaji yang rendah dan tahap kemiskinan kita adalah di tahap RM720. Bagaimana kita hendak mampu menyelaraskan sampai ke tahap pendapatan tinggi sedangkan keadaan kita masih jauh lagi daripada mendekatkan golongan yang berpendapatan rendah ini untuk ke pendapatan tinggi.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Itulah kerajaan kata itu gaji paling minimum. Kalau ada orang yang buat berniaga, yang untung banyak, janganlah bagi

RM900. Bagilah RM1,000. Bagilah RM1,200. Kenapa kedekut sangat? Awak sudah untung banyak, awak ada pekerja... Kita sudah kata tadi kita hendak jadi rakyat yang bertanggungjawab. Kerajaan meletakkan gaji minimum RM900. Ini sudah tahu RM900 itu susah hidup dia, bagilah lebih. Kalau awak untung banyak, apa salah untung itu dikurangkan sedikit. Untung sudah banyak, kurangkan sedikit. Bagi orang lain. Itu namanya amal jariah. Itu namanya orang bertanggungjawab. Itu namanya orang yang berfikir. Jadi kita kena fikir itu. Kerajaan memang tengah fikir bagaimana untuk menaikkan gaji minimum. Kita sudah dapat dengar perbincangan. Jadi ini penting sekali.

Jadi GST ini saya rasalah, yang pertamanya, ia telah ditakut-takutkan banyak sangat. Sudah ditakut-takutkan banyak sangat. Sebenarnya GST ini, 1 April, lagi berapa hari ini, semua orang menunggu dengan debaran. Debaran takut kah, debaran seronok?

Seorang Ahli: Takut!

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Takut. Itulah masalah. Ini kerana ia telah menakut-nakutkan orang. Sepatutnya debaran kita, kita hendak pergi ke negara maju. Pendapatan negara akan jadi lebih. Akhirnya kerajaan akan bagi kebajikan, kerajaan akan buat hospital, buat jalan raya, pendidikan yang lebih baik, sebab ini matlamat kerajaan. Mana ada kerajaan hendak bagi bala kepada rakyat. Mana ada kerajaan berfikir begitu. Jadi GST adalah fikiran yang baik sebenarnya. Patutnya kita tunggu 1 April dengan penuh debaran macam orang hendak kahwin. Dengan penuh debaran.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Yang Berhormat Bagan Serai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Parit.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Silakan. Abang long.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setujukah Yang Berhormat Bagai Serai kalau saya katakan bahawa penentang-penentang GST ini sebenarnya hendak melindungi golongan yang hendak mengelak membayar cukai? Setujukah?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Itulah, saya setuju. Yang Berhormat Parit ini orang yang cerdik. *Very clear* fikirannya. Sebab kita hendak lari ini. Kerajaan rugi banyak duit kerana ada orang lari macam ini. Jadi yang takut sangat ini orang yang larilah. Saya tidak tuduh sesiapa. Orang yang lari ini dia takut sebab dia rasa bayar cukai ini satu *punishment*, satu hukuman kepada dia sedangkan bayar cukai ini nawaitu kita adalah sifat berkongsi. Bersama-sama kita berkongsi. Bertolong-tolong ke arah kebaikan. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Ini yang patut kita fikirkan. Bukan kita tuduh sini tuduh sana dan bagi orang takut.

Betul, ada kejutan-kejutan. Akan ada kejutan. Kita naik kapal terbang kadang-kadang ada kejutan-kejutan, tetapi kapal terbang itu jalan juga. Akan ada kejutan-kejutan sebab harga akan berubah. Ada barang naik, ada barang turun. Ada barang tidak ada kesan. Contohnya kereta. Kereta dahulu 10%, sekarang 6%. Dia turunlah. Ada barang-barang naik, ada barang-barang turun.

Ada golongan hari ini dok cerita pasal barang naik sahaja. Dia bangun, bangun. *"Naiklah, balalah. Naik, naik."* Naik sahaja, tidak ada apa yang turun. Kalau naik selalu pun bahaya juga. *[Disampuk]* Barang apa naik? Kena tanya dialah. Barang dialah naik. Jadi ini sangat penting kerana saya rasa saya hendak cerita ini Tuan Yang di-Pertua, cerita GST ini sepatutnya kita tidak payah takut sampai macam itu. Kerajaan bukan pakai buat GST. Segala-gala sudah dibuat.

Penerangan, komputer, bagi bantuan perakaunan, macam-macam dia buat. Ada buka pula stesen untuk soalan-soalan mari. Apabila GST dimulakan di Australia, dalam bulan pertama, bulan kedua, ketiga itu beribu-ribu soalan. Beribu-ribu *complaint* datang. Akan tetapi lama-lama *complaint* itu turun, turun dan reda. Orang sudah tenang. Selepas enam bulan, selepas setahun, sudah okey. Semua sudah jadi stabil. Ini kejutan-kejutan kita kena terima. Kita harap semua rakyat bersedia untuk terima.

Macam kita hendak puasalah. Esok Ramadan. Malam ini kita puasa. Kita bangun sahur dan kita puasa esok. Hari kedua, kita tidak bangun sahur. Macam mana puasa? Macam nak pengsan rasa. Sebab apa? Ada orang kata, *"Aku tidak bangun sahur, matilah aku"*. Akan tetapi setelah berpuasa 20 hari, hari yang ke-21 tidak bangun sahur, ada masalah atau tidak? Ada masalah atau tidak? Pernahkah orang tidak bangun sahur hari ke-

21 dan dia terus puasa. *Steady* sahaja. Tidak ada apa. *"Alah bisa tegal biasa".* Jadi ini yang kita kena fikir.

Kejutan-kejutan awal akan berlaku tetapi GST bukan akan menyusahkan. GST akan memberikan kebaikan. Kita tunggulah. Ada golongan-golongan yang kata – dulu-dulu ingat tidak masa jambatan Pulau Pinang baru hendak buat, apa orang kata? Ada golongan-golongan tertentu kata membazir. Membazir. Selepas itu apa lagi? KLIA membazir. Membazir. Sekarang ini Putrajaya membazir.

■1650

Ada yang kedua pula, elok sahaja, cantik sahaja naik. *[Disampuk]* Hendak buat terowong-terowong tidak main. KLIA2 ada lagi. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, GST ini *Insya-Allah* Taala, lagi dua tahun atau tiga tahun dan sebagainya, semua orang merasa bangga pula.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Semua orang merasa bangga, kerajaan yang bertanggungjawab, yang berani telah melaksanakan GST untuk rakyat Malaysia!

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Bagan Serai.

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, dua yang bangun. Yang mana satu?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Kuala Kangsar ya.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa pandangan Yang Berhormat Bagan Serai tentang pandangan sempit Yang Berhormat Ampang tadi? Dia melihatkan pendapatan cuma seperkadar gaji sahaja, sedangkan pendapatan itu datang daripada pelbagai sumber dengan pendapatan daripada dividen ASB, ASN, Tabung Haji. Apabila GST telah dapat menaikkan peningkatan ekonomi negara, sudah tentu dividen-dividen ini ataupun pendapatan lain sudah naik. Apa pandangan Yang Berhormat Bagan Serai dan dengan transformasi kerajaan melalui GST ini akan dapat dilaksanakan supaya pendapatan dapat dipertingkatkan bukan gaji sahaja? Terima kasih.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Betul, Yang Berhormat Kuala Kangsar itu pendapat orang yang bijak. Itu pendapat orang yang bijak. Orang yang *clear*. *Mind* dia *very clear. Very clear. [Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh sedikit tentang kawalan harga. Baguslah, kawalan harga dibuat, selepas itu buat kempen turunkan harga. Saya rasa yang lebih penting ialah menentukan di mana di rantaian pembekalan itu orang yang memonopoli dan yang memanipulasikan harga. Kenapakah dia hendak ambil untung? Atau memang dia sudah untung, termasuklah dengan GST ini. Biasanya untung banyak ini, *[Sambil menunjukkan isyarat tangan]* dengan GST mungkin dia untung sikit tetapi dia hendak untung banyak. Sepatutnya dia naikkan gaji pekerja dia, tetapi dia tambah lagi bagi mahal.

Akan tetapi kita ini, rakyat yang jadi pengguna, apa rakyat patut buat? Pertama, rakyat patut mendapat informasi. Contohnya, KPDNKK telah bagi informasi, telah bagi buku panduan dan sebagainya. Tadi Yang Berhormat Pasir Puteh ada sebut menjadi pemuda yang berhemah, yang hikmah, yang cerdik, yang apa lagi. Kita kena jadi pengguna yang macam ini. Apa maksud saya? Kalau kita suka, kalau kita rasa karang kita hendak makan *pizza,* kita ke *Pizza Hut*, mahal atau murah? Kalau makan *pizza* di *Pizza Hut* itu mahal, kita orang cerdik, kita pergilah beli *pizza* di pasar malam. *[Disampuk]* Akan tetapi kalau *pizza* di pasar malam pun tidak bertanggungjawab dia naikkan harga, balik buat *pizza* di rumah. Mana sedap? *Pizza* di kedai atau *pizza* isteri buat? *[Disampuk]*

Saya ambil teh tariklah senang. Kalau kita hendak minum kopi, kita minum kopi di *Starbucks* mahal atau murah? *[Disampuk]* Akan tetapi kita rasa mahal kita pergi minum kopi di restoran mamak kah, kedai mamak ada. Kalau kedai itu pun menaikkan harga, senang sahaja kita buat, kita balik buat kopi di rumah. Mana lagi sedap? Kopi di kedai mamak atau kopi yang isteri kita buat? *[Disampuk]* Kopi apa? Kopi Jantan. Terpulang pada kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua yang penting sekali ialah sikap dan tanggungjawab. Rakyat Malaysia kena jadi orang yang bertanggungjawab dan ubah sikap dia. Dia jangan tamak dan haloba memanipulasikan harga, memonopoli barang. Ini sangat penting sebab ini bersangkut paut dengan yang kita katakan dengan GST tadi sebab ada orang akan ambil kesempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada kerajaan. Apakah sebenarnya tindakan-tindakan kerajaan seterusnya yang akan membawa kita ke Wawasan 2020 menjadi negara maju? Sejauh manakah dapat kita tangani masalah-masalah yang saya utarakan tadi. Ia sangat penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bawa sedikit masalah yang saya selalu cakapkan banyak kali di Parlimen di Dewan ini juga tentang pendidikan di kawasan Parlimen Bagan Serai. Di Parlimen Bagai Serai ini, kita ada sekolah biasa sahaja. Kita tiada MRSM - Parit ada MRSM, bukan? Kita tiada Sekolah Berasrama Penuh (SBP). Gerik ada Sekolah Berasrama Penuh. Sepuluh daerah di negeri Perak semua ada, Bagan Serai, Daerah Kerian tiada. Parlimen Bagan Serai, tidak ada universiti.

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bagan Serai, ada GST esok adalah MRSM di Bagan Serai.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Amin. Amin. Kita rasa kita hendak terlibat dengan pembangunan yang akan ada ini, dengan pembangunan infrastruktur seperti jambatan baru Pulau Pinang seperti *highway, exit highway* dan juga *double tracking* yang dibuat melintasi Parlimen Bagan Serai. Kita tidak mahu ketinggalan dengan arus pembangunan ini.

Saya ingin menyebut sekali lagi permintaan untuk membina sekolah baru di Jalan Baharu iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Pelaga Perdana, diberi nama dulu di Jalan Baharu dalam Parlimen Bagan Serai. Pengambilan tanah ini telah dibuat sebanyak 15 ekar pada Jun 2007, pembayaran pampasan telah dibayar pada Ogos 2007 dan dijangkakan dalam lima tahun, pelajar-pelajarnya ada 2,000 orang, beroperasi.

Tuan Yang di-Pertua, sekolah ini mendapat *feeder* dari Sekolah Kebangsaan Jalan Baharu, Tanah Kebun, Seri Siakap, Parit Tok Ngah, Sekolah Kebangsaan Sungai Burong, SJK(C) Wai Sin dan pelajar-pelajar ini bila tamat akan pergi ke sekolah yang ada sekarang iaitu Sekolah Menengah Sri Kurau, Seri Perak, Panglima Bukit Gantang dan Sekolah Fian. Jarak antara rumah dengan sekolah di antara 16 hingga 28 kilometer. Anak-anak ini, bangun pagi seawal 4.00 pagi atau 5.00 pagi, sebab sembahyang subuh di sekolah, bas tiada. Kadang-kadang bas ada, tetapi kadang-kadang tiada. Mereka ini kalau pelajar petang, keluar dari rumah pada pukul 10.00 pagi, balik lebih kurang pada pukul 8.00 malam.

Kita lihatlah, kalau mereka tiada alternatif lain, kadang-kadang ibu bapa terpaksa menghantar dan mengganggu pekerjaan mereka untuk mencari makan. Jadi sekolah ini Tuan Yang di-Pertua, betul-betul amat perlu. Sudah lama diberi tanah, diberi peralihan tanah dan sebagainya. Saya selalu berbincang dengan pihak pentadbir sekolah di Parlimen Bagan Serai dan memohon sangat supaya kerajaan memberi tumpuan pada ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Yang Berhormat Bagan Serai, boleh sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Jelebu.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sila.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak ada perkara yang hendak ditanyakan cuma hendak minta supaya boleh atau tidak Yang Berhormat Bagan Serai masukkan sebahagian ucapan Yang Berhormat Bagan Serai berkaitan dengan sekolah tadi itu untuk memastikan keberkesanan dalam transformasi itu? Jadi di kawasan saya di Jelebu, tahun lepas pun saya sudah bangkitkan. Satu-satunya daerah yang tidak ada PPD sendiri. Ia digabung dengan Daerah Jempol. Negeri Sembilan ini sahaja daerah yang boleh dipecahkan. Jadi saya telah pun mengemukakan cadangan permohonan kepada kementerian agar PPD di Jelebu-Jempol itu dipecahkan ataupun diasingkan pentadbirannya secara tersendiri yakni Jelebu dan Jelebu, Jempol dan Jempol. Ini membolehkan keberkesanan transformasi yang dikehendaki itu. Itu yang pertama.

Keduanya, ada dewan di Sekolah Menengah Lui Barat, satu-satunya sekolah menengah dalam satu gugusan seluruh kawasan Dewan Undangan Negeri Lui, yang dewannya sehingga ke hari ini tidak dapat CF lagi. Jadi menyebabkan rosak dan sebagainya yang memerlukan baik pulih yang besar. Ini saya memohon Yang Berhormat Bagan Serai kalau boleh dimasukkan dalam sebahagian ucapan Yang Berhormat Bagan Serai sebab tidak ada peluang untuk saya cakap mungkin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ya. Yang Berhormat Jelebu ini orang yang bijak, ini Jelebu. Jadi saya mohon supaya ucapan Yang Berhormat Jelebu tadi dimasukkan dalam perbahasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukup setakat ini dan saya, Parlimen Bagan Serai menyokong Akta Perbekalan Tambahan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, tinggal lagi dua minit. Sila Yang Berhormat Menteri jawab.

4.58 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada sembilan orang Ahli Yang Berhormat yang turut membahaskan dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2014) 2015, terutamanya nombor satu, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, KDNK negara terus berkembang sebanyak 6% bagi keseluruhan tahun 2014 berbanding dengan 4.7% pada tahun 2013. Defisit fizikal pula pada tahun 2014, walaupun terdapat perbekalan tambahan kali kedua ini, defisitnya masih akan kekal pada 3.5%. Pada akhir tahun 2014, hutang Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah sebanyak RM582.8 bilion atau 54.5% daripada KDNK negara kita.

Sebenarnya, kalau kita melihat terutamanya daripada segi defisit negara kita, ada beberapa tahun yang mana saya juga mendapat statistik bahawa negara kita sebenarnya mencatat defisit yang lebih baik daripada yang dirangka. Sebagai contoh untuk tahun 2013, yang kita menjangkakan ialah sebanyak 4% kita mencatat *actual* sebanyak 3.9%. Tahun 2010, 5.6% kita mencatat 5.4% dan tahun 2011, 5.4% kita mencatat 4.8%.

■1700

Maka pada tahun 2015, kita menjangka defisit kita akan menurun sehingga 3.2%. Untuk hutang luar negara, saya harap memberi sedikit sebanyak gambaran dan juga penjelasan kerana ada banyak pertanyaan mengenai hutang luar negara. Sebenarnya ada dua, iaitu hutang kerajaan di mana ia adalah sebanyak 54.5% daripada KDNK di mana dari hutang kerajaan yang merupakan pinjaman daripada luar negara adalah sebanyak RM16.8 bilion atau 2.9%.

Untuk hutang luar negara, ia sebenarnya merangkumi kalau melihat definisi yang baru banyak boleh dikatakan kriteria atau boleh dikatakan faktor-faktor yang baru dirangkumi dalam definisi baru. Sebagai contoh dalam definisi baru, terdapat pinjaman antara bank dalam mata wang asing, pinjaman antara syarikat dalam mata wang asing, pinjaman lain termasuk pinjaman antara syarikat tidak berkaitan, kredit perdagangan iaitu LC, pemegangan instrumen pasaran wang domestik oleh bukan pemastautin *that means* orang yang memegang deposit juga yang luar negara punya, bukan orang Malaysia memegang deposit juga dikira dalam hutang luar negara, mata wang dan deposit liabiliti lain termasuk peruntukan SDR oleh IMF, bon terbitan luar negara dalam mata wang asing, pinjaman antara syarikat dalam mata wang asing, pinjaman lain termasuk pinjaman antara syarikat tidak berkaitan.

Kalau kita melihat daripada segi definisi lama, pada tahun 2013, sebenarnya hutang luar negara adalah sebanyak RM324 bilion. Akan tetapi kalau kita menggunakan definisi baru, ia adalah sebanyak RM696.6 bilion. Kalau kita melihat pada tahun 2014, ia adalah mencecah 744 bilion dalam ringgit tetapi kalau kita melihat negara-negara jiran seperti Singapura, hutang luar negara mereka dalam USD adalah sebanyak 1,342 bilion. Jauh lebih tinggi dari Malaysia. Indonesia juga dalam USD adalah lebih tinggi dari Malaysia, 292 bilion, di United Kingdom adalah sebanyak USD9,382 bilion. Ini jelas menunjukkan bahawa hutang luar negara ini merangkumi boleh dikatakan *private* dan juga *government* dan juga boleh dikatakan *debt* umum.

Selain itu, kita melihat terdapat banyak pertanyaan yang merangkumi beberapa isu. Nombor satu, mengenai peruntukan tambahan yang diperlukan untuk menampung peningkatan kos yang mendadak terutamanya bagi pembayaran faedah persaraan sektor awam melalui Angkatan Tentera Malaysia. Ini adalah pertanyaan oleh Yang Berhormat Jasin. Antara sebab kenaikan mendadak adalah tahun 2014 adalah:

(a) tahun pertama bermula persaraan 60 tahun selepas umur persaraan dinaikkan kepada 60 tahun daripada 58 tahun pada tahun 2012;

(b) kenaikan pencen tahunan pada kadar 2% bermula pada tahun 2013 juga memberi impak kepada peningkatan pembayaran pencen bulanan;

(c) perubahan dasar kerajaan berhubung kenaikan gaji tahunan juga menyumbang kepada kenaikan faedah persaraan pilihan;

(d) peningkatan faedah persaraan juga disebabkan bayaran penyelarasan yang tidak dijangka. Contoh bayaran penyelarasan gred gaji terakhir pada tarikh persaraan; dan

(e) selain itu persaraan seperti persaraan pilihan sendiri dan mati dalam perkhidmatan adalah sukar untuk dijangka secara tepat.

Untuk makluman, jumlah pesara dan penerima pencen termasuk pesara Angkatan Tentera Malaysia adalah berjumlah 707,129 orang pada masa ini dan juga untuk peruntukan tambahan sebanyak 287 oleh JPA adalah untuk pembayaran bayaran khas pesara lanjutan daripada keputusan kerajaan untuk memanjangkan bonus tahunan yang diterima oleh penjawat awam kepada pesara dalam bentuk bayaran khas pesara. Pembayaran ini dibuat sebanyak dua kali iaitu pada 2 Januari 2014 dan 15 Julai 2014. Peruntukan ini adalah luar jangka kerana pemberian bayaran khas pesara tidak termasuk dalam peruntukan yang diluluskan pada tahun 2014.

Kita juga mendapat pertanyaan terutamanya mengenai isu-isu kesihatan. Yang Berhormat Lenggong meminta supaya Pusat Kesihatan Lenggong dinaik taraf dengan diwujudkan katil-katil bagi membolehkan pesakit dirawat dengan sempurna. Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk memastikan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang lebih baik kepada semua rakyat. Untuk makluman, Kementerian Kesihatan telah pun menyediakan klinik kesihatan Lenggong baru yang mula beroperasi sejak 3 Januari 2014 bagi menggantikan Klinik Kesihatan Lenggong lama. Kementerian juga mengambil maklum bahawa penduduk Lenggong mendapat perkhidmatan rawatan pesakit dalam dari Hospital Gerik yang berjarak 48 kilometer dan Hospital Kuala Kangsar yang berjarak 56 kilometer.

Oleh itu kemudahan di Klinik Kesihatan Lenggong baru tersebut adalah lebih lengkap berbanding dengan klinik-klinik kesihatan yang biasa di mana ia dilengkapi dengan katil pesakit iaitu tiga katil bagi pusat bersalin alternatif untuk kes-kes berisiko rendah dan empat buah katil bagi rawatan kecemasan. Kemudahan ini bagi merawat keadaan pesakit melalui pemerhatian yang lebih teliti dalam tempoh yang lebih lama sebelum dirujuk ke hospital sekiranya benar-benar ada keperluan.

Terdapat juga pertanyaan daripada Yang Berhormat Gerik terutamanya mengenai klinik kesihatan di Pengkalan Hulu. Klinik Kesihatan Pengkalan Hulu yang baru dibina siap dan beroperasi pada 17 November 2014. Klinik Kesihatan Pengkalan Hulu yang lama memang sedang dalam perancangan Kementerian Kesihatan untuk diubahsuai dan dinaik taraf bagi mewujudkan kemudahan untuk ibu bersalin kes risiko rendah. Bangunan ini terletak pada jarak 200 meter sahaja dari klinik baru. Peruntukan akan disediakan pada RMKe-11 akan datang bagi kerja-kerja naik taraf dan perolehan perawatan yang diperlukan.

Mengenai isu-isu terutamanya denggi, Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil serius mengenai masalah denggi di negara ini. Situasi denggi di seluruh negara dipantau setiap hari di bilik gerakan denggi sama ada di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Berikutan peningkatan kes denggi yang melanda negara pada tahun ini, kerajaan telah pun mengambil tindakan yang drastik dengan menubuhkan Jawatankuasa Denggi Peringkat Kebangsaan 2014, dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Jawatankuasa ini diselaraskan oleh Kementerian Kesihatan dan dianggotai oleh enam kementerian serta Setiausaha Kerajaan Negeri telah melaksanakan Pelan Tindakan bersepadu untuk memerangi denggi habis-habisan iaitu Pelan Tindakan Jawatankuasa Denggi peringkat Kebangsaan mengenai Denggi 2014.

Pelan tindakan ini juga diteruskan untuk diterjemahkan di peringkat negeri dan daerah melalui penubuhan pasukan petugas khas denggi peringkat negeri dengan penekanan diberikan kepada perkara-perkara berikut:

(i) melaksanakan kempen memerangi denggi dengan memberi tumpuan kebersihan persekitaran secara besar-besaran dengan penglibatan pelbagai pihak. Ini termasuk aktiviti kutipan sampah domestik dan sampah pukal dilaksanakan mengikut jadual, kebersihan kawasan tumpuan awam dan rekreasi serta penyelenggaraan sistem perparitan, landskap dan bangunan kediaman;

(ii) pemeriksaan pembiakan aedes di tapak pembinaan secara bersepadu yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bersama dengan PBT, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja serta memastikan semua tapak pembinaan menjalankan aktiviti pencegahan dan kawalan denggi di kawasan mereka secara berkala;

(iii) melaksanakan program bebas denggi di sekolah, pusat pengajian, fasiliti kerajaan persekutuan dan negeri di semua kementerian serta mempertingkatkan penubuhan projek *communication for behaviour* berimpak untuk mencegah dan mengawal denggi di komuniti; dan

(iv) memperkukuhkan Jawatankuasa Denggi Daerah yang dipengerusikan oleh pegawai daerah dan dianggotai oleh pelbagai agensi berkenaan bagi menyelaras aktiviti kawalan dan pencegahan wabak denggi di daerah.

■1710

Semenjak tahun 2006, Kementerian Kesihatan juga sentiasa memantau dan mengawal selia kos perubatan di hospital-hospital swasta berpandukan Jadual Ketiga Belas, Peraturan-peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan 2006. Peraturan tersebut melalui Jadual Ketiga Belas memperuntukkan kepada Kementerian Kesihatan untuk meletakkan harga siling atau had maksimum kos rawatan bagi fi perundingan dan fi profesional untuk prosedur pengamal perubatan atau pergigian swasta supaya rakyat diberi perlindungan daripada dikenakan caj yang terlampau tinggi.

Sementara itu, Kementerian Kesihatan sentiasa membuat pemantauan dan kawal selia ke atas fi perundingan dan fi profesional bagi prosedur pengamal perubatan atau pergigian swasta. Di antara mekanisme yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan adalah memastikan ketidakpuasan hati atau aduan daripada pelbagai pihak mengenai fi disemak dan disiasat, meminta hospital swasta mengadakan prosedur ketidakpuasan hati ke atas aduan-aduan, memberi peringatan kepada hospital swasta supaya mematuhi fi profesional seperti dalam Jadual Ketiga Belas, membolehkan pesakit membuat pemantauan ke atas fi yang dikenakan serta melaksanakan hak pesakit untuk mengetahui kos sebelum rawatan melalui *financial counseling,* dengan izin, yang diadakan oleh pihak swasta.

Pada masa yang sama, pengamal perubatan adalah disarankan untuk mengenakan bayaran yang munasabah kepada pesakit dengan mengambil kira latar belakang pesakit, kompleksiti kes yang dikenakan, jenis fasiliti, lokasi dan sebagainya. Saya juga difahamkan baru-baru ini, Kementerian Kesihatan juga melalui portalnya *http://www.farmasi.gov.my* telah menyenaraikan harga runcit disyorkan untuk rujukan bagi harga-harga ubat.

Yang Berhormat Jasin, membangkitkan isu sekolah yang tidak mempunyai makmal atau yang tidak mencukupi makmal yang diselenggara. Bilangan sekolah yang tidak mempunyai makmal ialah sebanyak 5,446 iaitu 5,337 sekolah rendah, 109 sekolah menengah. Bilangan makmal ini merujuk kepada makmal fizik, kimia, biologi, sains tambahan dan integrasi. Penyelenggaraan makmal dilaksanakan berdasarkan keperluan dan kedudukan kewangan semasa.

Daripada segi isu yang dibangkitkan dalam Kementerian Pengangkutan mengenai kemalangan yang berlaku. Kerajaan telah membuat kajian secara komprehensif terhadap kes kemalangan jalan raya yang berlaku di negara kita di mana punca kemalangan adalah

disebabkan oleh sikap pengguna jalan raya, keadaan teknikal kenderaan dan faktor keadaan jalan raya. Bagi maksud ini, kerajaan telah memperkenalkan Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014-2020. Pelan ini telah dirangka supaya inisiatif-inisiatif keselamatan jalan raya dapat dilaksanakan secara strategik, komprehensif dan menyeluruh.

Untuk pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014-2020 telah dirangka berdasarkan lima tonggak strategik seperti berikut:

(i) Strategik Pertama, pengurusan keselamatan jalan raya;

(ii) Strategik Kedua, mobiliti dan jalan raya yang lebih selamat;

(iii) Strategik Ketiga, kenderaan yang lebih selamat;

(iv) Strategik Keempat, pengguna jalan raya yang lebih selamat; dan

(v) Strategik Kelima, pengurusan pasca kemalangan.

Sasaran yang ditetapkan di bawah pelan ini adalah menurunkan sebanyak 50% jangkaan kadar kematian iaitu 10,716 pada tahun 2020 kepada 5,353. Sasaran ini adalah mengambil kira strategi-strategi dan program-program keselamatan jalan raya yang telah dan akan dijalankan berdasarkan lima tonggak strategik dan juga melalui 34 program keselamatan jalan raya yang telah digariskan dalam pelan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi tempoh 10 tahun dari 2005 hingga 2014, indeks kematian bagi setiap 10 ribu kenderaan berdaftar telah menurun daripada 4.18% kepada 2.66% hasil usaha kerajaan dalam menangani isu-isu berkaitan keselamatan jalan raya.

Selain itu, perangkaan PDRM pada tahun 2014 juga telah menunjukkan penurunan di mana kes kemalangan maut telah menurun kepada 6,187 kes berbanding dengan 6,308 kes pada tahun 2013 dengan penurunan sebanyak 121 kes. Bagi tempoh yang sama, bilangan kematian telah menurun kepada 6,674 kematian berbanding dengan 6,915 kematian dengan penurunan sebanyak 241 kematian.

Daripada segi MOSTI, terdapat pertanyaan terutamanya daripada segi dana-dana dan juga peruntukan. Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, sejumlah RM465 juta telah disediakan di bawah Dana Pra Pengkomersilan. Daripada jumlah ini, seramai 209 usahawan telah mendapat pembiayaan. Dana-dana yang disediakan telah digunakan untuk menjalankan R&D dan mengangkat idea inovasi di kalangan rakyat Malaysia ke tahap pra pengkomersilan.

Kesemua projek yang siap di bawah pembiayaan dana MOSTI akan dipanjangkan kepada syarikat modal teroka seperti MTDC, MEKEP, MDB bagi tujuan pengkomersilan. Pemilihan panel penilai adalah dikenal pasti oleh institut syarikat berdasarkan kelayakan dan pengalaman. Disahkan oleh Naib Canselor Ketua Pengarah, diperakukan oleh Kluster berkaitan di MOSTI, diluluskan oleh pihak pengurusan MOSTI. Pihak industri juga tidak berminat untuk menjadi panel kerana bayaran honorarium adalah kecil.

Untuk pertanyaan menjelaskan mengapa amaun untuk emolumen kakitangan awam tidak dapat dibajetkan lebih awal supaya tiada permohonan tambahan. Pada setiap tahun, kerajaan akan menyediakan peruntukan mencukupi bagi emolumen dengan mengambil kira pengisian perjawatan sedia ada di kementerian, jabatan dan agensi. Namun begitu, terdapat beberapa keadaan yang memerlukan kerajaan menyediakan peruntukan tambahan yang melibatkan pertambahan kakitangan seperti kakitangan hospital dan sekolah.

Ini adalah penting bagi memastikan perkhidmatan kepada rakyat disediakan sebaiknya. Contohnya, pada tahun 2014 terdapat pertambahan kakitangan untuk hospital pelbagai jawatan seramai 15,235 kaki tangan yang merangkumi kumpulan daripada pengurusan, paramedik, sokongan dan pelaksana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, habis?

Datuk Chua Tee Yong: Tuan Yang di-Pertua, saya habis. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan pada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

[Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

> *"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak satu bilion, sembilan ratus dua puluh satu juta, sembilan ratus sembilan puluh lima ribu, lapan ratus lapan puluh ringgit (RM1,921,995,880) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2014 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2014 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2015 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis".*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Yang Berhormat, kita ada usul pagi tadi untuk kita habiskan perbahasan kita, urusan kita sehingga tamat perbahasan di peringkat Dasar. Oleh itu, Mesyuarat kita ditangguhkan sehingga hari esok, Selasa, 31 Mac 2015, jam 10 pagi.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.20 petang]